

Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013



EPU
ECONOMIC PLANNING UNIT
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT, MALAYSIA

**UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA**

ISSN 2289-5450



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

KETUA PENGARAH
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Blok B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>
E-mel: mwi@epu.gov.my

Tel. : 603-8872 3333
Faks : 603-8888 3755

Diterbitkan pada November 2013

Naskah jualan boleh diperolehi daripada:

Seksyen Ekonomi Makro
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

Tel.: 603-8872 3250 / 3252 / 3255 / 3246
Fax: 603-8888 3798

Harga: RM30.00

Hakcipta terpelihara ©

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.



PERUTUSAN DARIPADA MENTERI

Kesejahteraan adalah satu konsep yang luas yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, psikologi dan sosial. Malaysia terus memberi penekanan kepada pendekatan holistik dalam pembangunan dan meletakkan keutamaan kepada kesejahteraan rakyat dalam proses perancangan dan penyampaian perkhidmatan. Pendekatan ini adalah selaras dengan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Oleh itu, mengukur kesejahteraan adalah penting untuk menilai kemajuan kita.

Dalam laporan pertama Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat yang juga termasuk aspek keterangkuman dan pembangunan mampan. IKRM 2012 yang meliputi tempoh 2000 hingga 2012, dibangun berdasarkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dengan skop yang lebih luas supaya merangkumi aspek kesejahteraan lain.

Sejak 13 tahun yang lalu, Keluaran Dalam Negeri Kasar terus berkembang pada kadar purata sebanyak 4.8 peratus setahun. Pertumbuhan ini telah memberi kesan yang ketara terhadap kesejahteraan rakyat seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan IKRM sebanyak 1.9 peratus setahun dalam tempoh tersebut.

Pencapaian ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya dan dijadikan panduan dalam usaha memperkenalkan strategi yang lebih inovatif terutamanya dalam mengatasi kelemahan yang wujud. Kita juga perlu memastikan setiap Ringgit yang dibelanjakan dapat menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan rakyat.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada UPE, JPM dan semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam membangunkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia dan seterusnya menerbitkan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 ini.

SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya



PRAKATA

Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 (LKRM) merupakan laporan pertama yang diterbitkan untuk menilai tahap kesejahteraan rakyat menggunakan set indikator yang komprehensif. Laporan ini mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial yang mengandungi aspek komunikasi, kebudayaan, pendidikan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, pendapatan dan pengagihan, liburan, keselamatan awam, penyertaan sosial, pengangkutan dan persekitaran kerja. Secara keseluruhannya, tahap kesejahteraan rakyat telah meningkat dalam tempoh 2000-2012. Laporan ini juga turut menjelaskan dasar dan program utama Kerajaan yang telah menyumbang kepada peningkatan tahap kesejahteraan rakyat.

Adalah amat membanggakan untuk dinyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi telah berjaya memberi kesan positif terhadap peningkatan kesejahteraan rakyat. Hasil penilaian menunjukkan Malaysia memperoleh pencapaian yang baik dalam pelbagai aspek kesejahteraan rakyat. Namun begitu, masih terdapat bidang tertentu yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Justeru, penekanan yang lebih akan ditumpukan kepada aspek kesejahteraan yang memerlukan penambahbaikan pada masa hadapan. Bagi mencapai tahap kesejahteraan rakyat yang lebih baik Kerajaan akan terus memberi fokus kepada program pembangunan yang berteraskan rakyat dan memastikan pembangunan dapat memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat.

Adalah diharapkan agar laporan ini dapat dijadikan dokumen rujukan yang berguna kepada pelbagai pihak, bukan sahaja sebagai sumber maklumat dan pengetahuan, tetapi juga dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar dan program yang bermatlamat khusus untuk kesejahteraan rakyat.

DATUK DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya

RINGKASAN EKSEKUTIF

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) dibangunkan untuk memberi gambaran mengenai tahap kesejahteraan rakyat menggunakan 14 komponen yang meliputi aspek ekonomi dan sosial. IKRM merupakan penambahbaikan kepada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang telah diterbitkan buat pertama kalinya pada tahun 1999 bertujuan mengukur secara kuantitatif pencapaian negara dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. IKRM akan dijadikan tanda aras penting dalam penggubalan dasar dan program ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan.

IKRM bertujuan mengukur keberkesanan pelaksanaan pelbagai dasar dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat serta sebagai panduan kepada penggubal dasar untuk maju ke hadapan. Pemilihan komponen dan indikator IKRM adalah berdasarkan amalan terbaik antarabangsa di samping mengambil kira isu dan cabaran semasa dalam negara. Kesan pertumbuhan ekonomi terhadap kesejahteraan rakyat turut dinilai dalam laporan ini.

IKRM yang meliputi tempoh 2000-2012 merupakan indeks komposit yang mengandungi dua indeks sub-komposit iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Sub-komposit kesejahteraan ekonomi mengandungi lima komponen iaitu komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan, pengangkutan dan persekitaran kerja. Sub-komposit kesejahteraan sosial pula mengandungi sembilan komponen iaitu kebudayaan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, liburan, keselamatan awam dan penyertaan sosial.

Dalam tempoh 2000-2012, IKRM mencatat 25.4 mata yang menunjukkan peningkatan tahap kesejahteraan rakyat. Peningkatan ini disumbangkan oleh pelaksanaan pelbagai dasar dan strategi pembangunan oleh Kerajaan dalam

menambah baik kualiti kehidupan dan tahap kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh tersebut, sub-komposit kesejahteraan ekonomi meningkat sebanyak 33.3 mata iaitu pada kadar pertumbuhan 2.4 peratus setahun. Sub-komposit kesejahteraan sosial pula meningkat sebanyak 21.0 mata iaitu pada kadar purata 1.6 peratus setahun. Komponen pengangkutan dan perumahan mencatat peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 36.9 mata. Komponen keluarga mencatat peningkatan terendah iaitu sebanyak 4.6 mata.

Pencapaian pelbagai indikator IKRM menunjukkan rakyat menikmati akses yang lebih baik kepada perkhidmatan komunikasi, pendidikan, kesihatan, perumahan dan pengangkutan. Persekitaran kehidupan juga telah bertambah baik berikutan peningkatan kualiti tempat kediaman dan kemudahan asas yang lebih baik serta peningkatan pemuliharaan alam sekitar dan tahap keselamatan awam. Lebih ramai rakyat berpeluang menikmati liburan dan kebudayaan serta menyertai aktiviti komuniti dan sosial. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar perceraian, jenayah juvana dan penyakit tidak berjangkit telah menjejaskan pencapaian indikator institusi keluarga dan tahap kesihatan.

Dalam tempoh 2000-2012, terdapat hubung kait positif yang kukuh antara pertumbuhan ekonomi dengan IKRM. Analisis keanjalan menunjukkan IKRM meningkat sebanyak 0.21 peratus bagi setiap satu peratus peningkatan dalam KDNK pada harga semasa. Ini membuktikan bahawa pertumbuhan ekonomi dalam tempoh 13 tahun yang lepas telah meningkatkan kesejahteraan rakyat secara signifikan. Hubung kait yang signifikan antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan rakyat, antara lain adalah hasil daripada kejayaan pelaksanaan pelbagai strategi dan program pembangunan yang berteraskan rakyat.

Secara keseluruhannya, Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat menjadi negara maju bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga aspek sosial, alam sekitar dan kualiti hidup. IKRM merupakan instrumen penting untuk mengukur status pencapaian negara sehingga

kini. Pada masa hadapan, penambahbaikan dalam beberapa komponen IKRM di bawah sub-komposit kesejahteraan sosial adalah perlu bagi Malaysia merealisasi matlamat menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.


ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN DARIPADA MENTERI	i
PRAKATA	ii
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	ix
ARTIKEL KOTAK	x
SENARAI RAJAH / JADUAL DALAM ARTIKEL KOTAK	xi

1. PENGENALAN	1
Pendahuluan	2
Struktur Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013	2
Prestasi Keseluruhan IKRM, 2000-2012	7
2. KESEJAHTERAAN EKONOMI	11
Pendahuluan	12
Indeks Komponen Pengangkutan	12
Indeks Komponen Komunikasi	15
Indeks Komponen Pendidikan	18
Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan	24
Indeks Komponen Persekitaran Kerja	27
3. KESEJAHTERAAN SOSIAL	31
Pendahuluan	32
Indeks Komponen Perumahan	32
Indeks Komponen Liburan	36
Indeks Komponen Tadbir Urus	38
Indeks Komponen Keselamatan Awam	40
Indeks Komponen Penyertaan Sosial	43
Indeks Komponen Kebudayaan	45
Indeks Komponen Kesihatan	47
Indeks Komponen Alam Sekitar	52
Indeks Komponen Keluarga	56

4. PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MENJANA KESEJAHTERAAN

Pendahuluan
 Metodologi
 Korelasi antara KDNK dengan IKRM
 Keanjalan Pendapatan kepada Kesejahteraan



RUJUKAN	72
LAMPIRAN	75
Nota Teknikal	76
Metodologi Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia	76
Komponen dan Indikator	76
Pemilihan Indikator	86
Pengiraan Indeks	87
Jadual Perangkaan	93
Glossari Akronim	101

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Rangka Kerja Kesejahteraan Malaysia	3
Rajah 1.2	Komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2012	5
Rajah 1.3	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000 - 2012	7
Rajah 2.1	Indeks Komponen Pengangkutan	12
Rajah 2.2	Indikator Pengangkutan	13
Rajah 2.3	Panjang Jalan Berturap dan Tidak Berturap	14
Rajah 2.4	Indeks Komponen Komunikasi	15
Rajah 2.5	Indikator Komunikasi	16
Rajah 2.6	Indeks Komponen Pendidikan	19
Rajah 2.7	Indikator Kesaksamaan Pendidikan	20
Rajah 2.8	Indikator Kualiti Pendidikan	21
Rajah 2.9	Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan	25
Rajah 2.10	Indikator Pendapatan dan Pengagihan	25
Rajah 2.11	Indeks Komponen Persekitaran Kerja	28
Rajah 2.12	Indikator Persekitaran Kerja	29
Rajah 3.1	Indeks Komponen Perumahan	33
Rajah 3.2	Indikator Perumahan	34
Rajah 3.3	Indeks Komponen Liburan	36
Rajah 3.4	Indikator Liburan	37
Rajah 3.5	Indeks Komponen Tadbir Urus	38
Rajah 3.6	Indikator Tadbir Urus	39
Rajah 3.7	Indeks Komponen Keselamatan Awam	41
Rajah 3.8	Indikator Keselamatan Awam	42
Rajah 3.9	Indeks Komponen Penyertaan Sosial	43
Rajah 3.10	Indikator Penyertaan Sosial	44

Rajah 3.11	Indeks Komponen Kebudayaan	46
Rajah 3.12	Indikator Kebudayaan	46
Rajah 3.13	Indeks Komponen Kesihatan	48
Rajah 3.14	Indikator Kesihatan	49
Rajah 3.15	Indeks Komponen Alam Sekitar	52
Rajah 3.16	Indikator Alam Sekitar	53
Rajah 3.17	Indeks Komponen Keluarga	56
Rajah 3.18	Indikator Keluarga	57
Rajah 3.19	Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur	59
Rajah 4.1	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata KDNK, IKRM dan Indeks Sub-komposit	66
Rajah 4.2	Trend bagi Indikator Institusi Keluarga dan KDNK	68
Rajah 4.3	Kadar Pertumbuhan KDNK dan Indeks Kesejahteraan	69
Rajah A.1	Hubungan di antara indeks komposit dan indeks	88

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2012	8
Jadual 4.1	Korelasi antara IKRM dan Indeks Sub-komposit dengan KDNK	65
Jadual 4.2	Korelasi antara Indeks Komponen dengan KDNK	67
Jadual 4.3	Keanjalan IKRM dan Indeks Sub-komposit kepada KDNK	69
Jadual 4.4	Keanjalan Indeks Komponen dan Sub-komponen kepada KDNK	71
Jadual A.1	Komponen Kesejahteraan	76
Jadual A.2	Indikator IKRM	79
Jadual A.3	Hasil Analisis Faktor	86

ARTIKEL KOTAK

KOTAK 1.1	ANTARA MUKA BAGI PENGUKURAN KESEJAHTERAAN	6
KOTAK 2.1	PANGGILAN TERPUTUS DI MALAYSIA	18
KOTAK 2.2	PENILAIAN PELAJAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA	22
KOTAK 2.3	KEBOLEHPASARAN GRADUAN	23
KOTAK 2.4	KEJAYAAN MALAYSIA DALAM MEMBASMI KEMISKINAN	26
KOTAK 2.5	PENAMBAHBAIKAN SUASANA KERJA DENGAN MENGHARMONIKAN PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG BURUH	30
KOTAK 3.1	PERUMAHAN AWAM DI MALAYSIA	35
KOTAK 3.2	KERAJAAN ELEKTRONIK	40
KOTAK 3.3	INDEKS KEBIMBANGAN MENJADI MANGSA JENAYAH	42
KOTAK 3.4	HUBUNGAN SOSIAL DALAM INDEKS BELIA MALAYSIA	45
KOTAK 3.5	PENYAKIT YANG BERKAITAN DENGAN GAYA HIDUP	51
KOTAK 3.6	PELAKSANAAN PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MAMPAN (SCP) DI MALAYSIA	55
KOTAK 3.7	INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2011	60

SENARAI RAJAH / JADUAL DALAM ARTIKEL KOTAK

Rajah B1.1	Pengukuran Kesejahteraan Antara Muka	6
Jadual B3.1	Domain Hubungan Sosial	45
Jadual B3.2	Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011: Skor bagi Domain dan Indikator	61



1. PENGENALAN

Pendahuluan

Dalam tempoh empat dekad yang lalu, Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosio-ekonomi yang memberangsangkan. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) telah dibangunkan pada tahun 1999 bagi membolehkan kemajuan negara diukur melangkaui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). IKHM mengalami beberapa perubahan iaitu berkembang daripada 10 komponen dan 38 indikator kepada 11 komponen dan 45 indikator untuk memberi gambaran kehidupan sosio-ekonomi masyarakat pelbagai etnik dan kualiti hidup yang lebih tepat.

Selaras dengan kemajuan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, indikator IKHM perlu diperkukuhkan supaya skopnya lebih menyeluruh. Oleh itu, IKHM telah dimantapkan dan dibangunkan sebagai Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). IKRM telah dibangunkan berdasarkan

indeks dan indikator domestik serta yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di samping itu, IKRM mengambil kira status Malaysia sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi dan mempunyai keunikan masyarakat berbilang kaum. Penilaian secara berkala kemajuan sosial, alam sekitar dan ekonomi negara akan dibuat melalui IKRM untuk membantu pengubalan dan pelaksanaan dasar pembangunan sosio-ekonomi.

Laporan ini dibahagikan kepada empat bab. Bab 1 membincangkan struktur Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (LKRM) dan prestasi keseluruhan IKRM. Bab 2 dan Bab 3 adalah untuk memperinci dan melaporkan prestasi indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial serta komponennya. Bab 4 pula membincangkan keputusan analisis hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan.


Struktur Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013

Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 menganalisis keberkesanan pelbagai dasar pembangunan sosio-ekonomi Kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. Analisis ini dapat dicapai dengan membangun IKRM serta menilai hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan rakyat di peringkat komposit dan komponen. Analisis ini juga memberi pemahaman yang lebih baik mengenai tahap

kesejahteraan hasil daripada perubahan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Rangka Kerja Kesejahteraan Malaysia ditunjukkan dalam *Rajah 1.1*.

Di samping itu, beberapa kotak artikel mengenai topik yang berkaitan telah dimasukkan dalam laporan ini. Tujuan artikel ini adalah untuk memberi maklumat tambahan yang berkaitan dengan prestasi komponen dan indikator.

Rajah 1.1 Rangka Kerja Kesejahteraan Malaysia



Dua langkah utama diguna pakai dalam membuat penilaian kesejahteraan rakyat. **Langkah pertama** ialah pemilihan indikator kesejahteraan dan pembangunan IKRM 2012 yang merangkumi pendefinisian kesejahteraan dan pemilihan komponen dan indikator melalui kaedah kuantitatif yang rapi. Tidak ada definisi kesejahteraan yang tepat dalam literatur sedia ada. Walau bagaimanapun, dalam konteks IKRM, "kesejahteraan" merujuk kepada pelbagai manfaat yang diperoleh dan dinikmati secara langsung atau tidak langsung serta menyumbang kepada kepuasan hidup individu, keluarga dan masyarakat. Manfaat ini yang meliputi aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai dasar, strategi dan program pembangunan sosio-ekonomi.

Komponen dan indikator dipilih berdasarkan amalan terbaik antarabangsa serta isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh rakyat. Antara isu yang dikenal pasti termasuk yang berkaitan dengan kualiti pendidikan, infrastruktur, perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan tahap kesihatan

serta ketersediaan perumahan mampu milik. Setelah indikator disusun mengikut komponen, kesesuaian indikator di bawah setiap komponen tersebut diuji secara statistik menggunakan analisis faktor¹. Secara amnya, analisis faktor adalah untuk menentukan corak taburan data (pembolehubah *observed*) dan mengenal pasti komponen (pembolehubah *unobserved*). Pembolehubah *unobserved* adalah komponen yang tidak boleh diukur secara langsung seperti pendidikan atau keluarga, manakala pembolehubah *observed* adalah prestasi pelajar atau kes perceraian.

IKRM dibangunkan sebagai indeks komposit yang terdiri daripada indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1.2*. Ini adalah untuk membezakan pencapaian kesejahteraan dari perspektif ekonomi dan sosial kerana keduanya memberi kesan kesejahteraan yang berbeza. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen, iaitu komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan, pengangkutan dan persekitaran


¹ Rujuk kepada Nota Teknikal 1 bagi metodologi terperinci pembangunan IKRM

kerja. Komponen pendidikan dibahagikan kepada sub-komponen kesaksamaan dan kualiti. Sub-komposit kesejahteraan sosial terdiri daripada sembilan komponen, iaitu kebudayaan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, liburan, keselamatan awam dan penyertaan sosial. Komponen keluarga dibahagikan kepada sub-komponen institusi keluarga dan kedudukan kewangan manakala komponen kesihatan terdiri daripada sub-komponen tahap kesihatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Pembahagian

komponen kepada sub-komponen adalah untuk membeza prestasi komponen dari perspektif output dan *outcome*. Walau bagaimanapun, hanya tiga komponen sahaja dapat dibahagikan kepada sub-komponen kerana kekangan data. IKRM 2012 ini dibangunkan berasaskan 68 indikator terpilih.

Metodologi terperinci untuk membangunkan indeks komposit serta penjelasan mengenai indeks komponen dan indikator dijelaskan dalam *Lampiran I: Nota Teknikal*.

Rajah 1.2 Komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2012



Langkah kedua dalam menganalisis kesejahteraan adalah mengkaji hubung kait antara pertumbuhan ekonomi yang diukur berdasarkan KDNK dan kesejahteraan yang diukur melalui IKRM. Analisis ini melibatkan pengujian hubung kait antara indeks komposit, indeks sub-komposit dan indeks komponen IKRM dengan pertumbuhan ekonomi serta keanjalannya dengan perubahan KDNK. Pengujian ini dijalankan selaras dengan penemuan literatur yang mengesahkan saling hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan (Stiglitz, 2012). Walau bagaimanapun, analisis dalam laporan IKRM ini hanya tertumpu kepada pengujian kesan pertumbuhan ekonomi kepada kesejahteraan. Pendekatan yang sama digunakan oleh Boston Consulting Group (2012) dalam mengkaji keupayaan sesebuah negara menggunakan kekayaan bagi menjana kesejahteraan.

Hubung kait dan keanjalan antara indeks komposit, indeks sub-komposit dan indeks komponen IKRM dengan KDNK dinilai menerusi ujian koefisien korelasi dan keanjalan. Ujian korelasi digunakan untuk menentukan magnitud hubung kait antara indeks tersebut dan KDNK. Pada asasnya, koefisien korelasi mengukur kewujudan dan arah hubung kait sama ada positif atau negatif, dan tahap linear antara dua pembolehubah. Korelasi sifar menunjukkan tidak wujud hubung kait linear antara dua pembolehubah. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna tidak ada hubung kait antara dua pembolehubah berkenaan, malah hubung kaitnya mungkin kuat tetapi bukan dalam bentuk linear.


Seterusnya, keanjalan IKRM, indeks komposit, indeks sub-komposit dan indeks komponen IKRM dengan KDNK dinilai untuk menentukan keupayaan KDNK menjana kesejahteraan. Secara ringkas, koefisien keanjalan mengukur tahap kepekaan IKRM dan indeks berkenaan terhadap perubahan KDNK.

KOTAK 1.1 ANTARA MUKA BAGI PENGUKURAN KESEJAHTERAAN

Pengukuran kesejahteraan dibuat dengan menggunakan beberapa pendekatan berdasarkan bidang tumpuan. Secara amnya, skop indeks yang dibangunkan di bawah setiap pengukuran terdiri daripada tiga antara muka, seperti ditunjukkan dalam *Rajah B1.1*. Antara muka pertama adalah di peringkat individu. Contohnya, pengukuran kemiskinan daripada kajian bertajuk “*Voices of the Poor*” (Narayan-Parker & Patel, 2000). Pengukuran kesejahteraan yang dibangunkan berdasarkan perspektif peribadi boleh berbentuk sama ada subjektif/persepsi

atau objektif. Antara muka kedua adalah berdasarkan kumpulan sosial. Kebanyakan kajian di Kesatuan Eropah mengenai ketidakterangkuman sosial, menggunakan pendekatan antara muka kedua (Atkinson, Cantillon, Marlier, & Nolan, 2005). Pembahagian kumpulan sosial boleh berdasarkan jantina, etnik, kumpulan umur dan jenis pekerjaan. Kategori antara muka ketiga adalah berkaitan prestasi sesebuah negara berbanding negara lain.

Rajah B1.1 Pengukuran Kesejahteraan Antara Muka



Human Development Index (HDI) yang dibangunkan oleh *United Nations Development Programmes* (UNDP) pertama kali diterbitkan dalam *Human Development Report* (HDR) UNDP tahun 1990. Indeks ini membandingkan tahap kesejahteraan negara di peringkat antara muka ketiga dengan mengukur tiga aspek asas pembangunan insan iaitu jangkaan hayat ketika lahir dan hidup sihat, akses kepada pendidikan dan taraf hidup. Pada tahun 2012, berdasarkan kepada HDI 186 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia berada di kedudukan ke-64.

Quality of Life Index (QOL) telah dibangunkan oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) dan mengukur aspek objektif dan subjektif kualiti hidup bagi 111 negara. Indeks ini telah diterbitkan sekali, iaitu pada tahun 2005

dan Malaysia berada di kedudukan ke-36. QOL diukur melalui penyiasatan kepuasan hidup bagi sembilan faktor kualiti hidup iaitu kekayaan material, kesihatan, kestabilan politik dan keselamatan, kehidupan keluarga, kehidupan masyarakat, iklim dan geografi, keselamatan kerja, kebebasan politik dan kesaksamaan gender.

Gross National Happiness Index of Bhutan untuk mengukur kebahagiaan penduduk secara keseluruhan juga merupakan pengukuran kesejahteraan yang sering dijadikan contoh. Indeks ini menggunakan sembilan domain iaitu kesejahteraan psikologi, penggunaan masa, kehidupan bermasyarakat, kebudayaan, kesihatan, pendidikan, kepelbagaian alam sekitar, taraf hidup dan tadbir urus.

Laporan *Commission on the Measurement of Economic Performance and Social Progress (Commission on the Measurement of Economic, Social, Stiglitz, Sen, & Fitoussi, 2009)* bagi negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) mencadangkan supaya pengukuran kemajuan dan pembangunan ekonomi bukan sahaja mengambil kira aspek pengeluaran tetapi juga aspek kesejahteraan. Laporan ini juga mencadangkan supaya indikator yang digunakan bagi kesejahteraan material beralih daripada pengeluaran kepada pendapatan dan penggunaan. Indikator ini

perlu menumpukan kepada perspektif isi rumah dan menggunakan pendekatan penyata imbalan (pendapatan, penggunaan dan aset). Di samping itu, laporan ini mengesyorkan supaya aspek pengagihan dinilai secara bersama dengan menggunakan pendekatan multi dimensi.


Sumber: UNDP (2013); Economist Intelligence Unit, 2005; Royal Government of Bhutan, 2010; Commission on the Measurement of Economic et al. (2009)

Prestasi Keseluruhan IKRM, 2000-2012

Prestasi IKRM 2000-2012 menunjukkan bahawa dasar dan strategi pembangunan negara telah meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh ini, IKRM meningkat 25.4 mata atau 1.9 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1.3*. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi

meningkat 33.3 mata manakala sub-komposit kesejahteraan sosial meningkat 21.0 mata. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mencatat kadar pertumbuhan 2.4 peratus setahun berbanding dengan indeks sub-komposit kesejahteraan sosial 1.6 peratus.

Rajah 1.3 Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000 - 2012



Dalam tempoh 2000 hingga 2012, semua indeks komponen IKRM meningkat. **Indeks komponen pengangkutan** dan **perumahan** mencapai peningkatan tertinggi dengan kedua-duanya mencatat 136.9 mata, diikuti oleh **komponen komunikasi** 136.2 mata dan **komponen pendidikan** 132.9 mata. **Indeks komponen keluarga** mencatat peningkatan terendah, iaitu 104.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1.1*.

Pencapaian **indeks komponen pengangkutan** yang baik ini disebabkan oleh peningkatan dalam pemilikan kereta dan motosikal persendirian dan

bilangan penumpang perkhidmatan keretapi. Peningkatan dalam **indeks komponen perumahan** pula berikutan peningkatan ketara dalam peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat dan elektrik serta pengurangan bilangan penghuni sebilik.

Pertambahan langganan talian telefon tetap dan mudah alih, dan akaun laman web berdaftar (nama domain) telah menyumbang kepada peningkatan **indeks komponen komunikasi**. Ini adalah selaras dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan pembangunan infrastruktur Internet yang telah memperluas akses kepada perkhidmatan Internet.

Jadual 1.1 Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2012

KOMPONEN	INDEKS
Kesejahteraan Ekonomi	133.3
Pengangkutan	136.9
Komunikasi	136.2
Pendidikan	132.9
Pendapatan dan Pengagihan	131.8
Persekitaran Kerja	128.6
Kesejahteraan Sosial	121.0
Perumahan	136.9
Liburan	131.4
Tadbir Urus	128.1
Keselamatan Awam	125.6
Penyertaan Sosial	120.6
Kebudayaan	120.3
Kesihatan	114.1
Alam Sekitar	107.3
Keluarga	104.6
INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA	125.4

Nota: Tahun asas 2000 = 100

Indeks komponen pendidikan juga mencatat peningkatan prestasi yang ketara. Akses lebih luas di semua peringkat pendidikan, dan peningkatan kualiti pendidikan seperti ditunjukkan oleh kadar literasi yang lebih tinggi dan pencapaian pelajar yang lebih baik dalam peperiksaan kebangsaan telah menyumbang kepada prestasi indeks.

Indeks komponen pendapatan dan pengagihan meningkat kepada 131.8 mata terutamanya disebabkan oleh peningkatan pendapatan per kapita benar dan pengurangan kadar kemiskinan. Sementara itu, nilai koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna yang lebih rendah sebanyak 0.414 pada tahun 2012 mencerminkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama.

Selaras dengan pendapatan per kapita dan pendapatan bulanan purata isi rumah yang lebih tinggi, permintaan terhadap aktiviti liburan dan pelancongan meningkat kerana lebih ramai orang berkemampuan untuk menikmati percutian dan melancong. Peningkatan bilangan pengunjung pawagam, dan taman rekreasi serta bilangan isi rumah dengan langganan televisyen berbayar adalah penyumbang utama terhadap peningkatan **indeks komponen liburan** kepada 131.4 mata pada tahun 2012.

Indeks komponen persekitaran kerja meningkat kepada 128.6 mata pada tahun 2012. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kadar kemalangan di tempat kerja yang rendah dan pengurangan bilangan pertikaian perusahaan dan purata jam bekerja. Ini mencerminkan kewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan hubungan majikan-pekerja yang lebih harmoni.

Indeks komponen tadbir urus yang digunakan untuk mengukur kecekapan sistem penyampaian juga meningkat kepada 128.1 mata. Pertambahan bilangan transaksi pembayaran elektronik yang mencerminkan keyakinan pelanggan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan indeks ini. Peratusan penyelesaian kes yang lebih tinggi oleh Biro Pengaduan Awam juga menyumbang secara positif kepada prestasi indeks.

Indeks komponen keselamatan awam telah mencatat 125.6 mata hasil daripada pengurangan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya. Prestasi positif indeks ini adalah disebabkan oleh usaha bersepadu yang diambil bagi mengurangkan kadar jenayah, terutamanya jenayah jalanan serta keadaan jalan raya yang lebih baik.

Indeks komponen penyertaan sosial menunjukkan peningkatan. Indeks ini meningkat kepada 120.6 mata pada tahun 2012. Peningkatan ketara dalam bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar dan persatuan penduduk berdaftar mencerminkan kewujudan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni. Peningkatan keahlian dalam Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan RakanCop juga menunjukkan masyarakat yang lebih peka dan bertanggungjawab dalam mewujudkan kawasan kejiranan yang lebih selamat. Walau bagaimanapun, penurunan dalam jumlah pengundi berdaftar menjejaskan sedikit prestasi keseluruhan indeks.

Indeks komponen kebudayaan meningkat kepada 120.3 mata. Ini disebabkan oleh pertambahan bilangan keahlian perpustakaan awam, dan pengunjung muzium, Kompleks Kraf serta Istana Budaya. Peningkatan dalam penghayatan seni dan kraf tradisional telah mempengaruhi prestasi indeks ini secara positif.

Indeks komponen kesihatan meningkat kepada 114.1 mata terutamanya disumbang oleh peningkatan dalam jangkaan hayat ketika lahir dan nisbah doktor kepada penduduk serta pengurangan tempoh waktu menunggu bagi pesakit luar di hospital. Nisbah doktor kepada penduduk yang lebih baik mencerminkan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti.

Indeks komponen alam sekitar meningkat kepada 107.3 mata dalam tempoh 2000 hingga 2012. Penyumbang utama adalah peningkatan dalam kualiti air dan penurunan purata suhu maksimum.

Indeks komponen keluarga meningkat kepada 104.6 mata. Peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah dan penurunan nisbah tanggungan menyumbang kepada prestasi indeks. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar perceraian dan kes jenayah juvana menjejaskan prestasi indeks ini.

IKRM mengukur kesejahteraan rakyat daripada pelbagai aspek. Indeks ini telah dibangunkan

sebagai indeks komposit yang mengandungi 14 komponen dan 68 indikator. Dalam laporan ini, prestasi IKRM disokong oleh analisis terperinci mengenai keupayaan pertumbuhan pendapatan negara menjana kesejahteraan rakyat. Secara keseluruhannya, tahap kesejahteraan rakyat telah bertambah baik berikutan hampir kesemua indeks meningkat seiring dengan pertumbuhan pendapatan negara.



2. KESEJAHTERAAN EKONOMI

Pendahuluan

Kebanyakan komponen di bawah indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mencatat peningkatan melebihi 30 mata kecuali persekitaran kerja. Komponen pengangkutan menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 36.9 mata, diikuti komunikasi 36.2 mata. Manakala komponen persekitaran kerja mencatat peningkatan terendah, iaitu 28.6 mata.

Indeks Komponen Pengangkutan


Pengangkutan merupakan faktor utama kepada keberkesanan pelaksanaan aktiviti seharian serta kegiatan ekonomi dan sosial. Semenjak dua dekad lalu, pengangkutan awam menjadi semakin penting terutama di Lembah Klang.

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks komponen pengangkutan meningkat 36.9 mata. Semua indeks indikator iaitu pemilikan kereta dan motosikal persendirian, Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI), panjang jalan per kapita dan bilangan penumpang keretapi menunjukkan peningkatan antara 35.1 hingga 39.8 mata. Indeks bilangan penumpang keretapi menunjukkan peningkatan tertinggi 39.8 mata, diikuti pemilikan kereta dan motosikal persendirian 37.5 mata dan Indeks

Pembangunan Jalan Raya 35.4 mata. Indeks panjang jalan per kapita pula mencatat peningkatan terendah, iaitu 35.1 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.1*.




Rajah 2.1 Indeks Komponen Pengangkutan



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan penumpang keretapi	39.8
Pemilikan kereta dan motosikal persendirian	37.5
Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI)	35.4
Panjang jalan per kapita	35.1

Rajah 2.2 Indikator Pengangkutan




Indeks pemilikan kereta dan motosikal persendirian berdaftar meningkat 37.5 mata pada tahun 2012. Jumlah kenderaan persendirian yang berdaftar meningkat sekali ganda daripada 9.5 juta pada tahun 2000 kepada 20.9 juta pada tahun 2012. Ini mencerminkan peningkatan tahap kemampuan rakyat Malaysia untuk memiliki kenderaan persendirian dan merupakan mod pengangkutan pilihan utama.

Program pembangunan jalan raya dilaksanakan untuk meningkatkan akses antara bandar dan memperluas rangkaian jalan raya bagi menghubungkan nod pertumbuhan baru dengan kawasan luar bandar. Selaras dengan pengembangan jalan raya ini, RDI meningkat daripada 0.75 pada tahun 2000 kepada 1.91 pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.2*. Kepadatan pembangunan lebuhraya, ditambah dengan pembinaan dan pengurusan rangkaian jalan raya utama oleh pihak swasta telah menyumbang kepada penambahbaikan kesalinghubungan jalan raya. Jumlah panjang

keseluruhan jalan raya meningkat daripada 67,591 km pada tahun 2000 kepada 182,628 km pada tahun 2012, seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 2.3*.

Peningkatan RDI dan jumlah panjang jalan raya lebih daripada 100 peratus membuktikan usaha-usaha gigih yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Projek pembinaan jalan raya baru serta menaik taraf jalan raya lama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah menyumbang kepada peningkatan jalan raya berturap sepanjang 110,000 km. Daripada jumlah ini, 15,095 km adalah pembinaan lebuhraya baru dan penyambungan lebuhraya sedia ada dan 7,345 km merupakan jalan luar bandar yang dibina di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ini telah meningkatkan akses bagi penduduk di kawasan luar bandar dan membuka peluang baru untuk rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Rajah 2.3 Panjang Jalan Berturap dan Tidak Berturap

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), projek naik taraf jalan raya dan pembinaan lebuh raya diberi keutamaan. Antaranya termasuk pembinaan tujuh lebuh raya baru di Semenanjung Malaysia sepanjang 14,000 km. Dengan mengambil kira unjuran pertumbuhan pemilikan kereta persendirian untuk tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang, rangkaian jalan raya dijangka meningkat kepada lebih 200,000 km menjelang akhir RMKe-10.

Selain pembangunan jalan raya, tumpuan juga diberi kepada perkhidmatan keretapi dan bas sebagai mod alternatif pengangkutan awam. Ini merupakan langkah strategik memandangkan lebih 70.0 peratus rakyat Malaysia menetap di kawasan bandar.

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks bilangan penumpang keretapi meningkat dengan ketara sebanyak 39.8 mata. Jumlah penumpang keretapi pula meningkat lebih sekali ganda daripada 95.9 juta pada tahun 2000 kepada 197.3 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2012, sebanyak 98.0 peratus

daripada jumlah penumpang keretapi adalah pengguna perkhidmatan keretapi dalam bandar. Sebahagian besar perkhidmatan keretapi ini adalah tertumpu di Lembah Klang. Usaha sedang giat dilaksanakan untuk memperluas perkhidmatan ini ke bandar lain. Jumlah penumpang keretapi antara bandar telah meningkat sebanyak 10.0 peratus, iaitu daripada 3.8 juta pada tahun 2000 kepada 4.2 juta pada tahun 2012.



Dalam RMKe-9, beberapa inisiatif berkaitan pengangkutan awam di bandar telah diperkenalkan, terutamanya di Lembah Klang. Pertama, penambahan kapasiti bagi perkhidmatan keretapi dalam bandar melalui peningkatan perkhidmatan komuter. Usaha ini telah meningkatkan jumlah penumpang daripada 164.5 juta pada tahun 2009 kepada 193.0 juta pada tahun 2012. Kedua, pelaksanaan Transit Bas Ekspres (BET) pada tahun 2010 telah mengurangkan separuh daripada masa perjalanan antara bandar. Ketiga, penyediaan lebih


banyak tempat letak kereta di stesen pengangkutan awam terutama di stesen keretapi bandar, termasuk pembinaan tempat letak kereta bertingkat di sekitar Lembah Klang, bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Usaha untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam diteruskan dalam RMKe-10 dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan pengangkutan awam di bandar lain seperti Kuantan, Pulau Pinang dan Kota Bharu.

Indeks Komponen Komunikasi

Komunikasi merupakan elemen penting perhubungan dan peningkatan akses kepada sumber yang meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kemajuan teknologi komunikasi dan infrastruktur Internet membolehkan komunikasi masa sebenar di seluruh dunia dilakukan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan

kesejahteraan sosial dan kesejahteraan ekonomi. Pertambahan langganan talian telefon tetap dan mudah alih dan Internet serta bilangan lokasi *hotspot* dan nama domain telah meningkatkan indeks komponen komunikasi kepada 136.2 pada 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.4*.

Rajah 2.4 Indeks Komponen Komunikasi




Indeks langganan talian telefon tetap dan mudah alih meningkat sebanyak 38.5 mata pada tahun 2012. Seramai 2.4 juta pelanggan talian telefon tetap pada tahun 2012 berbanding 4.5 juta pada tahun 2000. Penurunan ketara pelanggan talian telefon tetap disebabkan pengguna telah beralih kepada penggunaan telefon mudah alih. Selain itu, peningkatan KDNK per kapita dan kuasa beli, kemajuan teknologi telefon mudah alih dan kesedaran ICT telah menyumbang kepada peningkatan permintaan telefon mudah alih. Sehubungan ini, terdapat 41.1 juta langganan talian telefon mudah alih pada tahun 2012 berbanding 6.0 juta pada tahun 2000, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.5*.

Indeks langganan Internet meningkat 31.6 mata pada tahun 2012 berikutan pertambahan bilangan pelanggan Internet kepada 219 bagi setiap

seribu penduduk daripada tujuh pelanggan pada tahun 2000. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Masyarakat Umum (BBGP) yang menyediakan akses yang lebih luas.

Pelan Jalur Lebar Negara (NBP) telah dilancarkan pada tahun 2004 untuk mempercepat penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui *hotspot*. Beberapa program diperkenalkan di bawah NBP seperti Pusat Komuniti Jalur Lebar (CBC), Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia, Mini CBC dan Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti 1Malaysia (CBL). Pada tahun 2012, sebanyak 31,493 *hotspot* diwujudkan di kawasan bandar dan luar bandar berbanding dengan 1,227 *hotspot* pada tahun 2005. Pewujudan *hotspot* ini menyumbang kepada peningkatan indeks sebanyak 35.2 mata.

Rajah 2.5 Indikator Komunikasi



Indeks bilangan nama domain meningkat 39.6 mata pada tahun 2012. Sejak penubuhan myDOMAIN REGISTRY² pada tahun 2006, pendaftaran nama domain meningkat sebanyak empat kali daripada 53,938 pada tahun 2006 kepada 208,936 pada tahun 2012. Peningkatan nama domain disebabkan kesedaran yang tinggi terhadap ketersediaan peluang perniagaan dan pemasaran secara atas talian sebagai mod alternatif untuk perniagaan dan pemasaran.

Secara keseluruhannya, indeks komponen komunikasi telah menunjukkan peningkatan yang ketara sejak sedekad yang lalu. Indeks bilangan nama domain mencatat pertumbuhan paling tinggi selaras dengan usaha Kerajaan memacu perkembangan dalam perkhidmatan komunikasi dengan memberi tumpuan kepada aplikasi dan kandungan di samping penyediaan infrastruktur dan akses.



² myDOMAIN REGISTRY merupakan pentadbir tunggal laman web yang berakhir dengan dot my di Malaysia. Peranan agensi ini ialah untuk mengurus pendaftaran nama domain serta mengoperasi dan menyelenggara operasi domain

KOTAK 2.1 PANGGILAN TERPUTUS DI MALAYSIA

Daripada pelbagai kaedah pengukuran prestasi yang digunakan untuk sistem telefon mudah alih, kadar panggilan terputus (DCR) mungkin merupakan pendekatan paling penting untuk mengukur kepuasan pelanggan. DCR memberi kesan langsung kepada tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), panggilan terputus merujuk kepada penamatan panggilan yang sedang berlangsung sebelum mana-mana pihak yang terlibat ingin menamatkan panggilan. Penamatan ini berkemungkinan atas beberapa sebab, antaranya, pemanggil bergerak ke kawasan yang tidak mempunyai liputan isyarat yang dikenali sebagai titik buta; gangguan yang dihasilkan oleh frekuensi terhad; kerosakan perkakasan atau peralatan transmisi di stesen pemancar; dan kegagalan peranti untuk mengekalkan isyarat dari satu stesen pemancar ke stesen pemancar yang lain.

SKMM melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah menerima pakai Piawaian Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan (QOS) (Perkhidmatan Selular Awam) pada tahun 2002. Objektif utama QOS adalah untuk

meningkatkan kualiti perkhidmatan bil, pengendalian aduan, perkhidmatan operator, ketersediaan perkhidmatan *endpoint* serta panggilan terputus. Melalui QOS, SKMM melakukan ujian panggilan dari semasa ke semasa dan menjalankan pemerhatian ke atas sampel bagi memastikan pihak pembekal perkhidmatan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Sehubungan ini, DCR bagi Malaysia ditetapkan pada tiga peratus di dalam dan antara rangkaian panggilan. Sebagai perbandingan, DCR di Singapura ditetapkan pada kadar satu peratus manakala di Filipina ditetapkan pada kadar dua peratus. Ujian yang dijalankan oleh SKMM ke atas penyedia perkhidmatan dalam tempoh enam bulan pertama 2012 mendapati bahawa DCR tidak melebihi 2.6 peratus.

Meskipun pihak pembekal perkhidmatan mematuhi piawaian yang ditetapkan, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan. Pembekal perkhidmatan perlu menjadikan DCR sebagai indikator prestasi utama (KPI) bagi menilai prestasi perkhidmatan mereka dan menetapkan pengurangan DCR sebagai sasaran bagi memastikan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Indeks Komponen Pendidikan


Sistem pendidikan berperanan penting dalam menyediakan rakyat dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk menyumbang secara berkesan dalam aktiviti pembangunan sosial dan ekonomi. Pendidikan membantu membina modal sosial dan menambah baik taraf kehidupan rakyat seperti kemajuan diri, kesihatan dan kebahagiaan.

Indeks komponen pendidikan pada tahun 2012 meningkat 32.9 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.6* berikutan peningkatan indeks dalam sub-komponen kesaksamaan dan kualiti pendidikan. Indikator yang digunakan dalam pengukuran kesaksamaan ialah kadar penyertaan peringkat pra-sekolah, rendah, menengah dan tertiar. Indikator

pengukuran kualiti pula ialah peratusan pelajar tamat sekolah rendah dan menengah, Gred Purata Nasional peperiksaan awam dan peratusan guru siswazah di sekolah rendah dan menengah serta bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD.



Rajah 2.6 Indeks Komponen Pendidikan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Kesaksamaan pendidikan	32.7
Kadar penyertaan peringkat tertiar	52.2
Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah	40.0
Kadar penyertaan peringkat sekolah menengah	23.9
Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah	14.7
Sub-komponen: Kualiti pendidikan	33.2
% guru siswazah di sekolah menengah	39.6
Kadar literasi	37.7
Gred Purata Nasional UPSR	37.3
Bilangan pensyarah dengan kelayakan Ph.D	36.7
Gred Purata Nasional SPM	35.0
% guru siswazah di sekolah rendah	31.5
% pelajar tamat sekolah menengah	26.6
% pelajar tamat sekolah rendah	20.9

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, semua indikator sub-komponen kesaksamaan pendidikan mengalami peningkatan. Indeks kadar penyertaan peringkat tertiar mencatat peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 52.2 mata, diikuti oleh pra-sekolah 40.0 mata, sekolah menengah 23.9 mata dan sekolah rendah 14.7 mata. Kadar penyertaan peringkat tertiar meningkat 8.8 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.7*.

Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah pula meningkat 4.3 peratus setahun. Trend menaik ini mencerminkan kejayaan usaha Kerajaan memperluas akses kepada pendidikan. Sebagai contoh, pendidikan rendah hampir mencapai tahap universal dan berdasarkan prestasi semasa, Malaysia akan mencapai pendidikan universal di peringkat menengah dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Rajah 2.7 Indikator Kesaksamaan Pendidikan







Kadar penyertaan peringkat tertiar meningkat hasil daripada pewartaan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 yang meliberalisasikan sektor pendidikan. Pengenalan Akta ini telah menggalakkan penyedia perkhidmatan pendidikan swasta menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan seperti universiti, kolej dan pusat latihan. Di samping itu, penyediaan lebih banyak dana pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang ditubuhkan pada tahun 1997 juga menyumbang kepada peningkatan kadar penyertaan pendidikan di peringkat ini.

Penekanan terhadap pembangunan pendidikan pra-sekolah dalam RMKe-10 telah menyebabkan

penubuhan lebih banyak pra-sekolah awam dan swasta serta pusat-pusat penjagaan awal kanak-kanak. Usaha ini telah meningkatkan kadar penyertaan pendidikan pra-sekolah kepada 80.5 peratus pada tahun 2012 dan berada di landasan ke arah mencapai sasaran RMKe-10 sebanyak 92.0 peratus.

Semua indeks bagi sub-komponen kualiti pendidikan meningkat dalam tempoh 2000 hingga 2012. Indeks kadar literasi meningkat 37.7 mata pada 2012 berikutan peningkatan kadar literasi daripada 91.6 peratus pada tahun 2000 kepada 95.2 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.8*.

Rajah 2.8 Indikator Kualiti Pendidikan



 Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

KOTAK 2.2 PENILAIAN PELAJAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) ialah penilaian di peringkat antarabangsa berasaskan kurikulum sekolah di seluruh dunia. TIMSS menilai pelajar Gred 4 (bersamaan Tahun 4) dan Gred 8 (bersamaan Tingkatan 2) daripada dua aspek: iaitu kandungan seperti algebra dan geometri dan kemahiran kognitif seperti proses berfikir untuk mengetahui, mengaplikasi dan menaakul. Ujian ini mula dilaksanakan pada tahun 1995. Sehingga kini lebih 59 buah negara mengambil bahagian dalam penilaian ini yang dijalankan setiap empat tahun. Malaysia telah mengambil bahagian dalam TIMSS sejak tahun 1999, tetapi hanya melibatkan murid Tingkatan 2.

The Programme for International Student Assessment (PISA) yang diselenggarakan oleh OECD juga merupakan penilaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. PISA dijalankan setiap tiga tahun yang bertujuan menilai kemahiran murid berusia 15 tahun dalam pembacaan, matematik dan sains. Penilaian ini tidak tertumpu kepada kandungan kurikulum, sebaliknya memberi fokus kepada keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan mereka dalam persekitaran sebenar. Sebanyak 74 buah negara termasuk bukan negara OECD menyertai penilaian PISA terkini yang dilaksanakan pada tahun 2009. Malaysia telah mengambil bahagian buat pertama kalinya pada tahun 2010, yang merupakan sebahagian daripada penilaian PISA tahun 2009.

TIMSS dan PISA menjadi kaedah pengukuran kualiti pendidikan merentasi pelbagai sistem pendidikan sejak dua dekad lalu. TIMSS memberi tumpuan kepada

elemen yang sama dalam kurikulum negara yang mengambil bahagian, sementara PISA menumpukan kepada keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan dalam kehidupan sebenar. Kedua-dua ujian ini menilai pelbagai kemahiran kognitif seperti pengaplikasian dan penaakulan.

Ketika negara mula menyertai TIMSS pada tahun 1999, skor purata murid Malaysia mengatasi purata antarabangsa dalam Matematik dan Sains. Namun, dalam keputusan terkini pada tahun 2007, skor purata murid Malaysia berada di bawah purata antarabangsa bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut yang mengakibatkan kedudukan negara merosot. Pencapaian Malaysia dalam PISA 2009 juga tidak memberangsangkan. Malaysia berada di kedudukan tangga ketiga terbawah daripada 74 negara peserta dengan pencapaian skor di bawah purata antarabangsa dan OECD. Prestasi dalam TIMSS dan PISA ini menunjukkan murid Malaysia mempunyai kurang kemahiran berfikir peringkat tinggi. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 akan menangani isu ini melalui beberapa strategi termasuk melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang ditambah baik; meningkat dan menanda aras standard *outcome* pembelajaran murid sejajar dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi; dan merombak peperiksaan di peringkat kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah untuk menguji kemahiran berfikir peringkat tinggi.

Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, Kementerian Pelajaran

Guru berkualiti di sekolah dan pensyarah berkualiti di universiti adalah faktor berasaskan institusi yang terpenting dalam menentukan *outcome* pelajar. Memandangkan peranan guru dan pensyarah adalah penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan, RMKe-10 telah memperuntukkan dana yang besar bagi pembangunan profesional dan pembiayaan pendidikan guru dan pensyarah. Peratusan guru siswazah di sekolah menengah meningkat daripada 61.2 peratus pada tahun 2000 kepada 93.3 peratus pada tahun 2012, manakala di sekolah rendah, daripada 3.2 peratus pada

tahun 2004 kepada 39.8 peratus pada tahun 2012. Indeks bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD meningkat 36.7 mata dalam tempoh 2001 hingga 2012. Seramai 12,504 pensyarah berkelayakan PhD pada tahun 2012 berbanding hanya 362 pada tahun 2001. Dalam RMKe-10, disasarkan sebanyak 75.0 peratus daripada pensyarah di universiti penyelidikan mempunyai kelayakan PhD dan 60.0 peratus bagi universiti bukan penyelidikan.

Peningkatan prestasi pelajar dalam peperiksaan UPSR dan SPM juga menyumbang secara positif

kepada indeks sub-komponen kualiti pendidikan. Prestasi ini diukur menggunakan Gred Purata Nasional (GPN). Dalam tempoh 2000-2012, GPN untuk UPSR meningkat 11.5 peratus manakala GPN untuk SPM sebanyak 16.4 peratus.

Selain itu, bilangan pelajar yang meneruskan persekolahan yang diukur berdasarkan peratusan pelajar tamat sekolah rendah dan menengah menunjukkan peningkatan. Peratusan pelajar tamat sekolah rendah meningkat daripada 96.9 peratus pada tahun 2000 kepada 99.1 peratus pada tahun 2012 manakala di peringkat pendidikan menengah pula meningkat daripada 84.8 peratus kepada 90.0 peratus.

Sejak sedekad yang lalu, indeks komponen pendidikan menunjukkan peningkatan yang ketara ke arah mencapai kesaksamaan dan kualiti pendidikan. Peningkatan indeks yang paling ketara dalam sub-komponen kesaksamaan ialah kadar penyertaan peringkat pra-sekolah dan

pendidikan tertiar. Manakala indeks peratusan guru siswazah di sekolah rendah dan menengah dan bilangan pensyarah universiti dengan kelayakan PhD merupakan antara penyumbang utama kepada sub-komponen kualiti. Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah dan menengah juga telah menunjukkan trend yang meningkat ke arah mencapai enrolmen universal³. Pelaburan dalam sektor pendidikan yang tinggi dan pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan menjadikan sistem pendidikan Malaysia antara yang terbaik di dunia. Inisiatif ini termasuk pemantauan yang rapi terhadap pelaksanaan inisiatif dan penetapan sasaran tertentu seperti mencapai 100 peratus kadar penyertaan di semua peringkat pendidikan; mencapai kedudukan ketiga teratas dalam ujian TIMMS dan PISA; dan mengurangkan 50.0 peratus jurang pencapaian pelajar antara pelajar di bandar dan luar bandar, taraf sosio-ekonomi dan gender menjelang tahun 2020.

KOTAK 2.3 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Usaha Malaysia memantapkan ekonomi yang berorientasikan teknologi tinggi dan perkhidmatan memerlukan modal insan berkemahiran tinggi. Dalam konteks lanskap pasaran pekerjaan yang kompetitif, penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi merupakan cabaran utama khususnya dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi (IPT).

Walaupun IPT sedang membuat penyesuaian bagi memenuhi keperluan ekonomi, masih terdapat enam cabaran utama yang telah dikenal pasti dan perlu diberi perhatian, iaitu:

- i. saiz pasaran pekerjaan;
- ii. atribut pengambilan dan keluaran ditetapkan bagi beberapa kursus profesional sahaja;
- iii. atribut pengambilan yang lemah;
- iv. industri mengutamakan graduan yang berupaya terus bekerja;
- v. langkah penyelesaian jangka pendek tidak diintegrasikan dalam program pengajian di IPT; dan
- vi. tidak ditawarkan program pengajian pilihan.

Sehubungan ini, the *National Graduate Employability Blueprint* (GEB) dilancarkan pada 4 Disember 2012. GEB menyediakan satu garis panduan komprehensif mengenai persekitaran pendidikan tinggi bagi menggalakkan perkembangan pusat pengetahuan perdana dan mengeluarkan graduan yang kompeten, berpengetahuan dan inovatif dengan atribut dan nilai etika yang tinggi.

GEB terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Kelayakan Pendidikan Tinggi dan Kebolehpasaran, Pemupukan Atribut Kebolehpasaran dan Peningkatan Kebolehpasaran. GEB menggariskan strategi untuk membangun sistem pendidikan tinggi yang dapat meningkatkan tahap kualiti modal insan dan strategi bagi IPT untuk membangun dan mengeluarkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, iaitu mempunyai kompetensi dan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan ekonomi.

Pelaksanaan GEB ini dipantau oleh *Graduate Employability Taskforce* (GET) yang dipengerusikan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Melalui

³ *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*

GET, Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk menilai penawaran dan permintaan tenaga kerja bagi setiap sektor ekonomi.

Sistem Kajian Pengesanan Graduan I (SKPG I) secara atalian telah diwujudkan oleh KPM sebagai instrumen untuk memantau dan melaporkan status pekerjaan graduan dalam tempoh enam bulan selepas tamat

pengajian. Graduan dikehendaki memaklumkan, antara lain bidang pengajian dan status pekerjaan, persepsi mengenai institusi dan kesesuaian pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Di samping itu, Sistem Kajian Pengesanan Graduan II (SKPG II) turut dibangunkan untuk memantau status pekerjaan graduan selepas tempoh setahun menamatkan pengajian

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan

Semenjak merdeka, dasar pembangunan ekonomi adalah berteraskan falsafah pertumbuhan dengan pengagihan yang membolehkan ekonomi Malaysia mencapai prestasi yang cemerlang. Ini telah menghasilkan impak yang ketara dari segi pengurangan kadar kemiskinan, pengecilan jurang pendapatan dan penyertaan yang lebih seimbang dalam aktiviti ekonomi.


Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks komponen pendapatan dan pengagihan meningkat 31.8 mata. Ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan per kapita benar, pengurangan kadar kemiskinan dan pengagihan pendapatan yang lebih baik, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.9*. Indeks kadar kemiskinan mencatat peningkatan tertinggi sebanyak 42.0 mata dan diikuti oleh pendapatan per kapita benar 35.0 mata. Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna untuk mengukur ketidakseimbangan pendapatan isi rumah pula meningkat 18.6 mata.

Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada harga semasa meningkat pada kadar 6.5 peratus setahun daripada RM14,529 pada tahun 2000 kepada RM30,856 pada tahun 2012 selaras dengan

pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 4.8 peratus setahun. Peningkatan dalam PNK ini sebahagian besarnya disebabkan oleh prestasi positif faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi seperti pembentukan modal, modal insan dan produktiviti. Dari segi pembentukan modal, jumlah pelaburan mengikut harga malar 2005 meningkat daripada RM112.8 bilion pada tahun 2000 kepada RM201.7 bilion pada tahun 2012. Tahap PNK per kapita Malaysia merupakan antara yang tertinggi dalam kalangan negara Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).



Rajah 2.9 Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan






Nota: Nilai bagi tahun 2000 merujuk kepada tahun 1999.

INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Kadar kemiskinan	42.0
Pendapatan per kapita benar	35.0
Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna	18.6

Jumlah pendapatan isi rumah Malaysia bertambah selaras dengan peningkatan PNK per kapita. Pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM5,000 pada tahun 2012, iaitu pada kadar 5.6

peratus setahun. Memandangkan inflasi meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 2.2 peratus setahun dalam tempoh ini, peningkatan pendapatan mencerminkan kualiti hidup rakyat yang lebih baik.

Rajah 2.10 Indikator Pendapatan dan Pengagihan



↗ Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

Kadar kemiskinan berkurangan daripada 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 1.7 peratus pada tahun 2012. Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna yang lebih rendah iaitu 0.414 pada tahun 2012 berbanding dengan 0.443 pada tahun 1999 menjelaskan bahawa ketidakseimbangan pendapatan bertambah baik, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.10*. Kejayaan Malaysia dalam membasmi kemiskinan dan mengecilkan jurang pendapatan terutamanya disebabkan oleh usaha Kerajaan yang berterusan dalam mewujudkan peluang ekonomi yang lebih banyak kepada rakyat Malaysia. Kejayaan mengurangkan kemiskinan ini juga hasil daripada penglibatan sektor swasta dan masyarakat sivil yang lebih besar. Pelbagai program penjana pendapatan seperti peningkatan bina upaya, pendidikan dan latihan serta keusahawanan telah dilaksanakan. Di samping itu, penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas turut meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar. Selaras dengan agenda pembangunan secara inklusif, program khusus telah dilaksanakan bagi menangani isu kemiskinan relatif dan poket kemiskinan, terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli

di Semenanjung Malaysia dan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak. Program yang dilaksanakan ini termasuklah pembangunan tanah secara bersepadu, aktiviti penjana pendapatan serta pendidikan dan latihan. Objektif utama program ini adalah untuk melibatkan golongan miskin dalam arus perdana pembangunan negara.

Strategi pembangunan secara inklusif dilaksanakan untuk terus menangani isu ketidakseimbangan. Dalam RMKe-10, tumpuan diberikan untuk menyediakan peluang yang berkualiti kepada seluruh rakyat Malaysia, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Langkah ini bertujuan meningkatkan keupayaan mereka untuk menyertai dan mendapat manfaat pembangunan ekonomi. Strategi pembangunan ini akan memastikan akses kepada peluang ekonomi secara saksama ke arah membentuk masyarakat Malaysia yang adil dan saksama. Sehubungan ini, lebih banyak peluang yang berkualiti dan pelbagai program sokongan berdasarkan keperluan disediakan kepada isi rumah tanpa mengira etnik dan lokasi.

KOTAK 2.4 KEJAYAAN MALAYSIA DALAM MEMBASMI KEMISKINAN

Malaysia berpegang teguh kepada prinsip bahawa pembangunan ekonomi perlu memberi manfaat kepada semua rakyat, membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan. Prinsip ini diterjemah melalui pelbagai dasar pembangunan ekonomi sejak tahun 1970-an dengan mengguna pakai strategi pembangunan berasaskan falsafah pertumbuhan dengan ekuiti yang diperkenalkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990.

Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah DEB menumpukan kepada program menjana pendapatan, meningkatkan akses kepada kemudahan pendidikan dan latihan, mewujudkan peluang pekerjaan dan memodenkan kehidupan di luar bandar serta meningkatkan kualiti hidup. Dalam tempoh awal DEB, strategi ini dilaksanakan melalui program reformasi pertanian sebagai instrumen utama dalam mentransformasikan kawasan luar bandar dan masyarakat miskin tegar kepada sebuah masyarakat Malaysia yang

lebih makmur. Sehubungan ini, tumpuan diberikan kepada usaha menggembeng sumber di luar bandar menerusi program pembangunan tanah dan penyusunan semula institusi ke arah pemodenan dan pembangunan sektor pertanian dan kawasan luar bandar.

Selaras dengan kemajuan negara dan perubahan struktur ekonomi daripada sektor pertanian kepada pembuatan pada tahun 1980-an, pendidikan dan latihan serta program keusahawanan memainkan peranan penting dalam menangani isu kemiskinan. Sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah menyokong usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan menerusi pelbagai program melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan asas serta kemudahan mikro kredit kepada golongan miskin.

Pembasmian kemiskinan kekal sebagai teras dan komponen penting dasar pembangunan selepas DEB, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000;

Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010; dan RMKe-10, 2011-2015. Walau bagaimanapun, tumpuan dan pelaksanaan inisiatif dan program diselaraskan mengikut cabaran dan keperluan pembangunan.

Pencapaian pembasmian kemiskinan amat memberangsangkan. Menjelang akhir tempoh DEB, kadar kemiskinan berkurangan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 16.5 peratus pada tahun 1990. Malaysia merupakan antara negara paling awal mencapai sasaran pertama *Millennium Development Goals* (MDGs) untuk mengurangkan kepada separuh kadar kemiskinan menjelang tahun 2015. Dari segi kemiskinan tegar yang diukur berdasarkan nisbah penduduk berpendapatan kurang daripada USD1.25 sehari, Malaysia telah mencatat paras sifar pada tahun 2010. Berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan (PGK), kadar kemiskinan tegar telah dihapuskan sepenuhnya pada tahun 2010 manakala kemiskinan keseluruhan berkurangan kepada 1.7 peratus pada tahun 2012.

RMKe-10 menumpukan kepada program transformasi ekonomi yang bertujuan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kemampunan. Keterangkuman mengambil kira pelbagai aspek dengan tumpuan khusus kepada keperluan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, terutamanya masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak. Inisiatif untuk menangani isu ketidakseimbangan dirangka menggunakan pendekatan pragmatik dalam konteks ekonomi yang berkembang bagi membolehkan semua rakyat Malaysia mendapat akses kepada peluang yang lebih berkualiti. Sistem jaringan keselamatan sosial yang komprehensif juga disediakan bagi kumpulan yang kurang mendapat manfaat dan mereka yang terjejas oleh kelembapan ekonomi dan bencana alam.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri


Indeks Komponen Persekitaran Kerja

Seiring dengan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kualiti persekitaran kerja menjadi faktor yang semakin penting mempengaruhi kesejahteraan hidup. Kualiti persekitaran kerja boleh diukur daripada pelbagai aspek penambahbaikan dalam suasana kerja. Penambahbaikan sedemikian dapat meningkatkan tahap kepuasan dalam kalangan pekerja, produktiviti dan pencapaian yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup.

Empat indikator utama digunakan dalam menilai kualiti persekitaran kerja iaitu kadar kemalangan di tempat kerja, pertikaian perusahaan, kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan dan purata jam bekerja. Secara keseluruhannya, indeks komponen persekitaran kerja mencatat peningkatan 28.6 mata disumbang oleh penambahbaikan dalam kesemua indikator, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.11*.



Rajah 2.11 Indeks Komponen Persekitaran Kerja




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Kadar kemalangan di tempat kerja	39.5
Pertikaian perusahaan	33.5
Purata jam bekerja	24.7
Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan	16.8

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks kadar kemalangan di tempat kerja meningkat 39.5 mata. Jumlah kes kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan berkurangan 4.2 peratus setahun daripada 95,000 kes pada tahun 2000 kepada 57,000 kes pada tahun 2012. Pengurangan ini antaranya disumbangkan oleh pelaksanaan program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) untuk meningkatkan kesedaran mengenai persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat. Program ini melibatkan penguatkuasaan peraturan yang lebih ketat serta pembangunan garis panduan untuk menambah baik kod amalan.

Persekitaran kerja dan perhubungan perusahaan yang semakin baik telah mengurangkan jumlah kes pertikaian perusahaan sebanyak 30.7 peratus, iaitu daripada 436 kes pada tahun 2000 kepada 302 kes pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.12*. Pengurangan ini menyumbang kepada peningkatan indeks pertikaian perusahaan sebanyak 33.5 mata. Pada tahun 2011, sebanyak 76.0 peratus kes pertikaian perusahaan dapat diselesaikan melalui rundingan yang menunjukkan keharmonian hubungan antara majikan dan kesatuan sekerja.



Rajah 2.12 Indikator Persekitaran Kerja



Indeks kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan meningkat 16.8 mata. Jumlah hari bekerja yang hilang kerana tindakan perusahaan berkurang daripada 3,100 hari bekerja pada tahun 2000 kepada 110 hari bekerja pada tahun 2012, iaitu pengurangan sebanyak 96.5 peratus.



KOTAK 2.5 PENAMBAHBAIKAN SUASANA KERJA DENGAN MENGHARMONIKAN PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG BURUH

RMKe-10 menggariskan pembaharuan pasaran buruh sebagai satu daripada strategi untuk memastikan keseimbangan antara fleksibiliti pasaran buruh dengan jaminan pekerjaan. Kajian terhadap undang-undang perburuhan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ia bersesuaian dengan persekitaran ekonomi semasa di samping mengimbangi hak dan faedah majikan dan pekerja.

Peraturan Kerja Separuh Masa di bawah Akta Kerja 1955 diwartakan untuk menjelaskan terma pekerjaan bagi pekerja separuh masa. Peraturan ini bertujuan menggalakkan majikan menggaji pekerja separuh masa seperti bekerja dari rumah dan bekerja mengikut masa kerja fleksibel sebagai pendekatan alternatif.

Keharmonian hubungan antara majikan dengan pekerja perlu dikekalkan bagi mewujudkan suasana kerja yang kondusif. Penekanan telah diberikan terhadap program bagi menggalakkan hubungan yang lebih baik antara majikan dengan kesatuan sekerja melalui lawatan harmoni, dialog tiga penjur, khidmat rundingan dan pemeriksaan tempat kerja.

Dalam menyediakan jaringan keselamatan buruh yang komprehensif dan membantu pekerja, Perintah Gaji Minimum 2012 (Perintah) telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang mempunyai enam

pekerja atau lebih termasuk majikan yang menjalankan aktiviti profesional. Manakala bagi majikan yang mempunyai lima pekerja atau kurang, perintah ini dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013. Perintah ini menetapkan supaya majikan di Semenanjung Malaysia membayar gaji minimum sebanyak RM900 sebulan manakala majikan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan perlu membayar gaji minimum sebanyak RM800 sebulan bagi semua jenis pekerjaan yang diliputi di bawah Akta Kerja 1955.

Skim Insuran Bencana Pekerja yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah diperluas bagi melindungi pekerja sementara dan pekerja kontrak dalam perkhidmatan awam. Kerajaan juga telah meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi meningkatkan kelayakan umur di bawah Skim Pencen Ilat daripada 55 tahun kepada 60 tahun supaya selaras dengan Akta Umur Persaraan Minimum 2012. Dengan mengambil kira trend peningkatan jangkaan hayat ketika lahir penduduk Malaysia iaitu 75 tahun pada masa ini, pelaksanaan Akta tersebut yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 bertujuan melanjutkan tempoh penggajian serta pelaksanaan gaji minimum bagi sektor swasta dijangka dapat meningkatkan tabungan pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini dapat menjamin kebajikan pekerja selepas persaraan.

Jumlah waktu yang digunakan untuk bekerja merupakan satu aspek penting dalam persekitaran kerja. Sehubungan ini, purata jam bekerja dijadikan satu daripada indikator komponen persekitaran kerja. Purata jam bekerja seminggu berkurangan daripada 47.7 jam pada tahun 2000 kepada 46.3 jam pada tahun 2012. Pengurangan ini menyumbang kepada peningkatan indeks purata jam bekerja sebanyak 24.7 mata. Malaysia mencatat jumlah purata jam bekerja seminggu yang lebih panjang berbanding Kesatuan Eropah (EU). Di EU, *Working Time Directive of 1993* menetapkan 48 jam seminggu sebagai masa kerja maksimum⁴. Walau bagaimanapun, purata jam bekerja di beberapa negara EU adalah lebih rendah daripada masa

kerja maksimum seperti Denmark 41.1 jam, Jerman 35.5 jam dan Norway 33.9 jam. Berasaskan kepada purata jam bekerja di negara berkenaan, Malaysia dikategorikan sebagai negara yang mencatat masa bekerja yang panjang sepertimana negara Korea Selatan, Indonesia dan Thailand.

Pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenal bagi meningkatkan kualiti persekitaran kerja dan kesejahteraan pekerja. Usaha berterusan telah diambil untuk melaksanakan pembaharuan dalam pasaran buruh, termasuk memperkenalkan waktu kerja fleksibel, menetapkan gaji minimum, memanjangkan umur persaraan serta meluaskan jaringan keselamatan buruh.

⁴ Lee, McCann and Messenger, 2007. *Working Time Around the World*, Routledge, London and New York.



3. KESEJAHTERAAN SOSIAL

Pendahuluan

Mengukur pelbagai dimensi kesejahteraan sosial adalah penting untuk menilai pencapaian kemajuan negara. Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan sejak 13 tahun lalu dari segi kesejahteraan sosial, seperti ditunjukkan oleh penambahbaikan dalam indeks sub-komposit

kesejahteraan sosial dan kesemua komponen indeksinya. Tiga komponen tertinggi daripada sembilan komponen adalah perumahan yang meningkat 36.9 mata, liburan 31.4 mata dan tadbir urus 28.1 mata.

Indeks Komponen Perumahan


Perumahan yang dapat memenuhi keperluan asas keluarga bukan sahaja terhad kepada perlindungan fizikal tetapi perlu merangkumi kualiti persekitaran kediaman yang baik. Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen perumahan meningkat 36.9 mata disebabkan peningkatan semua indeks indikator komponen perumahan seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.1*. Lima indikator tersebut adalah peratusan unit rumah kos rendah kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, bilangan penghuni sebilik, peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat dan bekalan elektrik serta liputan perkhidmatan kutipan sampah.

Dalam tempoh 2000-2012, penyediaan rumah kos rendah kepada kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah meningkat dengan ketara. Perumahan kos rendah yang disediakan memenuhi satu per tiga daripada keperluan kumpulan tersebut pada tahun 2000 dan meningkat kepada lebih 40 peratus pada tahun 2012. Selain sektor awam, sektor swasta juga menyumbang kepada peningkatan ini. Di samping itu, sejak tahun 2011, tumpuan yang besar juga diberi untuk memenuhi keperluan perumahan kumpulan berpendapatan sederhana rendah, khususnya di bandar besar. Bagi menyokong inisiatif ini, beberapa program telah dilancarkan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). RUMAWIP dilaksanakan oleh sektor awam, manakala PR1MA dan PPA1M dilaksana berasaskan model kerjasama sektor awam-swasta

Kualiti perumahan telah bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh penurunan bilangan penghuni sebilik. Nisbah penghuni bagi setiap bilik berkurang kepada 1.50 pada tahun 2012 daripada 1.94 pada tahun 2000, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.2*. Pada tahun 2002, pemaju dikehendaki mematuhi spesifikasi baru iaitu menyediakan tiga bilik tidur bagi rumah kos rendah. Pada tahun 2006 pula, saiz standard minimum bagi perumahan kos rendah dengan tiga bilik tidur telah diluaskan daripada 650 kaki persegi kepada 700 kaki persegi.



Rajah 3.1 Indeks Komponen Perumahan



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
% isi rumah dengan bekalan air terawat	56.1
Bilangan penghuni sebilik	37.4
% isi rumah dengan bekalan elektrik	33.6
% isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah	29.6
% unit rumah kos rendah kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah	27.8

Akses dan kualiti kemudahan asas juga bertambah baik dalam tempoh 2000-2012. Indeks peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat meningkat sebanyak 56.1 mata, daripada 89.9 peratus pada tahun 2000 kepada 93.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini disumbangkan oleh liputan bekalan air terawat yang hampir menyeluruh di kawasan bandar di 10 negeri⁵. Sementara itu, peratusan unit rumah dengan bekalan air terawat di kawasan luar bandar meningkat melebihi 90.0 peratus, kecuali Sabah dan Kelantan mencatat 60.0 peratus. Peningkatan ini adalah berikutan pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar.

Indeks peratusan isi rumah dengan bekalan elektrik meningkat sebanyak 33.6 mata dalam tempoh 2000-2012. Liputan bekalan elektrik meningkat sedikit daripada 98.3 peratus pada tahun 2000 kepada 98.9 peratus pada tahun 2012. Secara amnya, kawasan bandar menikmati liputan bekalan elektrik sepenuhnya.

Bagi kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak, program bekalan elektrik luar bandar dilaksanakan dengan menggunakan teknologi alternatif seperti sistem solar hibrid dan sistem mikro-hidro. Walau bagaimanapun, program bekalan elektrik ini tidak mencapai matlamat

berikutan faktor geografi dan taburan penduduk yang tidak sekata.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks peratusan isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah meningkat sebanyak 29.6 mata. Liputan unit rumah yang mendapat perkhidmatan kutipan sampah sama ada secara terus dari rumah atau dari kawasan kediaman meningkat daripada 69.0 peratus pada tahun 2000 kepada 77.7 peratus pada tahun 2012.

Pada tahun 2005, Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan telah diterima pakai untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan mampan. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara kemudiannya ditubuhkan untuk merangka dasar, merancang dan mengurus sisa pepejal. Pada tahun 2008 pula, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ditubuhkan untuk memastikan operasi pengurusan sisa pepejal yang lebih menyeluruh, bersepadu dan keberkesanan kos.


Walaupun kualiti perumahan dan kemudahan asas telah meningkat sejak beberapa tahun, tanggungjawab memenuhi keperluan perumahan terus menjadi keutamaan Kerajaan. Peningkatan

⁵ Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Sarawak, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.

harga rumah sejak kebelakangan ini telah menjejaskan kemampuan memiliki rumah terutamanya bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Dari segi penyediaan kemudahan asas, usaha sedang diambil untuk meningkatkan liputan terutama ke kawasan yang belum mendapat perkhidmatan sepenuhnya dan kurang membangun. Program pembangunan semula sedang dilaksanakan di kawasan bandar terpilih. Langkah ini dijangka menyumbang kepada kesejahteraan rakyat yang lebih baik.



Rajah 3.2 Indikator Perumahan



KOTAK 3.1 PERUMAHAN AWAM DI MALAYSIA

Penyediaan perumahan yang selesa dan mampu dimiliki merupakan antara objektif pembangunan sosial negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan rakyat mampu memiliki rumah. Pembangunan perumahan dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta. Kerajaan memberi tumpuan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik, terutamanya kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Sementara itu, sektor swasta pula menyediakan perumahan untuk memenuhi keperluan pasaran. Program perumahan awam yang dilaksanakan, antaranya:

- i. **Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)** - Kerajaan Persekutuan menyediakan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada kerajaan negeri untuk membina rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah. Jenis rumah yang disediakan adalah berbeza mengikut lokasi. Rumah sesebuah atau berkembar (kebanyakannya rumah kayu) dibina di kawasan luar bandar, rumah teres setingkat dan dua tingkat di pinggir bandar serta rumah pangsa pelbagai tingkat di kawasan bandar.
- ii. **Perumahan Awam Kos Rendah Bersepadu** - rumah pangsa kos rendah untuk disewa bagi mengatasi masalah setinggan di Kuala Lumpur dan bandar besar, terutamanya di ibu negeri.
- iii. **Skim Tapak dan Perkhidmatan** - rumah untuk kumpulan berpendapatan rendah, terutamanya bagi mereka yang tidak mampu memiliki rumah di bawah program PAKR. Opsyen perumahan di bawah skim ini ialah:
 - Penyediaan tapak dan sebuah rumah asas yang direka dan dibina untuk membolehkan rumah tersebut dinaik taraf oleh pemilik pada masa depan; atau
 - Penyediaan tapak kosong, termasuk kemudahan asas.
- iv. **Skim Pinjaman Perumahan** - skim untuk kumpulan berpendapatan rendah yang tidak mendapat kemudahan pembiayaan daripada sumber lain, iaitu:
 - Pekerja yang tinggal di sekitar kawasan industri dan luar bandar yang memiliki tanah;
 - Penduduk kampung baru yang memiliki tanah; Pekerja estet dan lombong yang memiliki tanah berhampiran tempat kerja mereka; dan
 - Penduduk setinggan yang dipindahkan dan memerlukan pembiayaan untuk membina rumah di tanah baharu diperuntukkan kepada mereka.
- v. Perumahan untuk peneroka tanah disediakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pembangunan tanah dan wilayah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- vi. Perumahan disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).
- vii. Kuarters untuk kakitangan Kerajaan, terutamanya guru, kakitangan kesihatan, tentera dan polis.
- viii. Perumahan untuk pekerja estet dan industri. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 telah memperuntukkan supaya pemilik estet menyediakan perumahan percuma dan kemudahan sosial yang bersesuaian kepada pekerja mereka.
- ix. **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** - rumah mampu milik berkualiti, terutamanya untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. SPNB merupakan agensi pelaksana bagi Projek Pemulihan Perumahan Terbangkalai dengan tujuan untuk memantau dan memulihkan projek terbangkalai. SPNB juga membaik pulih dan membina semula rumah untuk mereka yang kurang bernasib baik dan keluarga miskin tegar di bawah Projek Perumahan Khas melalui Skim Amal Jariah.
- x. **Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** - membangun dan menyelenggara perumahan mampu milik yang berkualiti bagi kumpulan berpendapatan sederhana. Program ini bertujuan menyediakan akses yang lebih luas bagi kumpulan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah yang berharga antara RM100,000 dan RM400,000 di bandar besar.
- xi. **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** - perumahan bagi kumpulan penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana (pendapatan isi rumah RM8,000 dan kurang). Rumah ini akan dibina di atas tanah Kerajaan dan berharga antara 20 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri


Indeks Komponen Liburan

Hubungan kekeluargaan dan persahabatan yang harmoni boleh diperkukuhkan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti riadah. Antara aktiviti tersebut termasuk meluangkan masa bersama keluarga menonton TV di rumah dan filem di pawagam dan mengambil bahagian dalam aktiviti luar seperti mengunjungi taman rekreasi dan melancong.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen liburan meningkat 31.4 mata. Kesemua indikator menunjukkan pencapaian positif terutamanya disumbangkan oleh indikator bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar serta bilangan pelawat taman rekreasi, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.3*.



Rajah 3.3 Indeks Komponen Liburan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar	39.2
Bilangan pelawat taman rekreasi	38.1
Bilangan pengunjung pawagam	28.6
Bilangan penginap hotel domestik	19.6

Indeks bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar meningkat 39.2 mata. Langganan TV berbayar meningkat lebih sekali ganda daripada 1.6 juta pada tahun 2000 kepada 3.8 juta pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.4*. Pertambahan ini berikutan peningkatan kuasa beli pengguna serta pelbagai pakej menarik untuk semua peringkat umur yang disediakan oleh

penyedia perkhidmatan, liputan rangkaian yang lebih luas dan berita tempatan dan antarabangsa yang terkini.

Indeks bilangan pelawat taman rekreasi meningkat 38.1 mata, menunjukkan aktiviti luar semakin popular dalam kalangan rakyat Malaysia.

Rajah 3.4 Indikator Liburan



Pada amnya, aktiviti luar dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan, menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kesejahteraan. Jumlah pelawat ke taman rekreasi meningkat lebih empat kali daripada 137 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 640 pada tahun 2012. Peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah dan pertambahan bilangan taman rekreasi berkualiti di seluruh negara telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam jumlah pelawat.

Indeks bilangan penginap hotel domestik meningkat 19.6 mata. Peningkatan aktiviti riadah telah disumbangkan oleh pertambahan bilangan pelancong tempatan dan penginap hotel. Bilangan penginap hotel domestik meningkat daripada 579 orang pada tahun 2000 kepada 1,019 orang setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012, iaitu pada kadar 4.8 peratus setahun. Kumpulan


berpendapatan pertengahan yang semakin besar dan aktiviti promosi yang agresif, pengisytiharan hari Sabtu sebagai hari cuti perkhidmatan awam dan penubuhan syarikat penerbangan kos rendah telah menyumbang kepada pertumbuhan kukuh sektor pelancongan tempatan.

Indeks bilangan pengunjung pawagam meningkat 28.6 mata. Bilangan pengunjung pawagam mencatat peningkatan ketara daripada 439 orang pada tahun 2000 kepada 1,940 orang bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012. Lokasi pawagam yang strategik seperti di kompleks membeli-belah telah memudahkan orang ramai melakukan pelbagai aktiviti dalam masa yang terhad. Di samping itu, pertambahan minat terhadap filem, kemudahan yang lebih baik di pawagam dan pengenalan kepada e-tiket merupakan antara faktor yang menarik lebih ramai pengunjung ke pawagam.

Indeks Komponen Tadbir Urus

Ketelusan, akauntabiliti, integriti dan penglibatan rakyat merupakan aspek utama tadbir urus yang baik yang penting untuk pertumbuhan dan kemakmuran negara. Indeks komponen tadbir urus terdiri daripada bilangan transaksi e-pembayaran, peratusan pembayar cukai yang menggunakan e-Filing, peratusan kes rasuah yang didakwa dan bilangan kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA). Dalam tempoh 2000-2012, komponen indeks tadbir urus meningkat 28.1 mata terutamanya disumbangkan oleh peningkatan transaksi e-pembayaran, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.5*.

Rajah 3.5 Indeks Komponen Tadbir Urus




Indeks indikator bilangan transaksi e-pembayaran meningkat 36.0 mata. Bilangan transaksi e-pembayaran meningkat daripada 96.6 juta pada tahun 2000 kepada 1,629 juta pada tahun 2012. Pertambahan bilangan ini disumbangkan oleh peningkatan penerimaan terhadap perkhidmatan pembayaran secara atas talian sebagai saluran pembayaran yang lebih mudah dan selesa. Selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia meliberalisasikan polisi kewangan, Garis Panduan Wang Elektronik diperkenalkan pada tahun 2008 yang menggariskan prinsip umum dan standard minimum mengenai pengeluaran wang elektronik yang perlu dipatuhi oleh institusi bukan perbankan. Ini menggalakkan lagi transaksi bukan tunai.

INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan transaksi e-pembayaran	36.0
% kes yang diselesaikan oleh BPA	34.2
% pengguna e-Filing	28.5
% kes rasuah yang didakwa	13.9

Indeks peratusan kes yang diselesaikan oleh BPA meningkat 34.2 mata. BPA telah menyelesaikan sebanyak 11,994 atau 95.6 peratus daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.6*. Ini menunjukkan kegigihan BPA melaksanakan usaha mengurus aduan terhadap penyampaian perkhidmatan oleh perkhidmatan awam. Usaha yang diambil termasuk program 'turun padang' seperti Kaunter Aduan Bergerak, Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu dan Program Mesra (MESRA).

Indeks peratusan pengguna e-Filing meningkat 28.5 mata. Penghantaran borang taksiran cukai secara e-Filing menjadi pilihan pembayar cukai. Pada tahun 2012, sebanyak 39.0 peratus daripada pembayar cukai berdaftar menggunakan perkhidmatan tersebut berbanding dengan hanya 4.5 peratus pengguna semasa e-Filing diperkenalkan pada tahun 2006.

Rajah 3.6 Indikator Tadbir Urus



Penggunaan *e-Filing* dijangka terus bertambah memandangkan banyak usaha meningkatkan kesedaran masyarakat telah dilaksanakan di samping memantapkan sistem ini supaya lebih mudah dan mesra pengguna.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks peratusan kes rasuah yang didakwa meningkat sebanyak 13.9 mata. Peratusan kes rasuah yang didakwa telah meningkat daripada 37.2 peratus pada tahun 2000 kepada 49.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan dalam indeks ini hasil daripada pelbagai usaha yang telah diambil termasuk memperkenalkan dasar baru dan penambahbaikan dalam prosedur dan undang-undang. Antara usaha yang dilaksanakan adalah menubuhkan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di seluruh negara pada tahun 2011 bagi

mempercepat perbicaraan serta menyelesaikan kes tertangguh. Inisiatif ini telah meningkatkan penyertaan orang awam dalam membanteras dan membendung rasuah. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah juga telah bertambah baik daripada tangga ke-60 pada tahun 2011 kepada tangga ke-54 pada tahun 2012.



KOTAK 3.2 KERAJAAN ELEKTRONIK

Kerajaan Elektronik (MyEG) yang dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan teknologi serta meningkatkan akses dan memantapkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah selaras dengan eko-sistem digital dan persekitaran hijau. Antara inisiatif yang dilaksanakan di bawah MyEG adalah pembangunan EG*Net untuk menyediakan rangkaian infrastruktur yang selamat di seluruh negara bagi aplikasi MyEG dan Rangkaian Kampus Putrajaya (PCN). Selain itu, program lain yang dilaksanakan termasuk eKL yang bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan Kerajaan secara bersepadu di Lembah Klang dan projek berteraskan rakyat seperti MyBayar, MyServices, MyForms, MyNews dan MySMS.

Kajian Penandaarasan ICT Sektor Awam 2011 menunjukkan sebanyak 35 peratus daripada perkhidmatan Kerajaan boleh dicapai secara atas talian. Selaras dengan pendekatan keseluruhan kerajaan seperti digariskan dalam RMKe-10, agensi sektor awam perlu bekerja merentasi sempadan portfolio ke arah mencapai matlamat yang sama dan penyelesaian bersepadu dalam memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mencapai sasaran 90 peratus perkhidmatan Kerajaan disediakan secara atas talian menjelang 2015.

Waseda e-Government Development Survey (Kaji selidik Pembangunan e-Kerajaan Waseda) pada tahun 2013 yang bertujuan untuk memantau perkembangan

pembangunan e-Kerajaan menyenaraikan Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 55 negara. Kaji selidik ini menilai ketersediaan rangkaian, keperluan kepada aplikasi fungsi-antarmuka, pengurusan yang optimum dan pembangunan dan penggunaan portal kerajaan, peranan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dalam Kerajaan, promosi e-Kerajaan dan e-Penyertaan (rangkuman digital).

Antara langkah yang menyumbang kepada *ranking* tersebut termasuk pelaksanaan "satu perkhidmatan, satu penyampaian, *no wrong door*" seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia (2011-2015) dan pelantikan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) pada 2008. GCIO telah diberi mandat untuk menerajui dan menyelaras Projek *Entry Point* (EPP) bagi dua Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu EPP e-Kerajaan di bawah NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi dan EPP Penyumberluaran Kerajaan di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan. Di samping itu, CIO telah dilantik di semua kementerian/agensi untuk menerajui pelaksanaan strategi yang dikenal pasti dalam Pelan Strategik serta kedua-dua EPP.

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Indeks Komponen Keselamatan Awam

Keselamatan dan ketenteraman awam adalah elemen penting ke arah menjadi sebuah negara maju. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Kadar Jenayah pada tahun 2009. NKRA ini memberi tumpuan kepada pengurangan bilangan kes jenayah harta benda, kekerasan dan jalanan, menggalakkan penyertaan orang ramai dalam program kesukarelaan dan menambah baik prosedur dalam sistem kehakiman jenayah.




Dalam tempoh 2000-2012, indeks keselamatan awam meningkat 25.6 mata berikutan pengurangan dalam indikator kadar jenayah dan kemalangan jalan raya, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.7*. Indeks indikator kadar jenayah telah bertambah baik berikutan penurunan kadar jenayah sebanyak 2.1 peratus iaitu daripada 7.7 kes pada tahun 2000 kepada 6.0 kes bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.8*. Usaha menyeluruh yang berterusan telah diambil bagi mengurangkan kadar jenayah, antara lain, meningkatkan rondaan polis terutama di kawasan kadar jenayah yang tinggi, menjalankan operasi khas serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pengawasan di kawasan kejiranan secara sukarela.

Di samping itu, Program Bandar Selamat⁶ telah dilaksanakan bagi membantu pihak berkuasa tempatan memantau jenayah dan aktiviti sosial yang negatif.



Rajah 3.7 Indeks Komponen Keselamatan Awam




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Kemalangan jalan raya	32.3
Kadar jenayah	18.9

Indeks kemalangan jalan raya meningkat 32.3 mata. Bilangan kemalangan jalan raya berkurangan 1.2 peratus, iaitu daripada 23.6 pada tahun 2000 kepada 20.4 bagi setiap 1,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.8*. Pengurangan kadar ini adalah hasil daripada peningkatan penguatkuasaan, pemantauan aliran trafik menggunakan helikopter

dan kempen kesedaran. Penemuan *Malaysian Institute of Road Safety and Research (MIROS) Crash Investigation and Reconstruction Annual Statistical Report 2007-2010* mendapati punca utama kemalangan di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor manusia seperti pemanduan berisiko, melebihi had laju dan terlebih muatan.

⁶ Program Bandar Selamat telah dilaksanakan di 151 pihak berkuasa tempatan. Di antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pemisahan laluan pejalan kaki dan laluan motosikal serta pemasangan cermin keselamatan dan televisyen litar tertutup (CCTV).

Rajah 3.8 Indikator Keselamatan Awam



Walaupun komponen keselamatan dan ketenteraman awam menunjukkan peningkatan, namun masih terdapat pelbagai cabaran dalam aspek keselamatan dan ketenteraman untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Strategi khusus dilaksanakan untuk meningkatkan bina upaya anggota, peralatan dan sistem keselamatan dan ketenteraman awam.

KOTAK 3.3 INDEKS KEBIMBANGAN MENJADI MANGSA JENAYAH

Indeks Kebimbangan Menjadi Mangsa Jenayah bertujuan menentukan peratusan rakyat Malaysia yang berasa bimbang akan menjadi mangsa jenayah. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, tiga kaji selidik telah dilaksanakan ke atas lebih daripada 15,000 rakyat Malaysia di seluruh negara mengenai persepsi mereka terhadap perkhidmatan polis dan kebimbangan akan menjadi mangsa jenayah. Kaji selidik⁷ dilaksanakan secara rawak dari rumah ke rumah di kawasan bandar dan luar bandar dalam kalangan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Dalam kajian pertama yang dilaksanakan pada tahun 2009, indeks kebimbangan menjadi mangsa jenayah adalah 58.5 peratus dan berkurangan kepada 54.0 peratus pada tahun 2010 dan 52.5 peratus pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, indeks ini meningkat kepada 56.0 peratus pada tahun 2012.

Pengurangan indeks kebimbangan pada tahun 2010 dan 2011 adalah berikutan peningkatan kehadiran polis terutamanya di kawasan kadar jenayah yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, peratusan kebimbangan menjadi mangsa jenayah meningkat berikutan penyebaran secara meluas mengenai insiden jenayah melalui emel dan SMS serta pertambahan laman web yang mengesan dan melaporkan kejadian jenayah serta penjelasan atau panduan mengenai langkah-langkah mengelak menjadi mangsa jenayah. Selain itu, peningkatan amalan mempolitikkan kejadian jenayah dan inisiatif yang dilaksanakan bagi menangani jenayah telah meningkatkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah.

Sumber: Kementerian Dalam Negeri dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

⁷ Survei telah dilaksanakan oleh Taylor Nelson Sofres (TNS), syarikat pemasaran bebas antarabangsa di Malaysia beribu Pejabat di United Kingdom


Indeks Komponen Penyertaan Sosial

Penyertaan sosial merujuk kepada penglibatan dan interaksi orang ramai dengan masyarakat, seperti kesukarelaan, menderma dan penglibatan dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Penyertaan sosial juga termasuk penyertaan dalam aktiviti politik dan sosial yang dipengaruhi oleh faktor antaranya rangkaian sosial, semangat kekitaan dan tahap kepercayaan.

Indeks komponen penyertaan sosial merangkumi pengundi yang berdaftar, bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar, persatuan penduduk berdaftar serta keahlian Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan RakanCop. Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen penyertaan sosial meningkat 20.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.9*. Ini menunjukkan peningkatan kesedaran dan kesanggupan dalam kalangan rakyat untuk menyumbang secara aktif ke arah kesejahteraan masyarakat.



Rajah 3.9 Indeks Komponen Penyertaan Sosial




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan persatuan penduduk berdaftar	35.9
Keahlian RELA dan RakanCo	28.4
Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar	26.9
% pengundi berdaftar	-9.0

Indeks bagi peratusan pengundi berdaftar telah merosot 9.0 mata pada 2012. Pengundi berdaftar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 73.0 peratus pada tahun 2012 berbanding dengan 69.4 peratus pada tahun 2007, seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 3.10*. Pelbagai program kesedaran serta aktiviti promosi pendaftaran pengundi baharu menyumbang kepada peningkatan pengundi berdaftar.



Rajah 3.10 Indikator Penyertaan Sosial



Indeks indikator bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar meningkat 26.9 mata. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan peranan pertubuhan ini sebagai perantara untuk menyalurkan pendapat dan kehendak mereka secara lebih kolektif dan teratur. Di samping itu, menjelaskan kesanggupan individu untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial.

Bilangan persatuan penduduk berdaftar meningkat hampir dua kali, iaitu daripada 1,607 pada tahun 2000 kepada 4,542 pada tahun 2012. Pertambahan ini menyumbang kepada peningkatan ketara indeks indikator persatuan penduduk berdaftar iaitu 35.9 mata. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan bekerjasama untuk memastikan persekitaran masyarakat yang selamat.

Keahlian RELA dan RakanCop meningkat dengan ketara, iaitu daripada 12 keahlian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 103 keahlian pada tahun 2012 yang menyumbang kepada peningkatan indeks indikator sebanyak 28.4 mata. Peningkatan ini adalah selaras dengan pelancaran RakanCop pada tahun 2005 serta usaha untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam RELA. Inisiatif ini menyediakan peluang untuk masyarakat bekerjasama dengan pihak polis dalam pencegahan jenayah, mendapat pendidikan sivik dan meningkatkan kesedaran untuk mewujudkan persekitaran masyarakat yang selamat.

Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran penyertaan sosial. Usaha ini bagi memastikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat.

KOTAK 3.4 HUBUNGAN SOSIAL DALAM INDEKS BELIA MALAYSIA

Indeks Belia Malaysia (IBM) dibangunkan untuk menilai pembangunan belia di negara ini. Laporan IBM 2011 merupakan terbitan ketiga sejak terbitan pertama pada 2006. Hubungan sosial adalah satu daripada sembilan domain dalam IBM 2011 yang mengukur hubungan belia dengan ibu bapa/keluarga, masyarakat dan rakan. Dalam tempoh 2008-2011, skor domain hubungan sosial dikategorikan sebagai baik. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan kecil bagi indikator hubungan belia dengan ibu bapa/keluarga dan hubungan dengan rakan kecuali indikator hubungan belia dengan masyarakat yang meningkat 9.5 mata, seperti ditunjukkan dalam *Jadual B3.1*

Peningkatan hubungan belia dengan masyarakat mungkin disebabkan oleh kemajuan ICT terutamanya media sosial. Kemajuan ini telah membuka peluang kepada belia untuk mendapatkan akses kepada maklumat dengan cepat.

Usaha Kerajaan yang giat dalam membangunkan belia turut menyumbang kepada peningkatan hubungan belia dengan masyarakat, contohnya pelaksanaan program yang menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam sukan.

Jadual B3.1 Domain Hubungan Sosial

Indikator	Mata Indeks	
	2008	2011
Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	72.8	71.1
Hubungan dengan Masyarakat	54.4	63.9
Hubungan dengan Rakan	72.9	72.0
Skor IBM	73.5	69.0

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan


Indeks Komponen Kebudayaan

Kebudayaan memainkan peranan penting dalam pembinaan nusa bangsa dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh 2000-2012, indeks kebudayaan meningkat 20.3 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.11*. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh penambahan bilangan keahlian perpustakaan awam dan pelawat muzium.

Indeks bilangan keahlian perpustakaan awam meningkat 38.3 mata, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan minat membaca dalam kalangan rakyat, penambahan bilangan perpustakaan dan koleksi bahan bacaan serta penambahbaikan kemudahan di perpustakaan. Kaji Selidik Literasi Negara 2005 oleh Perpustakaan Negara menunjukkan rakyat Malaysia membaca secara purata lapan hingga 12 buku setahun berbanding dengan satu hingga dua buku setahun pada tahun 1996.



Rajah 3.11 Indeks Komponen Kebudayaan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan keahlian perpustakaan awam	38.3
Bilangan pelawat muzium	26.5
Bilangan pengunjung Istana Budaya	9.1
Bilangan pengunjung Kompleks Kraf	7.1

Pertambahan bilangan muzium dan penambahbaikan kemudahan galeri pameran telah meningkatkan minat terhadap sejarah dan kebudayaan dalam kalangan rakyat. Kedua-dua faktor ini berserta dengan pelaksanaan program promosi telah menyumbang kepada peningkatan

bilangan pelawat muzium, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.12*. Bilangan pelawat muzium meningkat daripada 73 orang pada tahun 2000 kepada 111 orang bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012 dan ini meningkatkan indeks bilangan pelawat muzium sebanyak 26.5 mata.

Rajah 3.12 Indikator Kebudayaan



Bilangan pengunjung Kompleks Kraf meningkat daripada 13 orang bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2000 kepada 14 orang pada tahun 2012, antara lain, disebabkan oleh pertambahan minat dalam kalangan rakyat terhadap produk kraf yang baharu. Peningkatan ini telah menyumbang kepada pencapaian indeks bilangan pengunjung Kompleks Kraf sebanyak 7.1 mata pada tahun 2012.

Istana Budaya merupakan tempat pementasan untuk persembahan teater, tarian dan musik serta menyediakan latihan kepada bakat muda. Bilangan pengunjung Istana Budaya pula meningkat daripada 4 orang bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2000 kepada 5 orang pada tahun 2012. Peningkatan ini menyumbang kepada pencapaian indeks bilangan pengunjung Istana Budaya sebanyak 9.1 mata.

Indeks Komponen Kesihatan

Kesihatan rakyat adalah penting dalam mencapai objektif pembangunan ekonomi dan sosial negara. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan kesihatan sebagai "satu keadaan yang sempurna dalam aspek fizikal, mental dan kesejahteraan sosial dan bukan sekadar bebas daripada penyakit atau kerengsaan".


Kualiti kesihatan diukur melalui indeks komponen kesihatan yang terdiri daripada dua sub-komponen iaitu tahap kesihatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Empat indikator sub-komponen tahap kesihatan adalah jangkaan hayat ketika lahir, kadar kematian bayi, kadar kematian ibu bersalin dan bilangan kes penyakit tidak berjangkit (NCD). Tiga indikator sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah bilangan katil di hospital, nisbah doktor kepada penduduk dan tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar.

Dalam tempoh 2000-2012, status kesihatan rakyat Malaysia yang diukur melalui indeks komponen kesihatan meningkat 14.1 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.13*.

Indeks sub-komponen tahap kesihatan meningkat 9.8 mata manakala sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan meningkat 18.4 mata. Peningkatan ini hasil daripada sokongan Kerajaan yang berterusan bagi sektor kesihatan terutamanya dalam menggalakkan gaya hidup sihat dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan penyakit serta menyediakan perkhidmatan yang berkesan.



Rajah 3.13 Indeks Komponen Kesihatan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Tahap kesihatan	9.8
Jangkaan hayat ketika lahir	47.0
Kadar kematian ibu bersalin	15.1
Kadar kematian bayi	-3.4
Bilangan kes penyakit tidak berjangkit	-19.4
Sub-komponen: Perkhidmatan penjagaan kesihatan	18.4
Tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar	39.7
Nisbah doktor kepada penduduk	32.9
Bilangan katil di hospital	-17.5

Indeks jangkaan hayat ketika lahir meningkat sebanyak 47.0 mata dalam tempoh 2000-2012. Jangkaan hayat ketika lahir rakyat Malaysia adalah 74.6 tahun pada 2012 berbanding 72.2 tahun pada 2000 seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.14*. Peningkatan jangka hayat ini disumbangkan oleh akses yang lebih baik kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, antara lain melalui penyediaan liputan imunisasi dan pelaksanaan program nutrisi yang menyeluruh dan peningkatan kesedaran penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat.



Rajah 3.14 Indikator Kesihatan



Dalam tempoh 2000-2012, indeks kadar kematian bayi di Malaysia berkurang sebanyak 3.4 mata berikutan berlaku sedikit peningkatan dalam kadar kematian bayi iaitu 6.5 pada tahun 2000 kepada 6.6 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.14*. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pertambahan jumlah kematian yang boleh dielakkan seperti kemalangan di rumah dan jalan raya. Walau bagaimanapun, kadar kematian bayi di Malaysia pada tahun 2012 ini adalah lebih rendah daripada negara-negara di Asia Tenggara kecuali Singapura, malah setara dengan kadar kematian bayi di negara berpendapatan tinggi⁸. Bagi mengurangkan lagi kadar kematian bayi, penyediaan akses kepada perkhidmatan penjagaan awal yang lebih baik, perluasan liputan imunisasi dan bilangan doktor, jururawat dan bidan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan kanak-kanak akan terus dipertingkatkan.

Indeks kadar kematian ibu bersalin meningkat sebanyak 15.1 mata berikutan pengurangan kadar kematian ibu bersalin bagi setiap 100,000 kelahiran hidup daripada 30.6 pada 2000 kepada 25.8 pada 2012. Pencapaian ini adalah hasil daripada inisiatif Kerajaan untuk menambah baik tahap kesihatan ibu mengandung, terutama pengesanan awal wanita mengandung yang berisiko tinggi, penyediaan pendidikan kesihatan dan pelaksanaan perancangan keluarga yang berkesan. Walau bagaimanapun, bagi mencapai sasaran 11 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup menjelang tahun 2015⁹, usaha yang lebih bersepadu perlu dilaksanakan.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks bilangan kes penyakit tidak berjangkit berkurang sebanyak 19.4 mata. Bilangan kes penyakit tidak berjangkit¹⁰ bagi setiap 1,000 penduduk meningkat daripada 7.2 kes pada 2000 kepada 8.4 kes pada 2012. Bilangan penyakit tidak berjangkit yang tinggi disebabkan oleh gaya hidup dan diet yang tidak sihat serta pengambilan tembakau dan alkohol. Pada tahun



2010, Malaysia mencatat peratusan penduduk yang mempunyai kandungan gula yang tinggi dalam darah, berat badan berlebihan dan obesiti yang paling tinggi di Asia Tenggara¹¹. Pada tahun 2011, terdapat 17,902 kematian atau 37.8 peratus daripada jumlah kematian adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit. Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit 2010-2014 telah digubal bagi mengukuhkan program pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit di seluruh negara.

Indeks nisbah doktor kepada penduduk Malaysia meningkat sebanyak 32.9 mata. Nisbah ini bertambah baik, iaitu seorang doktor bagi setiap 758 orang penduduk pada tahun 2012 berbanding dengan 1,504 orang penduduk pada tahun 2000. Nisbah ini dijangka semakin baik menjelang tahun 2015, iaitu seorang doktor bagi setiap 600 orang penduduk. Pada tahun 2010, nisbah doktor kepada penduduk di negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom adalah kecil, iaitu satu nisbah kurang daripada 400.

Indeks tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar meningkat sebanyak 39.7 mata. Purata waktu menunggu di hospital Kerajaan telah berkurang daripada 108 minit pada tahun 2000 kepada 34 minit pada tahun 2012. Waktu menunggu yang lebih singkat menunjukkan peningkatan kecekapan pengurusan pesakit luar dan sumber di hospital Kerajaan.

⁸ World Health Statistics 2013

⁹ Millennium Development Goals

¹⁰ Bilangan kes yang didiscaj di 140 hospital awam

¹¹ WHO Global Status Report on Non-Communicable Diseases 2010

Indeks bilangan katil di hospital berkurang 17.5 mata. Sejak tahun 2002, bilangan katil di hospital bagi setiap 1,000 orang penduduk di Malaysia adalah 1.9 buah. Pada tahun 2012, daripada 56,000 buah katil di hospital, 75 peratus daripadanya adalah di hospital Kerajaan. Dalam kalangan negara Asia Tenggara, Brunei dan Singapura mempunyai bilangan katil tertinggi iaitu 2.7 bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2010. Dalam tempoh 2000-2012, peningkatan indeks komponen kesihatan menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem kesihatan di Malaysia dalam menyediakan peningkatan akses dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat.



KOTAK 3.5 PENYAKIT YANG BERKAITAN DENGAN GAYA HIDUP

Status kesihatan di Malaysia telah mengalami penambahbaikan yang ketara seperti ditunjukkan oleh jangkaan hayat ketika lahir yang lebih tinggi, kadar penyakit boleh cegah yang lebih rendah dan kadar kematian yang berkurangan. Walau bagaimanapun, tekanan hidup masa kini, tabiat pemakanan yang tidak baik, kekurangan tidur, penggunaan tembakau, pengambilan alkohol dan tidak melakukan senaman yang mencukupi, telah menjejaskan kesihatan rakyat dan meningkatkan penyakit berkaitan gaya hidup.

Penyakit berkaitan gaya hidup, antara lain tekanan darah tinggi, diabetes jenis 2, aterosklerosis (pengerasan arteri), sakit jantung, strok dan penyakit mental. Penyakit ini boleh menyebabkan hilang upaya, meningkatkan kebergantungan dan kematian pra-matang.

Berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional (NHMS) 2011, Malaysia dilaporkan mempunyai penghidap penyakit kronik yang tinggi terutamanya diabetes jenis 2, kolesterol tinggi dan tekanan darah tinggi. Pada tahun 2010, lebih kurang 40 peratus kematian di Malaysia disebabkan oleh penyakit kronik berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat. Kajian ini juga menunjukkan penghidap diabetes di Malaysia meningkat dengan ketara daripada 1.4 juta pada tahun 2006 kepada 1.8 juta pada tahun 2010. Menjelang tahun 2030, penghidap diabetes di Malaysia dijangka meningkat kepada 2.5 juta. Penyakit

ini menyebabkan hampir 24,000 kematian pada 2010. Selain itu, kajian menunjukkan seramai 2.6 juta orang dewasa adalah obes dan hampir setengah juta daripada penduduk berumur di bawah 18 tahun mempunyai berat badan yang berlebihan. Penemuan kajian juga mendapati trend obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah membimbangkan. Seramai lebih kurang 5.8 juta rakyat Malaysia juga dilaporkan mengalami tekanan darah tinggi dan 6.2 juta mempunyai kolesterol tinggi.

Kira-kira 11 peratus rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 60 tahun menderita pelbagai jenis penyakit mental termasuk tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Antara penyebab utama penyakit mental di Malaysia ialah masalah kewangan dan beban kerja. Data *National Suicide Registry* menunjukkan kes membunuh diri meningkat daripada 113 kes pada tahun 2007 kepada 425 kes pada tahun 2010.

Kerajaan menyedari pengurusan penyakit berkaitan gaya hidup mempunyai cabaran yang besar. Oleh itu, Kerajaan sedang melaksanakan usaha ke arah meningkatkan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan orang awam tentang kepentingan kesihatan dan amalan gaya hidup sihat.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Indeks Komponen Alam Sekitar


Peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat yang berterusan bukan sahaja bergantung kepada kepesatan pembangunan ekonomi, tetapi juga tahap pemuliharaan alam sekitar secara mampan.

Indeks komponen alam sekitar meningkat 7.3 berikutan prestasi baik daripada indikator alam sekitar, iaitu kualiti air, kualiti udara, peratusan kawasan berhutan dan purata suhu maksimum, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.15*.

Walau bagaimanapun, peningkatan kuantiti sisa berjadual menjejaskan indeks komponen alam sekitar.



Rajah 3.15 Indeks Komponen Alam Sekitar



Dalam tempoh 2000-2012, indeks kualiti air meningkat 43.4 mata. Peratusan sungai dipantau yang mencatat air bersih¹² meningkat daripada 28.3 peratus pada tahun 2000 kepada 58.3 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan program pencegahan pencemaran dan program promosi seperti "Kempen Cintailah Sungai Kita". Program ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kualiti air sungai tetapi juga memulihara ekosistem semulajadi dan faedahnya. Penguatkuasaan undang-undang secara tegas

dan berterusan dilaksanakan untuk mencegah pencemaran yang berpunca daripada pelepasan kumbahan, air sisa domestik, penerokaan dan kerja tanah dan aktiviti pertanian, penternakan dan perkilangan serta bahan buangan industri.

Indeks kualiti udara meningkat sebanyak 0.7 mata. Peratusan stesen yang mencatat Indeks Pencemaran Udara¹³ (IPU) kurang daripada 50 meningkat daripada 73.4 peratus pada tahun 2000 kepada 73.9 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan

¹² Indeks Kualiti Air (WQI) digunakan untuk menilai status kualiti air sungai di Malaysia. Indeks ini berfungsi sebagai asas kepada penilaian persekitaran laluan air berkaitan dengan pengkategorian beban pencemaran dan pengelasan tahap kegunaan berfaedah. Lembangan sungai yang dikawal adalah dikelaskan kepada tiga kategori iaitu bersih, sederhana tercemar dan tercemar.


¹³ Indikator data IPU diubah dan indeks pencemaran udara menjadi mudah difahami oleh orang awam. Tahap pencemaran udara ditentukan berdasarkan kepada teknik ukuran kualiti udara persekitaran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan dinyatakan dalam julat nombor dan warna untuk menggambarkan keadaan kualiti udara setiap hari untuk kawasan di seluruh Malaysia iaitu hijau (0-50) bermaksud baik; kuning (51-100): sederhana; jingga (101-200): tidak sihat; merah (201-300): sangat tidak sihat; dan merah gelap (>300): berbahaya.

dalam *Rajah 3.16*. Peningkatan kualiti udara ini disebabkan oleh penguatkuasaan yang berterusan, pembinaan sistem pemantauan kualiti udara yang berkesan dan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan udara bersih. Selain pencemaran daripada sumber domestik, masalah jerebu yang merentas sempadan turut menjejaskan kualiti udara.

Indeks peratusan kawasan berhutan meningkat sebanyak 4.0 mata. Kawasan berhutan meningkat daripada 56.4 peratus pada tahun 2000 kepada 57.2 peratus pada tahun 2012.

Kerajaan komited untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan negara adalah kawasan berhutan untuk manfaat generasi masa depan. Sehubungan ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pelaksanaan kempen "Penanaman 26 Juta Pokok" serta pewujudan *Central Forest Spine* bagi menghasilkan rangkaian ekologi yang menghubungkan empat kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia dan *Heart of Borneo* untuk mengurus dan memulihara tanah tinggi merentas Borneo.

Rajah 3.16 Indikator Alam Sekitar



Indeks kuantiti sisa berjadual berkurang sebanyak 22.6 mata. Kuantiti sisa berjadual¹⁴ meningkat daripada 0.01 tan per kapita pada tahun 2000 kepada 0.06 tan per kapita pada tahun 2012. Kempen bagi meningkatkan kesedaran terhadap penghasilan, rawatan dan pelupusan sisa buangan melalui kaedah yang mesra alam dengan menggunakan teknologi terbaik akan terus dilaksanakan.

Pada masa yang sama, pelbagai usaha untuk terus menggalakkan penggunaan sisa buangan sebagai sumber dan amalan "kurang, guna semula dan kitar semula" (3R) sedang dilaksanakan melalui dasar,

undang-undang dan penyediaan infrastruktur yang diperlukan. Strategi untuk membudayakan penggunaan dan pengeluaran yang mampan juga sedang dibangunkan untuk menjayakan usaha ini.

Dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat, ketiga-tiga tonggak pembangunan mampan, iaitu pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan pemuliharaan alam sekitar perlu diberi penekanan yang seimbang. Oleh itu, langkah untuk meningkatkan daya saing negara di samping usaha mengekalkan alam sekitar dan sumber semulajadi akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.



¹⁴ Kuantiti sisa berjadual merujuk kepada sisa buangan disenarai di First Schedule Environmental Quality Regulation (Scheduled Waste) 2005. Ia juga merujuk kepada sisa toksik dan bahan-bahan berbahaya yang dihasilkan industri, pertanian, bengkel, sisa buangan kontraktor berjadual, aktiviti domestik dan sisa buangan klinikal dari hospital

KOTAK 3.6 PELAKSANAAN PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MAMPAN (SCP) DI MALAYSIA

Malaysia menerajui konsep penggunaan dan pengeluaran secara mampan (Sustainable Consumption and Production - SCP) selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi pemimpin global dalam revolusi hijau dan pada masa yang sama mematuhi Agenda 21 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menetapkan langkah strategik ke arah menggalakkan pembangunan mampan. SCP bertujuan memperoleh manfaat yang "lebih banyak dan lebih baik" melalui pengurangan penggunaan sumber, kerosakan dan pencemaran di sepanjang kitaran hayat barang dan perkhidmatan.

Pelaksanaan SCP memerlukan perubahan besar dalam sikap pengguna dan pengeluar, iaitu menerima dan mengguna pakai amalan lestari. Negara bukan sahaja perlu menumpukan usaha kepada mencapai matlamat penggunaan sumber yang cekap, pengurangan pencemaran dan meminimumkan kemerosotan, tetapi juga memastikan keperluan asas pengguna dipenuhi.

Langkah yang telah diambil bagi menggalakkan SCP adalah seperti berikut:

i. Menggalakkan pengeluaran dan penggunaan teknologi yang lebih mesra alam

- Pangkalan Data Inventori Kitaran Hidup Kebangsaan sedang dibangunkan untuk membantu industri utama membangunkan Pendekatan Kitaran Hidup dalam proses pembuatan dan produk seperti aktiviti penjanaan elektrik, bekalan air, penerokaan dan pengeluaran petroleum dan gas asli serta petrokimia; dan
- Pengauditan terhadap pengeluaran yang lebih mesra alam dan kecekapan tenaga telah dilaksanakan di seluruh negara. Pengauditan ini dijalankan ke atas sebahagian besar perusahaan kecil dan sederhana untuk membina model loji pengeluaran yang lebih mesra alam di setiap negeri. Model ini khusus untuk industri makanan dan minuman dengan memberi tumpuan kepada penjimatan sumber dan input dan mengurangkan pencemaran di peringkat sumber.

ii. Memulihara dan menggunakan sumber hutan dan biodiversiti secara mampan

- Malaysia merupakan antara negara yang pertama membangunkan amalan pengurusan hutan yang

menyeluruh bagi memastikan hasil daripada sumber hutan diperoleh secara berterusan dan mampan di samping melindungi persekitaran biodiversiti; dan

- Kriteria dan Indikator Malaysia (MC & I) telah dibangunkan bagi memastikan produk kayu yang dihasilkan adalah diperoleh daripada hutan yang diurus secara mampan dan mematuhi keperluan pengguna.

iii. Menggalakkan amalan pertanian secara mampan

- Persidangan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan (Roundtable on Sustainable Palm Oil - RSPO) telah diwujudkan oleh pihak industri sebagai platform kepada penanam kelapa sawit untuk mengenal pasti dan menerima pakai amalan terbaik penanaman kelapa sawit; dan
- Skim akreditasi pertanian diperkenalkan untuk memastikan petani atau peladang mengguna pakai teknik pertanian yang baik seperti mengurangkan penggunaan bahan kimia dan bahan berbahaya.

iv. Mengukuhkan Dasar SCP dan rangka kerja institusi

- Rangka Kerja Dasar SCP Kebangsaan, 2012-2016 sedang digubal bagi menyelaraskan dan membolehkan pelaksanaan SCP di Malaysia.

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Indeks Komponen Keluarga


Keluarga merupakan unit asas sosial yang membentuk masyarakat yang kukuh dan negara yang berdaya tahan. Kesejahteraan keluarga boleh diukur berdasarkan keupayaan memenuhi melalui keperluan sosial, emosi dan kewangan keluarga.

Dua sub-komponen digunakan untuk mengukur kesejahteraan keluarga, iaitu institusi keluarga dan kedudukan kewangan keluarga. Tiga indikator sub-komponen institusi keluarga adalah kadar perceraian, kes keganasan rumahtangga dan jenayah juvana. Tiga indikator untuk sub-komponen kedudukan kewangan keluarga adalah pendapatan

bulanan purata isi rumah, hutang isi rumah per kapita dan nisbah tanggungan.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen keluarga hanya meningkat 4.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.17*. Indeks sub-komponen kedudukan kewangan keluarga meningkat 15.2 mata berikutan peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah dan nisbah tanggungan. Walau bagaimanapun, indeks sub-komponen institusi keluarga berkurang sebanyak 6.1 mata disebabkan peningkatan dalam kadar perceraian dan jenayah juvana.

Rajah 3.17 Indeks Komponen Keluarga




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Institusi	-6.1
Kes keganasan rumahtangga	34.0
Nisbah perceraian	-21.9
Jenayah juvana	-30.1
Sub-komponen: Kedudukan kewangan	15.2
Purata pendapatan isi rumah sebulan	40.3
Nisbah tanggungan	35.5
Hutang isi rumah per kapita	-30.1

Indeks kadar perceraian merosot sebanyak 21.9 mata. Kadar perceraian dalam kalangan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas meningkat daripada 0.11 peratus pada tahun 2000 kepada 0.18 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.18*. Kurang pemahaman terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri, campur

tangan pihak ketiga dan faktor ekonomi merupakan antara penyebab kepada peningkatan kadar perceraian. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan bagi memperkuatkan institusi keluarga seperti program pra-perkahwinan SMART START, Keluarga@Kerja dan modul Kukuh Akhlak Sihat Ilmu Harmoni (KASIH).

Rajah 3.18 Indikator Keluarga



 Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

Indeks kes keganasan rumahtangga meningkat 34.0 mata berikutan pengurangan kes keganasan rumahtangga bagi setiap 100,000 penduduk daripada 19 kes pada tahun 2000 kepada 12 kes pada tahun 2012. Pengurangan ini hasil daripada pindaan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 serta inisiatif termasuk pewujudan Talian NUR 15999 bagi memudahkan aduan dan pertanyaan, pelaksanaan program pengurusan konflik dan tekanan serta penyediaan khidmat kaunseling.

Indeks jenayah juvana berkurang 30.1 mata disebabkan oleh peningkatan kes jenayah juvana dalam kalangan penduduk berumur 10 hingga 18 tahun, iaitu daripada 0.09 peratus pada 2000 kepada 0.16 peratus pada 2012. Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Keempat (Ke-4) oleh LPPKN, kurang bimbingan dan perhatian ibu bapa serta keruntuhan institusi keluarga merupakan punca utama peningkatan jenayah juvana. Selain itu, peningkatan ini disebabkan oleh faktor seperti pengaruh rakan sebaya, elemen keganasan yang dipaparkan dalam media dan amalan gaya hidup mewah, serta kurang kemahiran mengurus kemarahan dan tekanan. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan untuk membendung jenayah juvana seperti Sekolah Angkat Polis DiRaja Malaysia dan Sekolah Selamat. Program ini bertujuan mendidik pelajar agar tidak terlibat dalam kegiatan jenayah serta meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan pelajar.

Indeks pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat 40.3 mata berikutan peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah hampir sekali ganda, iaitu daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM5,000 pada tahun 2012. Dalam tempoh ini, pendapatan isi rumah meningkat pada kadar 5.5 peratus setahun lebih tinggi daripada kadar inflasi 2.2 peratus, menggambarkan kuasa beli isi rumah yang lebih tinggi. Dalam tempoh yang sama, pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.7 peratus setahun telah mewujudkan lebih banyak

peluang pekerjaan. Di samping itu, pencapaian akademik yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja membolehkan mereka mendapat upah yang lebih tinggi dan secara langsung meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah.


Indeks hutang isi rumah per kapita berkurang 30.1 mata. Jumlah hutang isi rumah per kapita meningkat daripada RM7,035 pada tahun 2000 kepada RM25,731 pada tahun 2012, iaitu sebanyak 11.4 peratus setahun disebabkan peningkatan pinjaman untuk membeli rumah dan kereta. Jumlah pinjaman ini merupakan hampir 60 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang isi rumah pada tahun 2012. Oleh itu, bagi membendung peningkatan hutang isi rumah yang berterusan, beberapa langkah telah diambil termasuk memperketat prosedur pinjaman dengan memendekkan tempoh pinjaman peribadi dan pembelian hartanah. Selain itu, garis panduan baharu kad kredit telah diperkenalkan bagi membolehkan pengurusan kewangan dan hutang yang berhemah dalam kalangan pengguna kad kredit.

Indeks nisbah tanggungan pula meningkat 35.5 mata. Nisbah tanggungan¹⁵ berkurangan daripada 61 orang pada tahun 2000 kepada 46 orang bagi setiap 100 penduduk umur bekerja pada tahun 2012. Pengurangan ini disebabkan oleh pertambahan bilangan penduduk umur bekerja, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.19*. Ini menunjukkan bilangan tanggungan oleh isi rumah semakin berkurangan yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan keluarga.



¹⁵ Nisbah tanggungan merujuk kepada peratus bilangan penduduk berumur 15 tahun dan ke bawah dan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas kepada jumlah penduduk umur bekerja (15 hingga 64)

Rajah 3.19 Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur



Pencapaian indeks komponen keluarga yang rendah ini menjelaskan bahawa tumpuan yang lebih besar perlu diberikan bagi menangani isu-isu yang boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga. Bagi tujuan ini, pelaksanaan strategi khusus berdasarkan kumpulan sasaran perlu dipergiat untuk memperkukuh lagi institusi keluarga.



KOTAK 3.7 INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2011

Institusi keluarga yang kukuh dan mampu menghadapi cabaran kehidupan masa kini merupakan aspek penting dalam mewujudkan masyarakat yang progresif dan inklusif di Malaysia. Banyak contoh yang menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi bukan sahaja memberi kebaikan, malah boleh mengakibatkan kemudaratan terhadap institusi keluarga. Banyak negara maju telah mengalami kemerosotan dalam aspek institusi keluarga akibat daripada tumpuan terhadap pencapaian pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Pada hakikatnya, institusi keluarga mempunyai peranan yang penting dalam meningkatkan keupayaan sesebuah negara untuk memanfaatkan peluang serta menghadapi cabaran perubahan ekonomi semasa.

Malaysia telah melalui proses pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang sama sepertimana kebanyakan negara lain. Proses ini telah mewujudkan pelbagai cabaran kepada institusi keluarga yang menjejaskan peranan penting institusi ini dalam membentuk masyarakat yang progresif dan inklusif. Oleh itu, menilai status semasa kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah penting bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan usaha membendung kemerosotan yang lebih besar pada masa hadapan. Bagi tujuan ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Memandangkan kesejahteraan keluarga merupakan satu konsep yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan individu dan keluarga, maka IKK dibangunkan berasas kepada tujuh domain, iaitu Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi

Keluarga, Keluarga dan Agama/Kerohanian, Keluarga dan Komuniti, Keselamatan Keluarga, Kesihatan Keluarga serta Keluarga dan Persekitaran. Bagi memperoleh data yang bersesuaian untuk pembangunan IKK, satu kajian khusus telah dilaksanakan yang melibatkan 5,616 responden daripada 2,808 isi rumah yang terdiri daripada 1,484 bapa, 1,324 ibu serta 2,808 kanak-kanak dan belia yang berumur antara 13 hingga 24 tahun.

Secara keseluruhannya, IKK 2011 mencatat 7.6 mata daripada skor maksimum 10 mata, menunjukkan bahawa keluarga di Malaysia mempunyai kadar kesejahteraan keluarga yang tinggi. Daripada tujuh domain tersebut, domain Keluarga dan Agama/Kerohanian mencatat skor yang tertinggi, diikuti oleh domain Keluarga dan Komuniti dan Hubungan Kekeluargaan, Keselamatan Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keluarga dan Persekitaran serta Ekonomi Keluarga, seperti ditunjukkan dalam *Jadual B3.2*. Bagi indikator pula, Peranan Agama mencatat skor tertinggi diikuti oleh Hubungan Suami/Isteri dan Fungsi Keluarga. Indikator yang mencatat skor terendah adalah Tabungan Masa Depan di bawah domain Ekonomi Keluarga.

Kajian ini juga menilai persepsi terhadap tahap kesejahteraan keluarga lima tahun akan datang. Hasil penemuan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga akan meningkat daripada 7.8 mata kepada 8.9 mata dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini menunjukkan keyakinan keluarga di Malaysia bahawa tahap kesejahteraan keluarga mereka akan berada dalam keadaan yang lebih baik pada masa hadapan.

Jadual B3.2 Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011: Skor bagi Domain dan Indikator

No	Komponen	Indikator	Skor
1	HUBUNGAN KEKELUARGAAN		7.80
		Hubungan suami / isteri	8.46
		Fungsi keluarga	8.44
		Daya tahan keluarga	8.05
		Penglibatan ibu bapa	7.89
		Masa bersama keluarga	7.35
		Imbangan kerja dan keluarga	6.71
2	EKONOMI KELUARGA		6.90
		Taraf hidup keluarga	7.61
		Situasi ekonomi keluarga	7.54
		Tiada beban hutang	6.31
		Tabungan masa depan	6.14
3	KESIHATAN KELUARGA		7.38
		Tahap kesihatan keluarga	7.93
		Pengurusan stress	7.23
		Amalan kesihatan keluarga	6.98
4	KESELAMATAN KELUARGA		7.39
		Rasa selamat dalam rumah	8.07
		Keselamatan keluarga	7.39
		Pengetahuan kecemasan	6.71
5	KELUARGA DAN KOMUNITI		7.80
		Hubungan dengan komuniti	8.00
		Kerjasama dalam komuniti	7.75
		Penglibatan dalam komuniti	7.75
6	KELUARGA DAN AGAMA/KEROHANIAN		8.28
		Peranan agama	8.50
		Amalan kerohanian	8.00
7	KELUARGA DAN PERSEKITARAN		7.28
		Kemudahan asas	7.53
		Tahap pencemaran	7.02
Indeks Kesejahteraan Keluarga			7.55

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



3. KESEJAHTERAAN SOSIAL

Pendahuluan

Mengukur pelbagai dimensi kesejahteraan sosial adalah penting untuk menilai pencapaian kemajuan negara. Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan sejak 13 tahun lalu dari segi kesejahteraan sosial, seperti ditunjukkan oleh penambahbaikan dalam indeks sub-komposit

kesejahteraan sosial dan kesemua komponen indeksinya. Tiga komponen tertinggi daripada sembilan komponen adalah perumahan yang meningkat 36.9 mata, liburan 31.4 mata dan tadbir urus 28.1 mata.

Indeks Komponen Perumahan


Perumahan yang dapat memenuhi keperluan asas keluarga bukan sahaja terhad kepada perlindungan fizikal tetapi perlu merangkumi kualiti persekitaran kediaman yang baik. Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen perumahan meningkat 36.9 mata disebabkan peningkatan semua indeks indikator komponen perumahan seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.1*. Lima indikator tersebut adalah peratusan unit rumah kos rendah kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, bilangan penghuni sebilik, peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat dan bekalan elektrik serta liputan perkhidmatan kutipan sampah.

Dalam tempoh 2000-2012, penyediaan rumah kos rendah kepada kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah meningkat dengan ketara. Perumahan kos rendah yang disediakan memenuhi satu per tiga daripada keperluan kumpulan tersebut pada tahun 2000 dan meningkat kepada lebih 40 peratus pada tahun 2012. Selain sektor awam, sektor swasta juga menyumbang kepada peningkatan ini. Di samping itu, sejak tahun 2011, tumpuan yang besar juga diberi untuk memenuhi keperluan perumahan kumpulan berpendapatan sederhana rendah, khususnya di bandar besar. Bagi menyokong inisiatif ini, beberapa program telah dilancarkan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). RUMAWIP dilaksanakan oleh sektor awam, manakala PR1MA dan PPA1M dilaksana berasaskan model kerjasama sektor awam-swasta

Kualiti perumahan telah bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh penurunan bilangan penghuni sebilik. Nisbah penghuni bagi setiap bilik berkurang kepada 1.50 pada tahun 2012 daripada 1.94 pada tahun 2000, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.2*. Pada tahun 2002, pemaju dikehendaki mematuhi spesifikasi baru iaitu menyediakan tiga bilik tidur bagi rumah kos rendah. Pada tahun 2006 pula, saiz standard minimum bagi perumahan kos rendah dengan tiga bilik tidur telah diluaskan daripada 650 kaki persegi kepada 700 kaki persegi.



Rajah 3.1 Indeks Komponen Perumahan



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
% isi rumah dengan bekalan air terawat	56.1
Bilangan penghuni sebilik	37.4
% isi rumah dengan bekalan elektrik	33.6
% isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah	29.6
% unit rumah kos rendah kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah	27.8

Akses dan kualiti kemudahan asas juga bertambah baik dalam tempoh 2000-2012. Indeks peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat meningkat sebanyak 56.1 mata, daripada 89.9 peratus pada tahun 2000 kepada 93.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini disumbangkan oleh liputan bekalan air terawat yang hampir menyeluruh di kawasan bandar di 10 negeri⁵. Sementara itu, peratusan unit rumah dengan bekalan air terawat di kawasan luar bandar meningkat melebihi 90.0 peratus, kecuali Sabah dan Kelantan mencatat 60.0 peratus. Peningkatan ini adalah berikutan pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar.

Indeks peratusan isi rumah dengan bekalan elektrik meningkat sebanyak 33.6 mata dalam tempoh 2000-2012. Liputan bekalan elektrik meningkat sedikit daripada 98.3 peratus pada tahun 2000 kepada 98.9 peratus pada tahun 2012. Secara amnya, kawasan bandar menikmati liputan bekalan elektrik sepenuhnya.

Bagi kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak, program bekalan elektrik luar bandar dilaksanakan dengan menggunakan teknologi alternatif seperti sistem solar hibrid dan sistem mikro-hidro. Walau bagaimanapun, program bekalan elektrik ini tidak mencapai matlamat

berikutan faktor geografi dan taburan penduduk yang tidak sekata.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks peratusan isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah meningkat sebanyak 29.6 mata. Liputan unit rumah yang mendapat perkhidmatan kutipan sampah sama ada secara terus dari rumah atau dari kawasan kediaman meningkat daripada 69.0 peratus pada tahun 2000 kepada 77.7 peratus pada tahun 2012.

Pada tahun 2005, Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan telah diterima pakai untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan mampan. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara kemudiannya ditubuhkan untuk merangka dasar, merancang dan mengurus sisa pepejal. Pada tahun 2008 pula, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ditubuhkan untuk memastikan operasi pengurusan sisa pepejal yang lebih menyeluruh, bersepadu dan keberkesanan kos.


Walaupun kualiti perumahan dan kemudahan asas telah meningkat sejak beberapa tahun, tanggungjawab memenuhi keperluan perumahan terus menjadi keutamaan Kerajaan. Peningkatan

⁵ Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Sarawak, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.

harga rumah sejak kebelakangan ini telah menjejaskan kemampuan memiliki rumah terutamanya bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Dari segi penyediaan kemudahan asas, usaha sedang diambil untuk meningkatkan liputan terutama ke kawasan yang belum mendapat perkhidmatan sepenuhnya dan kurang membangun. Program pembangunan semula sedang dilaksanakan di kawasan bandar terpilih. Langkah ini dijangka menyumbang kepada kesejahteraan rakyat yang lebih baik.



Rajah 3.2 Indikator Perumahan



KOTAK 3.1 PERUMAHAN AWAM DI MALAYSIA

Penyediaan perumahan yang selesa dan mampu dimiliki merupakan antara objektif pembangunan sosial negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan rakyat mampu memiliki rumah. Pembangunan perumahan dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta. Kerajaan memberi tumpuan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik, terutamanya kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Sementara itu, sektor swasta pula menyediakan perumahan untuk memenuhi keperluan pasaran. Program perumahan awam yang dilaksanakan, antaranya:

- i. **Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)** - Kerajaan Persekutuan menyediakan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada kerajaan negeri untuk membina rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah. Jenis rumah yang disediakan adalah berbeza mengikut lokasi. Rumah sesebuah atau berkembar (kebanyakannya rumah kayu) dibina di kawasan luar bandar, rumah teres setingkat dan dua tingkat di pinggir bandar serta rumah pangsa pelbagai tingkat di kawasan bandar.
- ii. **Perumahan Awam Kos Rendah Bersepadu** - rumah pangsa kos rendah untuk disewa bagi mengatasi masalah setinggan di Kuala Lumpur dan bandar besar, terutamanya di ibu negeri.
- iii. **Skim Tapak dan Perkhidmatan** - rumah untuk kumpulan berpendapatan rendah, terutamanya bagi mereka yang tidak mampu memiliki rumah di bawah program PAKR. Opsyen perumahan di bawah skim ini ialah:
 - Penyediaan tapak dan sebuah rumah asas yang direka dan dibina untuk membolehkan rumah tersebut dinaik taraf oleh pemilik pada masa depan; atau
 - Penyediaan tapak kosong, termasuk kemudahan asas.
- iv. **Skim Pinjaman Perumahan** - skim untuk kumpulan berpendapatan rendah yang tidak mendapat kemudahan pembiayaan daripada sumber lain, iaitu:
 - Pekerja yang tinggal di sekitar kawasan industri dan luar bandar yang memiliki tanah;
 - Penduduk kampung baru yang memiliki tanah; Pekerja estet dan lombong yang memiliki tanah berhampiran tempat kerja mereka; dan
 - Penduduk setinggan yang dipindahkan dan memerlukan pembiayaan untuk membina rumah di tanah baharu diperuntukkan kepada mereka.
- v. Perumahan untuk peneroka tanah disediakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pembangunan tanah dan wilayah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- vi. Perumahan disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).
- vii. Kuarters untuk kakitangan Kerajaan, terutamanya guru, kakitangan kesihatan, tentera dan polis.
- viii. Perumahan untuk pekerja estet dan industri. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 telah memperuntukkan supaya pemilik estet menyediakan perumahan percuma dan kemudahan sosial yang bersesuaian kepada pekerja mereka.
- ix. **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** - rumah mampu milik berkualiti, terutamanya untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. SPNB merupakan agensi pelaksana bagi Projek Pemulihan Perumahan Terbangkalai dengan tujuan untuk memantau dan memulihkan projek terbangkalai. SPNB juga membaik pulih dan membina semula rumah untuk mereka yang kurang bernasib baik dan keluarga miskin tegar di bawah Projek Perumahan Khas melalui Skim Amal Jariah.
- x. **Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** - membangun dan menyelenggara perumahan mampu milik yang berkualiti bagi kumpulan berpendapatan sederhana. Program ini bertujuan menyediakan akses yang lebih luas bagi kumpulan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah yang berharga antara RM100,000 dan RM400,000 di bandar besar.
- xi. **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** - perumahan bagi kumpulan penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana (pendapatan isi rumah RM8,000 dan kurang). Rumah ini akan dibina di atas tanah Kerajaan dan berharga antara 20 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri


Indeks Komponen Liburan

Hubungan kekeluargaan dan persahabatan yang harmoni boleh diperkukuhkan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti riadah. Antara aktiviti tersebut termasuk meluangkan masa bersama keluarga menonton TV di rumah dan filem di pawagam dan mengambil bahagian dalam aktiviti luar seperti mengunjungi taman rekreasi dan melancong.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen liburan meningkat 31.4 mata. Kesemua indikator menunjukkan pencapaian positif terutamanya disumbangkan oleh indikator bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar serta bilangan pelawat taman rekreasi, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.3*.



Rajah 3.3 Indeks Komponen Liburan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar	39.2
Bilangan pelawat taman rekreasi	38.1
Bilangan pengunjung pawagam	28.6
Bilangan penginap hotel domestik	19.6

Indeks bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar meningkat 39.2 mata. Langganan TV berbayar meningkat lebih sekali ganda daripada 1.6 juta pada tahun 2000 kepada 3.8 juta pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.4*. Pertambahan ini berikutan peningkatan kuasa beli pengguna serta pelbagai pakej menarik untuk semua peringkat umur yang disediakan oleh

penyedia perkhidmatan, liputan rangkaian yang lebih luas dan berita tempatan dan antarabangsa yang terkini.

Indeks bilangan pelawat taman rekreasi meningkat 38.1 mata, menunjukkan aktiviti luar semakin popular dalam kalangan rakyat Malaysia.

Rajah 3.4 Indikator Liburan



Pada amnya, aktiviti luar dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan, menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kesejahteraan. Jumlah pelawat ke taman rekreasi meningkat lebih empat kali daripada 137 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 640 pada tahun 2012. Peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah dan pertambahan bilangan taman rekreasi berkualiti di seluruh negara telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam jumlah pelawat.

Indeks bilangan penginap hotel domestik meningkat 19.6 mata. Peningkatan aktiviti riadah telah disumbangkan oleh pertambahan bilangan pelancong tempatan dan penginap hotel. Bilangan penginap hotel domestik meningkat daripada 579 orang pada tahun 2000 kepada 1,019 orang setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012, iaitu pada kadar 4.8 peratus setahun. Kumpulan


berpendapatan pertengahan yang semakin besar dan aktiviti promosi yang agresif, pengisytiharan hari Sabtu sebagai hari cuti perkhidmatan awam dan penubuhan syarikat penerbangan kos rendah telah menyumbang kepada pertumbuhan kukuh sektor pelancongan tempatan.

Indeks bilangan pengunjung pawagam meningkat 28.6 mata. Bilangan pengunjung pawagam mencatat peningkatan ketara daripada 439 orang pada tahun 2000 kepada 1,940 orang bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012. Lokasi pawagam yang strategik seperti di kompleks membeli-belah telah memudahkan orang ramai melakukan pelbagai aktiviti dalam masa yang terhad. Di samping itu, pertambahan minat terhadap filem, kemudahan yang lebih baik di pawagam dan pengenalan kepada e-tiket merupakan antara faktor yang menarik lebih ramai pengunjung ke pawagam.

Indeks Komponen Tadbir Urus

Ketelusan, akauntabiliti, integriti dan penglibatan rakyat merupakan aspek utama tadbir urus yang baik yang penting untuk pertumbuhan dan kemakmuran negara. Indeks komponen tadbir urus terdiri daripada bilangan transaksi e-pembayaran, peratusan pembayar cukai yang menggunakan e-Filing, peratusan kes rasuah yang didakwa dan bilangan kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA). Dalam tempoh 2000-2012, komponen indeks tadbir urus meningkat 28.1 mata terutamanya disumbangkan oleh peningkatan transaksi e-pembayaran, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.5*.

Rajah 3.5 Indeks Komponen Tadbir Urus




Indeks indikator bilangan transaksi e-pembayaran meningkat 36.0 mata. Bilangan transaksi e-pembayaran meningkat daripada 96.6 juta pada tahun 2000 kepada 1,629 juta pada tahun 2012. Pertambahan bilangan ini disumbangkan oleh peningkatan penerimaan terhadap perkhidmatan pembayaran secara atas talian sebagai saluran pembayaran yang lebih mudah dan selesa. Selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia meliberalisasikan polisi kewangan, Garis Panduan Wang Elektronik diperkenalkan pada tahun 2008 yang menggariskan prinsip umum dan standard minimum mengenai pengeluaran wang elektronik yang perlu dipatuhi oleh institusi bukan perbankan. Ini menggalakkan lagi transaksi bukan tunai.

INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan transaksi e-pembayaran	36.0
% kes yang diselesaikan oleh BPA	34.2
% pengguna e-Filing	28.5
% kes rasuah yang didakwa	13.9

Indeks peratusan kes yang diselesaikan oleh BPA meningkat 34.2 mata. BPA telah menyelesaikan sebanyak 11,994 atau 95.6 peratus daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.6*. Ini menunjukkan kegigihan BPA melaksanakan usaha mengurus aduan terhadap penyampaian perkhidmatan oleh perkhidmatan awam. Usaha yang diambil termasuk program 'turun padang' seperti Kaunter Aduan Bergerak, Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu dan Program Mesra (MESRA).

Indeks peratusan pengguna e-Filing meningkat 28.5 mata. Penghantaran borang taksiran cukai secara e-Filing menjadi pilihan pembayar cukai. Pada tahun 2012, sebanyak 39.0 peratus daripada pembayar cukai berdaftar menggunakan perkhidmatan tersebut berbanding dengan hanya 4.5 peratus pengguna semasa e-Filing diperkenalkan pada tahun 2006.

Rajah 3.6 Indikator Tadbir Urus



Penggunaan *e-Filing* dijangka terus bertambah memandangkan banyak usaha meningkatkan kesedaran masyarakat telah dilaksanakan di samping memantapkan sistem ini supaya lebih mudah dan mesra pengguna.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks peratusan kes rasuah yang didakwa meningkat sebanyak 13.9 mata. Peratusan kes rasuah yang didakwa telah meningkat daripada 37.2 peratus pada tahun 2000 kepada 49.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan dalam indeks ini hasil daripada pelbagai usaha yang telah diambil termasuk memperkenalkan dasar baru dan penambahbaikan dalam prosedur dan undang-undang. Antara usaha yang dilaksanakan adalah menubuhkan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di seluruh negara pada tahun 2011 bagi

mempercepat perbicaraan serta menyelesaikan kes tertangguh. Inisiatif ini telah meningkatkan penyertaan orang awam dalam membanteras dan membendung rasuah. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah juga telah bertambah baik daripada tangga ke-60 pada tahun 2011 kepada tangga ke-54 pada tahun 2012.



KOTAK 3.2 KERAJAAN ELEKTRONIK

Kerajaan Elektronik (MyEG) yang dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan teknologi serta meningkatkan akses dan memantapkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah selaras dengan eko-sistem digital dan persekitaran hijau. Antara inisiatif yang dilaksanakan di bawah MyEG adalah pembangunan EG*Net untuk menyediakan rangkaian infrastruktur yang selamat di seluruh negara bagi aplikasi MyEG dan Rangkaian Kampus Putrajaya (PCN). Selain itu, program lain yang dilaksanakan termasuk eKL yang bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan Kerajaan secara bersepadu di Lembah Klang dan projek berteraskan rakyat seperti MyBayar, MyServices, MyForms, MyNews dan MySMS.

Kajian Penandaarasan ICT Sektor Awam 2011 menunjukkan sebanyak 35 peratus daripada perkhidmatan Kerajaan boleh dicapai secara atas talian. Selaras dengan pendekatan keseluruhan kerajaan seperti digariskan dalam RMKe-10, agensi sektor awam perlu bekerja merentasi sempadan portfolio ke arah mencapai matlamat yang sama dan penyelesaian bersepadu dalam memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mencapai sasaran 90 peratus perkhidmatan Kerajaan disediakan secara atas talian menjelang 2015.

Waseda e-Government Development Survey (Kaji selidik Pembangunan e-Kerajaan Waseda) pada tahun 2013 yang bertujuan untuk memantau perkembangan

pembangunan e-Kerajaan menyenaraikan Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 55 negara. Kaji selidik ini menilai ketersediaan rangkaian, keperluan kepada aplikasi fungsi-antarmuka, pengurusan yang optimum dan pembangunan dan penggunaan portal kerajaan, peranan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dalam Kerajaan, promosi e-Kerajaan dan e-Penyertaan (rangkuman digital).

Antara langkah yang menyumbang kepada *ranking* tersebut termasuk pelaksanaan "satu perkhidmatan, satu penyampaian, *no wrong door*" seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia (2011-2015) dan pelantikan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) pada 2008. GCIO telah diberi mandat untuk menerajui dan menyelaras Projek *Entry Point* (EPP) bagi dua Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu EPP e-Kerajaan di bawah NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi dan EPP Penyumberluaran Kerajaan di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan. Di samping itu, CIO telah dilantik di semua kementerian/agensi untuk menerajui pelaksanaan strategi yang dikenal pasti dalam Pelan Strategik serta kedua-dua EPP.

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Indeks Komponen Keselamatan Awam

Keselamatan dan ketenteraman awam adalah elemen penting ke arah menjadi sebuah negara maju. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Kadar Jenayah pada tahun 2009. NKRA ini memberi tumpuan kepada pengurangan bilangan kes jenayah harta benda, kekerasan dan jalanan, menggalakkan penyertaan orang ramai dalam program sukarelaan dan menambah baik prosedur dalam sistem kehakiman jenayah.




Dalam tempoh 2000-2012, indeks keselamatan awam meningkat 25.6 mata berikutan pengurangan dalam indikator kadar jenayah dan kemalangan jalan raya, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.7*. Indeks indikator kadar jenayah telah bertambah baik berikutan penurunan kadar jenayah sebanyak 2.1 peratus iaitu daripada 7.7 kes pada tahun 2000 kepada 6.0 kes bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.8*. Usaha menyeluruh yang berterusan telah diambil bagi mengurangkan kadar jenayah, antara lain, meningkatkan rondaan polis terutama di kawasan kadar jenayah yang tinggi, menjalankan operasi khas serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pengawasan di kawasan kejiranan secara sukarela.

Di samping itu, Program Bandar Selamat⁶ telah dilaksanakan bagi membantu pihak berkuasa tempatan memantau jenayah dan aktiviti sosial yang negatif.



Rajah 3.7 Indeks Komponen Keselamatan Awam




Indeks kemalangan jalan raya meningkat 32.3 mata. Bilangan kemalangan jalan raya berkurangan 1.2 peratus, iaitu daripada 23.6 pada tahun 2000 kepada 20.4 bagi setiap 1,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.8*. Pengurangan kadar ini adalah hasil daripada peningkatan penguatkuasaan, pemantauan aliran trafik menggunakan helikopter

dan kempen kesedaran. Penemuan *Malaysian Institute of Road Safety and Research (MIROS) Crash Investigation and Reconstruction Annual Statistical Report 2007-2010* mendapati punca utama kemalangan di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor manusia seperti pemanduan berisiko, melebihi had laju dan terlebih muatan.

⁶ Program Bandar Selamat telah dilaksanakan di 151 pihak berkuasa tempatan. Di antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pemisahan laluan pejalan kaki dan laluan motosikal serta pemasangan cermin keselamatan dan televisyen litar tertutup (CCTV).

Rajah 3.8 Indikator Keselamatan Awam



Walaupun komponen keselamatan dan ketenteraman awam menunjukkan peningkatan, namun masih terdapat pelbagai cabaran dalam aspek keselamatan dan ketenteraman untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Strategi khusus dilaksanakan untuk meningkatkan bina upaya anggota, peralatan dan sistem keselamatan dan ketenteraman awam.

KOTAK 3.3 INDEKS KEBIMBANGAN MENJADI MANGSA JENAYAH

Indeks Kebimbangan Menjadi Mangsa Jenayah bertujuan menentukan peratusan rakyat Malaysia yang berasa bimbang akan menjadi mangsa jenayah. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, tiga kaji selidik telah dilaksanakan ke atas lebih daripada 15,000 rakyat Malaysia di seluruh negara mengenai persepsi mereka terhadap perkhidmatan polis dan kebimbangan akan menjadi mangsa jenayah. Kaji selidik⁷ dilaksanakan secara rawak dari rumah ke rumah di kawasan bandar dan luar bandar dalam kalangan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Dalam kajian pertama yang dilaksanakan pada tahun 2009, indeks kebimbangan menjadi mangsa jenayah adalah 58.5 peratus dan berkurangan kepada 54.0 peratus pada tahun 2010 dan 52.5 peratus pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, indeks ini meningkat kepada 56.0 peratus pada tahun 2012.

Pengurangan indeks kebimbangan pada tahun 2010 dan 2011 adalah berikutan peningkatan kehadiran polis terutamanya di kawasan kadar jenayah yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, peratusan kebimbangan menjadi mangsa jenayah meningkat berikutan penyebaran secara meluas mengenai insiden jenayah melalui emel dan SMS serta penambahan laman web yang mengesan dan melaporkan kejadian jenayah serta penjelasan atau panduan mengenai langkah-langkah mengelak menjadi mangsa jenayah. Selain itu, peningkatan amalan mempolitikkan kejadian jenayah dan inisiatif yang dilaksanakan bagi menangani jenayah telah meningkatkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah.

Sumber: Kementerian Dalam Negeri dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

⁷ Survei telah dilaksanakan oleh Taylor Nelson Sofres (TNS), syarikat pemasaran bebas antarabangsa di Malaysia beribu Pejabat di United Kingdom


Indeks Komponen Penyertaan Sosial

Penyertaan sosial merujuk kepada penglibatan dan interaksi orang ramai dengan masyarakat, seperti kesukarelaan, menderma dan penglibatan dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Penyertaan sosial juga termasuk penyertaan dalam aktiviti politik dan sosial yang dipengaruhi oleh faktor antaranya rangkaian sosial, semangat kekitaan dan tahap kepercayaan.

Indeks komponen penyertaan sosial merangkumi pengundi yang berdaftar, bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar, persatuan penduduk berdaftar serta keahlian Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan RakanCop. Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen penyertaan sosial meningkat 20.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.9*. Ini menunjukkan peningkatan kesedaran dan kesanggupan dalam kalangan rakyat untuk menyumbang secara aktif ke arah kesejahteraan masyarakat.



Rajah 3.9 Indeks Komponen Penyertaan Sosial




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan persatuan penduduk berdaftar	35.9
Keahlian RELA dan RakanCo	28.4
Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar	26.9
% pengundi berdaftar	-9.0

Indeks bagi peratusan pengundi berdaftar telah merosot 9.0 mata pada 2012. Pengundi berdaftar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 73.0 peratus pada tahun 2012 berbanding dengan 69.4 peratus pada tahun 2007, seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 3.10*. Pelbagai program kesedaran serta aktiviti promosi pendaftaran pengundi baharu menyumbang kepada peningkatan pengundi berdaftar.



Rajah 3.10 Indikator Penyertaan Sosial



Indeks indikator bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar meningkat 26.9 mata. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan peranan pertubuhan ini sebagai perantara untuk menyalurkan pendapat dan kehendak mereka secara lebih kolektif dan teratur. Di samping itu, menjelaskan kesanggupan individu untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial.

Bilangan persatuan penduduk berdaftar meningkat hampir dua kali, iaitu daripada 1,607 pada tahun 2000 kepada 4,542 pada tahun 2012. Pertambahan ini menyumbang kepada peningkatan ketara indeks indikator persatuan penduduk berdaftar iaitu 35.9 mata. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan bekerjasama untuk memastikan persekitaran masyarakat yang selamat.

Keahlian RELA dan RakanCop meningkat dengan ketara, iaitu daripada 12 keahlian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 103 keahlian pada tahun 2012 yang menyumbang kepada peningkatan indeks indikator sebanyak 28.4 mata. Peningkatan ini adalah selaras dengan pelancaran RakanCop pada tahun 2005 serta usaha untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam RELA. Inisiatif ini menyediakan peluang untuk masyarakat bekerjasama dengan pihak polis dalam pencegahan jenayah, mendapat pendidikan sivik dan meningkatkan kesedaran untuk mewujudkan persekitaran masyarakat yang selamat.

Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran penyertaan sosial. Usaha ini bagi memastikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat.

KOTAK 3.4 HUBUNGAN SOSIAL DALAM INDEKS BELIA MALAYSIA

Indeks Belia Malaysia (IBM) dibangunkan untuk menilai pembangunan belia di negara ini. Laporan IBM 2011 merupakan terbitan ketiga sejak terbitan pertama pada 2006. Hubungan sosial adalah satu daripada sembilan domain dalam IBM 2011 yang mengukur hubungan belia dengan ibu bapa/keluarga, masyarakat dan rakan. Dalam tempoh 2008-2011, skor domain hubungan sosial dikategorikan sebagai baik. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan kecil bagi indikator hubungan belia dengan ibu bapa/keluarga dan hubungan dengan rakan kecuali indikator hubungan belia dengan masyarakat yang meningkat 9.5 mata, seperti ditunjukkan dalam *Jadual B3.1*

Peningkatan hubungan belia dengan masyarakat mungkin disebabkan oleh kemajuan ICT terutamanya media sosial. Kemajuan ini telah membuka peluang kepada belia untuk mendapatkan akses kepada maklumat dengan cepat.

Usaha Kerajaan yang giat dalam membangunkan belia turut menyumbang kepada peningkatan hubungan belia dengan masyarakat, contohnya pelaksanaan program yang menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam sukan.

Jadual B3.1 Domain Hubungan Sosial

Indikator	Mata Indeks	
	2008	2011
Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	72.8	71.1
Hubungan dengan Masyarakat	54.4	63.9
Hubungan dengan Rakan	72.9	72.0
Skor IBM	73.5	69.0

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan


Indeks Komponen Kebudayaan

Kebudayaan memainkan peranan penting dalam pembinaan nusa bangsa dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh 2000-2012, indeks kebudayaan meningkat 20.3 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.11*. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh penambahan bilangan keahlian perpustakaan awam dan pelawat muzium.

Indeks bilangan keahlian perpustakaan awam meningkat 38.3 mata, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan minat membaca dalam kalangan rakyat, penambahan bilangan perpustakaan dan koleksi bahan bacaan serta penambahbaikan kemudahan di perpustakaan. Kaji Selidik Literasi Negara 2005 oleh Perpustakaan Negara menunjukkan rakyat Malaysia membaca secara purata lapan hingga 12 buku setahun berbanding dengan satu hingga dua buku setahun pada tahun 1996.



Rajah 3.11 Indeks Komponen Kebudayaan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan keahlian perpustakaan awam	38.3
Bilangan pelawat muzium	26.5
Bilangan pengunjung Istana Budaya	9.1
Bilangan pengunjung Kompleks Kraf	7.1

Pertambahan bilangan muzium dan penambahbaikan kemudahan galeri pameran telah meningkatkan minat terhadap sejarah dan kebudayaan dalam kalangan rakyat. Kedua-dua faktor ini berserta dengan pelaksanaan program promosi telah menyumbang kepada peningkatan

bilangan pelawat muzium, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.12*. Bilangan pelawat muzium meningkat daripada 73 orang pada tahun 2000 kepada 111 orang bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012 dan ini meningkatkan indeks bilangan pelawat muzium sebanyak 26.5 mata.

Rajah 3.12 Indikator Kebudayaan



Bilangan pengunjung Kompleks Kraf meningkat daripada 13 orang bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2000 kepada 14 orang pada tahun 2012, antara lain, disebabkan oleh pertambahan minat dalam kalangan rakyat terhadap produk kraf yang baharu. Peningkatan ini telah menyumbang kepada pencapaian indeks bilangan pengunjung Kompleks Kraf sebanyak 7.1 mata pada tahun 2012.

Istana Budaya merupakan tempat pementasan untuk persembahan teater, tarian dan musik serta menyediakan latihan kepada bakat muda. Bilangan pengunjung Istana Budaya pula meningkat daripada 4 orang bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2000 kepada 5 orang pada tahun 2012. Peningkatan ini menyumbang kepada pencapaian indeks bilangan pengunjung Istana Budaya sebanyak 9.1 mata.

Indeks Komponen Kesihatan

Kesihatan rakyat adalah penting dalam mencapai objektif pembangunan ekonomi dan sosial negara. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan kesihatan sebagai "satu keadaan yang sempurna dalam aspek fizikal, mental dan kesejahteraan sosial dan bukan sekadar bebas daripada penyakit atau kerengsaan".


Kualiti kesihatan diukur melalui indeks komponen kesihatan yang terdiri daripada dua sub-komponen iaitu tahap kesihatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Empat indikator sub-komponen tahap kesihatan adalah jangkaan hayat ketika lahir, kadar kematian bayi, kadar kematian ibu bersalin dan bilangan kes penyakit tidak berjangkit (NCD). Tiga indikator sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah bilangan katil di hospital, nisbah doktor kepada penduduk dan tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar.

Dalam tempoh 2000-2012, status kesihatan rakyat Malaysia yang diukur melalui indeks komponen kesihatan meningkat 14.1 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.13*.

Indeks sub-komponen tahap kesihatan meningkat 9.8 mata manakala sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan meningkat 18.4 mata. Peningkatan ini hasil daripada sokongan Kerajaan yang berterusan bagi sektor kesihatan terutamanya dalam menggalakkan gaya hidup sihat dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan penyakit serta menyediakan perkhidmatan yang berkesan.



Rajah 3.13 Indeks Komponen Kesihatan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Tahap kesihatan	9.8
Jangkaan hayat ketika lahir	47.0
Kadar kematian ibu bersalin	15.1
Kadar kematian bayi	-3.4
Bilangan kes penyakit tidak berjangkit	-19.4
Sub-komponen: Perkhidmatan penjagaan kesihatan	18.4
Tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar	39.7
Nisbah doktor kepada penduduk	32.9
Bilangan katil di hospital	-17.5

Indeks jangkaan hayat ketika lahir meningkat sebanyak 47.0 mata dalam tempoh 2000-2012. Jangkaan hayat ketika lahir rakyat Malaysia adalah 74.6 tahun pada 2012 berbanding 72.2 tahun pada 2000 seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.14*. Peningkatan jangka hayat ini disumbangkan oleh akses yang lebih baik kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, antara lain melalui penyediaan liputan imunisasi dan pelaksanaan program nutrisi yang menyeluruh dan peningkatan kesedaran penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat.



Rajah 3.14 Indikator Kesihatan



Dalam tempoh 2000-2012, indeks kadar kematian bayi di Malaysia berkurang sebanyak 3.4 mata berikutan berlaku sedikit peningkatan dalam kadar kematian bayi iaitu 6.5 pada tahun 2000 kepada 6.6 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.14*. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pertambahan jumlah kematian yang boleh dielakkan seperti kemalangan di rumah dan jalan raya. Walau bagaimanapun, kadar kematian bayi di Malaysia pada tahun 2012 ini adalah lebih rendah daripada negara-negara di Asia Tenggara kecuali Singapura, malah setara dengan kadar kematian bayi di negara berpendapatan tinggi⁸. Bagi mengurangkan lagi kadar kematian bayi, penyediaan akses kepada perkhidmatan penjagaan awal yang lebih baik, perluasan liputan imunisasi dan bilangan doktor, jururawat dan bidan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan kanak-kanak akan terus dipertingkatkan.

Indeks kadar kematian ibu bersalin meningkat sebanyak 15.1 mata berikutan pengurangan kadar kematian ibu bersalin bagi setiap 100,000 kelahiran hidup daripada 30.6 pada 2000 kepada 25.8 pada 2012. Pencapaian ini adalah hasil daripada inisiatif Kerajaan untuk menambah baik tahap kesihatan ibu mengandung, terutama pengesanan awal wanita mengandung yang berisiko tinggi, penyediaan pendidikan kesihatan dan pelaksanaan perancangan keluarga yang berkesan. Walau bagaimanapun, bagi mencapai sasaran 11 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup menjelang tahun 2015⁹, usaha yang lebih bersepadu perlu dilaksanakan.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks bilangan kes penyakit tidak berjangkit berkurang sebanyak 19.4 mata. Bilangan kes penyakit tidak berjangkit¹⁰ bagi setiap 1,000 penduduk meningkat daripada 7.2 kes pada 2000 kepada 8.4 kes pada 2012. Bilangan penyakit tidak berjangkit yang tinggi disebabkan oleh gaya hidup dan diet yang tidak sihat serta pengambilan tembakau dan alkohol. Pada tahun



2010, Malaysia mencatat peratusan penduduk yang mempunyai kandungan gula yang tinggi dalam darah, berat badan berlebihan dan obesiti yang paling tinggi di Asia Tenggara¹¹. Pada tahun 2011, terdapat 17,902 kematian atau 37.8 peratus daripada jumlah kematian adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit. Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit 2010-2014 telah digubal bagi mengukuhkan program pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit di seluruh negara.

Indeks nisbah doktor kepada penduduk Malaysia meningkat sebanyak 32.9 mata. Nisbah ini bertambah baik, iaitu seorang doktor bagi setiap 758 orang penduduk pada tahun 2012 berbanding dengan 1,504 orang penduduk pada tahun 2000. Nisbah ini dijangka semakin baik menjelang tahun 2015, iaitu seorang doktor bagi setiap 600 orang penduduk. Pada tahun 2010, nisbah doktor kepada penduduk di negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom adalah kecil, iaitu satu nisbah kurang daripada 400.

Indeks tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar meningkat sebanyak 39.7 mata. Purata waktu menunggu di hospital Kerajaan telah berkurang daripada 108 minit pada tahun 2000 kepada 34 minit pada tahun 2012. Waktu menunggu yang lebih singkat menunjukkan peningkatan kecekapan pengurusan pesakit luar dan sumber di hospital Kerajaan.

⁸ World Health Statistics 2013

⁹ Millennium Development Goals

¹⁰ Bilangan kes yang didiscaj di 140 hospital awam

¹¹ WHO Global Status Report on Non-Communicable Diseases 2010

Indeks bilangan katil di hospital berkurang 17.5 mata. Sejak tahun 2002, bilangan katil di hospital bagi setiap 1,000 orang penduduk di Malaysia adalah 1.9 buah. Pada tahun 2012, daripada 56,000 buah katil di hospital, 75 peratus daripadanya adalah di hospital Kerajaan. Dalam kalangan negara Asia Tenggara, Brunei dan Singapura mempunyai bilangan katil tertinggi iaitu 2.7 bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2010. Dalam tempoh 2000-2012, peningkatan indeks komponen kesihatan menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem kesihatan di Malaysia dalam menyediakan peningkatan akses dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat.



KOTAK 3.5 PENYAKIT YANG BERKAITAN DENGAN GAYA HIDUP

Status kesihatan di Malaysia telah mengalami penambahbaikan yang ketara seperti ditunjukkan oleh jangkaan hayat ketika lahir yang lebih tinggi, kadar penyakit boleh cegah yang lebih rendah dan kadar kematian yang berkurangan. Walau bagaimanapun, tekanan hidup masa kini, tabiat pemakanan yang tidak baik, kekurangan tidur, penggunaan tembakau, pengambilan alkohol dan tidak melakukan senaman yang mencukupi, telah menjejaskan kesihatan rakyat dan meningkatkan penyakit berkaitan gaya hidup.

Penyakit berkaitan gaya hidup, antara lain tekanan darah tinggi, diabetes jenis 2, aterosklerosis (pengerasan arteri), sakit jantung, strok dan penyakit mental. Penyakit ini boleh menyebabkan hilang upaya, meningkatkan kebergantungan dan kematian pra-matang.

Berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional (NHMS) 2011, Malaysia dilaporkan mempunyai penghidap penyakit kronik yang tinggi terutamanya diabetes jenis 2, kolesterol tinggi dan tekanan darah tinggi. Pada tahun 2010, lebih kurang 40 peratus kematian di Malaysia disebabkan oleh penyakit kronik berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat. Kajian ini juga menunjukkan penghidap diabetes di Malaysia meningkat dengan ketara daripada 1.4 juta pada tahun 2006 kepada 1.8 juta pada tahun 2010. Menjelang tahun 2030, penghidap diabetes di Malaysia dijangka meningkat kepada 2.5 juta. Penyakit

ini menyebabkan hampir 24,000 kematian pada 2010. Selain itu, kajian menunjukkan seramai 2.6 juta orang dewasa adalah obes dan hampir setengah juta daripada penduduk berumur di bawah 18 tahun mempunyai berat badan yang berlebihan. Penemuan kajian juga mendapati trend obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah membimbangkan. Seramai lebih kurang 5.8 juta rakyat Malaysia juga dilaporkan mengalami tekanan darah tinggi dan 6.2 juta mempunyai kolesterol tinggi.

Kira-kira 11 peratus rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 60 tahun menderita pelbagai jenis penyakit mental termasuk tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Antara penyebab utama penyakit mental di Malaysia ialah masalah kewangan dan beban kerja. Data *National Suicide Registry* menunjukkan kes membunuh diri meningkat daripada 113 kes pada tahun 2007 kepada 425 kes pada tahun 2010.

Kerajaan menyedari pengurusan penyakit berkaitan gaya hidup mempunyai cabaran yang besar. Oleh itu, Kerajaan sedang melaksanakan usaha ke arah meningkatkan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan orang awam tentang kepentingan kesihatan dan amalan gaya hidup sihat.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Indeks Komponen Alam Sekitar


Peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat yang berterusan bukan sahaja bergantung kepada kepesatan pembangunan ekonomi, tetapi juga tahap pemuliharaan alam sekitar secara mampan.

Indeks komponen alam sekitar meningkat 7.3 berikutan prestasi baik daripada indikator alam sekitar, iaitu kualiti air, kualiti udara, peratusan kawasan berhutan dan purata suhu maksimum, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.15*.

Walau bagaimanapun, peningkatan kuantiti sisa berjadual menjejaskan indeks komponen alam sekitar.



Rajah 3.15 Indeks Komponen Alam Sekitar



Dalam tempoh 2000-2012, indeks kualiti air meningkat 43.4 mata. Peratusan sungai dipantau yang mencatat air bersih¹² meningkat daripada 28.3 peratus pada tahun 2000 kepada 58.3 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan program pencegahan pencemaran dan program promosi seperti "Kempen Cintailah Sungai Kita". Program ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kualiti air sungai tetapi juga memulihara ekosistem semulajadi dan faedahnya. Penguatkuasaan undang-undang secara tegas

dan berterusan dilaksanakan untuk mencegah pencemaran yang berpunca daripada pelepasan kumbahan, air sisa domestik, penerokaan dan kerja tanah dan aktiviti pertanian, penternakan dan perkilangan serta bahan buangan industri.

Indeks kualiti udara meningkat sebanyak 0.7 mata. Peratusan stesen yang mencatat Indeks Pencemaran Udara¹³ (IPU) kurang daripada 50 meningkat daripada 73.4 peratus pada tahun 2000 kepada 73.9 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan

¹² Indeks Kualiti Air (WQI) digunakan untuk menilai status kualiti air sungai di Malaysia. Indeks ini berfungsi sebagai asas kepada penilaian persekitaran laluan air berkaitan dengan pengkategorian beban pencemaran dan pengelasan tahap kegunaan berfaedah. Lembangan sungai yang dikawal adalah dikelaskan kepada tiga kategori iaitu bersih, sederhana tercemar dan tercemar.


¹³ Indikator data IPU diubah dan indeks pencemaran udara menjadi mudah difahami oleh orang awam. Tahap pencemaran udara ditentukan berdasarkan kepada teknik ukuran kualiti udara persekitaran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan dinyatakan dalam julat nombor dan warna untuk menggambarkan keadaan kualiti udara setiap hari untuk kawasan di seluruh Malaysia iaitu hijau (0-50) bermaksud baik; kuning (51-100): sederhana; jingga (101-200): tidak sihat; merah (201-300): sangat tidak sihat; dan merah gelap (>300): berbahaya.

dalam *Rajah 3.16*. Peningkatan kualiti udara ini disebabkan oleh penguatkuasaan yang berterusan, pembinaan sistem pemantauan kualiti udara yang berkesan dan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan udara bersih. Selain pencemaran daripada sumber domestik, masalah jerebu yang merentas sempadan turut menjejaskan kualiti udara.

Indeks peratusan kawasan berhutan meningkat sebanyak 4.0 mata. Kawasan berhutan meningkat daripada 56.4 peratus pada tahun 2000 kepada 57.2 peratus pada tahun 2012.

Kerajaan komited untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan negara adalah kawasan berhutan untuk manfaat generasi masa depan. Sehubungan ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pelaksanaan kempen "Penanaman 26 Juta Pokok" serta pewujudan *Central Forest Spine* bagi menghasilkan rangkaian ekologi yang menghubungkan empat kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia dan *Heart of Borneo* untuk mengurus dan memulihara tanah tinggi merentas Borneo.

Rajah 3.16 Indikator Alam Sekitar



Indeks kuantiti sisa berjadual berkurang sebanyak 22.6 mata. Kuantiti sisa berjadual¹⁴ meningkat daripada 0.01 tan per kapita pada tahun 2000 kepada 0.06 tan per kapita pada tahun 2012. Kempen bagi meningkatkan kesedaran terhadap penghasilan, rawatan dan pelupusan sisa buangan melalui kaedah yang mesra alam dengan menggunakan teknologi terbaik akan terus dilaksanakan.

Pada masa yang sama, pelbagai usaha untuk terus menggalakkan penggunaan sisa buangan sebagai sumber dan amalan "kurang, guna semula dan kitar semula" (3R) sedang dilaksanakan melalui dasar,

undang-undang dan penyediaan infrastruktur yang diperlukan. Strategi untuk membudayakan penggunaan dan pengeluaran yang mampan juga sedang dibangunkan untuk menjayakan usaha ini.

Dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat, ketiga-tiga tonggak pembangunan mampan, iaitu pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan pemuliharaan alam sekitar perlu diberi penekanan yang seimbang. Oleh itu, langkah untuk meningkatkan daya saing negara di samping usaha mengekalkan alam sekitar dan sumber semulajadi akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.



¹⁴ Kuantiti sisa berjadual merujuk kepada sisa buangan disenarai di First Schedule Environmental Quality Regulation (Scheduled Waste) 2005. Ia juga merujuk kepada sisa toksik dan bahan-bahan berbahaya yang dihasilkan industri, pertanian, bengkel, sisa buangan kontraktor berjadual, aktiviti domestik dan sisa buangan klinikal dari hospital

KOTAK 3.6 PELAKSANAAN PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MAMPAN (SCP) DI MALAYSIA

Malaysia menerajui konsep penggunaan dan pengeluaran secara mampan (Sustainable Consumption and Production - SCP) selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi pemimpin global dalam revolusi hijau dan pada masa yang sama mematuhi Agenda 21 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menetapkan langkah strategik ke arah menggalakkan pembangunan mampan. SCP bertujuan memperoleh manfaat yang "lebih banyak dan lebih baik" melalui pengurangan penggunaan sumber, kerosakan dan pencemaran di sepanjang kitaran hayat barang dan perkhidmatan.

Pelaksanaan SCP memerlukan perubahan besar dalam sikap pengguna dan pengeluar, iaitu menerima dan mengguna pakai amalan lestari. Negara bukan sahaja perlu menumpukan usaha kepada mencapai matlamat penggunaan sumber yang cekap, pengurangan pencemaran dan meminimumkan kemerosotan, tetapi juga memastikan keperluan asas pengguna dipenuhi.

Langkah yang telah diambil bagi menggalakkan SCP adalah seperti berikut:

i. Menggalakkan pengeluaran dan penggunaan teknologi yang lebih mesra alam

- Pangkalan Data Inventori Kitaran Hidup Kebangsaan sedang dibangunkan untuk membantu industri utama membangunkan Pendekatan Kitaran Hidup dalam proses pembuatan dan produk seperti aktiviti penjanaan elektrik, bekalan air, penerokaan dan pengeluaran petroleum dan gas asli serta petrokimia; dan
- Pengauditan terhadap pengeluaran yang lebih mesra alam dan kecekapan tenaga telah dilaksanakan di seluruh negara. Pengauditan ini dijalankan ke atas sebahagian besar perusahaan kecil dan sederhana untuk membina model loji pengeluaran yang lebih mesra alam di setiap negeri. Model ini khusus untuk industri makanan dan minuman dengan memberi tumpuan kepada penjimatan sumber dan input dan mengurangkan pencemaran di peringkat sumber.

ii. Memulihara dan menggunakan sumber hutan dan biodiversiti secara mampan

- Malaysia merupakan antara negara yang pertama membangunkan amalan pengurusan hutan yang

menyeluruh bagi memastikan hasil daripada sumber hutan diperoleh secara berterusan dan mampan di samping melindungi persekitaran biodiversiti; dan

- Kriteria dan Indikator Malaysia (MC & I) telah dibangunkan bagi memastikan produk kayu yang dihasilkan adalah diperoleh daripada hutan yang diurus secara mampan dan mematuhi keperluan pengguna.

iii. Menggalakkan amalan pertanian secara mampan

- Persidangan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan (Roundtable on Sustainable Palm Oil - RSPO) telah diwujudkan oleh pihak industri sebagai platform kepada penanam kelapa sawit untuk mengenal pasti dan menerima pakai amalan terbaik penanaman kelapa sawit; dan
- Skim akreditasi pertanian diperkenalkan untuk memastikan petani atau peladang mengguna pakai teknik pertanian yang baik seperti mengurangkan penggunaan bahan kimia dan bahan berbahaya.

iv. Mengukuhkan Dasar SCP dan rangka kerja institusi

- Rangka Kerja Dasar SCP Kebangsaan, 2012-2016 sedang digubal bagi menyelaraskan dan membolehkan pelaksanaan SCP di Malaysia.

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Indeks Komponen Keluarga


Keluarga merupakan unit asas sosial yang membentuk masyarakat yang kukuh dan negara yang berdaya tahan. Kesejahteraan keluarga boleh diukur berdasarkan keupayaan memenuhi melalui keperluan sosial, emosi dan kewangan keluarga.

Dua sub-komponen digunakan untuk mengukur kesejahteraan keluarga, iaitu institusi keluarga dan kedudukan kewangan keluarga. Tiga indikator sub-komponen institusi keluarga adalah kadar perceraian, kes keganasan rumahtangga dan jenayah juvana. Tiga indikator untuk sub-komponen kedudukan kewangan keluarga adalah pendapatan

bulanan purata isi rumah, hutang isi rumah per kapita dan nisbah tanggungan.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen keluarga hanya meningkat 4.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.17*. Indeks sub-komponen kedudukan kewangan keluarga meningkat 15.2 mata berikutan peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah dan nisbah tanggungan. Walau bagaimanapun, indeks sub-komponen institusi keluarga berkurang sebanyak 6.1 mata disebabkan peningkatan dalam kadar perceraian dan jenayah juvana.

Rajah 3.17 Indeks Komponen Keluarga




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Institusi	-6.1
Kes keganasan rumahtangga	34.0
Nisbah perceraian	-21.9
Jenayah juvana	-30.1
Sub-komponen: Kedudukan kewangan	15.2
Purata pendapatan isi rumah sebulan	40.3
Nisbah tanggungan	35.5
Hutang isi rumah per kapita	-30.1

Indeks kadar perceraian merosot sebanyak 21.9 mata. Kadar perceraian dalam kalangan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas meningkat daripada 0.11 peratus pada tahun 2000 kepada 0.18 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.18*. Kurang pemahaman terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri, campur

tangan pihak ketiga dan faktor ekonomi merupakan antara penyebab kepada peningkatan kadar perceraian. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan bagi memperkuatkan institusi keluarga seperti program pra-perkahwinan SMART START, Keluarga@Kerja dan modul Kukuh Akhlak Sihat Ilmu Harmoni (KASIH).

Rajah 3.18 Indikator Keluarga



 Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

Indeks kes keganasan rumahtangga meningkat 34.0 mata berikutan pengurangan kes keganasan rumahtangga bagi setiap 100,000 penduduk daripada 19 kes pada tahun 2000 kepada 12 kes pada tahun 2012. Pengurangan ini hasil daripada pindaan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 serta inisiatif termasuk pewujudan Talian NUR 15999 bagi memudahkan aduan dan pertanyaan, pelaksanaan program pengurusan konflik dan tekanan serta penyediaan khidmat kaunseling.

Indeks jenayah juvana berkurang 30.1 mata disebabkan oleh peningkatan kes jenayah juvana dalam kalangan penduduk berumur 10 hingga 18 tahun, iaitu daripada 0.09 peratus pada 2000 kepada 0.16 peratus pada 2012. Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Keempat (Ke-4) oleh LPPKN, kurang bimbingan dan perhatian ibu bapa serta keruntuhan institusi keluarga merupakan punca utama peningkatan jenayah juvana. Selain itu, peningkatan ini disebabkan oleh faktor seperti pengaruh rakan sebaya, elemen keganasan yang dipaparkan dalam media dan amalan gaya hidup mewah, serta kurang kemahiran mengurus kemarahan dan tekanan. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan untuk membendung jenayah juvana seperti Sekolah Angkat Polis DiRaja Malaysia dan Sekolah Selamat. Program ini bertujuan mendidik pelajar agar tidak terlibat dalam kegiatan jenayah serta meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan pelajar.

Indeks pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat 40.3 mata berikutan peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah hampir sekali ganda, iaitu daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM5,000 pada tahun 2012. Dalam tempoh ini, pendapatan isi rumah meningkat pada kadar 5.5 peratus setahun lebih tinggi daripada kadar inflasi 2.2 peratus, menggambarkan kuasa beli isi rumah yang lebih tinggi. Dalam tempoh yang sama, pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.7 peratus setahun telah mewujudkan lebih banyak

peluang pekerjaan. Di samping itu, pencapaian akademik yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja membolehkan mereka mendapat upah yang lebih tinggi dan secara langsung meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah.


Indeks hutang isi rumah per kapita berkurang 30.1 mata. Jumlah hutang isi rumah per kapita meningkat daripada RM7,035 pada tahun 2000 kepada RM25,731 pada tahun 2012, iaitu sebanyak 11.4 peratus setahun disebabkan peningkatan pinjaman untuk membeli rumah dan kereta. Jumlah pinjaman ini merupakan hampir 60 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang isi rumah pada tahun 2012. Oleh itu, bagi membendung peningkatan hutang isi rumah yang berterusan, beberapa langkah telah diambil termasuk memperketat prosedur pinjaman dengan memendekkan tempoh pinjaman peribadi dan pembelian hartanah. Selain itu, garis panduan baharu kad kredit telah diperkenalkan bagi membolehkan pengurusan kewangan dan hutang yang berhemah dalam kalangan pengguna kad kredit.

Indeks nisbah tanggungan pula meningkat 35.5 mata. Nisbah tanggungan¹⁵ berkurangan daripada 61 orang pada tahun 2000 kepada 46 orang bagi setiap 100 penduduk umur bekerja pada tahun 2012. Pengurangan ini disebabkan oleh pertambahan bilangan penduduk umur bekerja, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.19*. Ini menunjukkan bilangan tanggungan oleh isi rumah semakin berkurangan yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan keluarga.



¹⁵ Nisbah tanggungan merujuk kepada peratus bilangan penduduk berumur 15 tahun dan ke bawah dan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas kepada jumlah penduduk umur bekerja (15 hingga 64)

Rajah 3.19 Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur



Pencapaian indeks komponen keluarga yang rendah ini menjelaskan bahawa tumpuan yang lebih besar perlu diberikan bagi menangani isu-isu yang boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga. Bagi tujuan ini, pelaksanaan strategi khusus berdasarkan kumpulan sasaran perlu dipergiat untuk memperkukuh lagi institusi keluarga.



KOTAK 3.7 INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2011

Institusi keluarga yang kukuh dan mampu menghadapi cabaran kehidupan masa kini merupakan aspek penting dalam mewujudkan masyarakat yang progresif dan inklusif di Malaysia. Banyak contoh yang menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi bukan sahaja memberi kebaikan, malah boleh mengakibatkan kemudaratan terhadap institusi keluarga. Banyak negara maju telah mengalami kemerosotan dalam aspek institusi keluarga akibat daripada tumpuan terhadap pencapaian pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Pada hakikatnya, institusi keluarga mempunyai peranan yang penting dalam meningkatkan keupayaan sesebuah negara untuk memanfaatkan peluang serta menghadapi cabaran perubahan ekonomi semasa.

Malaysia telah melalui proses pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang sama sepertimana kebanyakan negara lain. Proses ini telah mewujudkan pelbagai cabaran kepada institusi keluarga yang menjejaskan peranan penting institusi ini dalam membentuk masyarakat yang progresif dan inklusif. Oleh itu, menilai status semasa kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah penting bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan usaha membendung kemerosotan yang lebih besar pada masa hadapan. Bagi tujuan ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Memandangkan kesejahteraan keluarga merupakan satu konsep yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan individu dan keluarga, maka IKK dibangunkan berasas kepada tujuh domain, iaitu Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi

Keluarga, Keluarga dan Agama/Kerohanian, Keluarga dan Komuniti, Keselamatan Keluarga, Kesihatan Keluarga serta Keluarga dan Persekitaran. Bagi memperoleh data yang bersesuaian untuk pembangunan IKK, satu kajian khusus telah dilaksanakan yang melibatkan 5,616 responden daripada 2,808 isi rumah yang terdiri daripada 1,484 bapa, 1,324 ibu serta 2,808 kanak-kanak dan belia yang berumur antara 13 hingga 24 tahun.

Secara keseluruhannya, IKK 2011 mencatat 7.6 mata daripada skor maksimum 10 mata, menunjukkan bahawa keluarga di Malaysia mempunyai kadar kesejahteraan keluarga yang tinggi. Daripada tujuh domain tersebut, domain Keluarga dan Agama/Kerohanian mencatat skor yang tertinggi, diikuti oleh domain Keluarga dan Komuniti dan Hubungan Kekeluargaan, Keselamatan Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keluarga dan Persekitaran serta Ekonomi Keluarga, seperti ditunjukkan dalam *Jadual B3.2*. Bagi indikator pula, Peranan Agama mencatat skor tertinggi diikuti oleh Hubungan Suami/Isteri dan Fungsi Keluarga. Indikator yang mencatat skor terendah adalah Tabungan Masa Depan di bawah domain Ekonomi Keluarga.

Kajian ini juga menilai persepsi terhadap tahap kesejahteraan keluarga lima tahun akan datang. Hasil penemuan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga akan meningkat daripada 7.8 mata kepada 8.9 mata dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini menunjukkan keyakinan keluarga di Malaysia bahawa tahap kesejahteraan keluarga mereka akan berada dalam keadaan yang lebih baik pada masa hadapan.

Jadual B3.2 Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011: Skor bagi Domain dan Indikator

No	Komponen	Indikator	Skor
1	HUBUNGAN KEKELUARGAAN		7.80
		Hubungan suami / isteri	8.46
		Fungsi keluarga	8.44
		Daya tahan keluarga	8.05
		Penglibatan ibu bapa	7.89
		Masa bersama keluarga	7.35
		Imbangan kerja dan keluarga	6.71
2	EKONOMI KELUARGA		6.90
		Taraf hidup keluarga	7.61
		Situasi ekonomi keluarga	7.54
		Tiada beban hutang	6.31
		Tabungan masa depan	6.14
3	KESIHATAN KELUARGA		7.38
		Tahap kesihatan keluarga	7.93
		Pengurusan stress	7.23
		Amalan kesihatan keluarga	6.98
4	KESELAMATAN KELUARGA		7.39
		Rasa selamat dalam rumah	8.07
		Keselamatan keluarga	7.39
		Pengetahuan kecemasan	6.71
5	KELUARGA DAN KOMUNITI		7.80
		Hubungan dengan komuniti	8.00
		Kerjasama dalam komuniti	7.75
		Penglibatan dalam komuniti	7.75
6	KELUARGA DAN AGAMA/KEROHANIAN		8.28
		Peranan agama	8.50
		Amalan kerohanian	8.00
7	KELUARGA DAN PERSEKITARAN		7.28
		Kemudahan asas	7.53
		Tahap pencemaran	7.02
Indeks Kesejahteraan Keluarga			7.55

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



1. PENGENALAN

Pendahuluan

Dalam tempoh empat dekad yang lalu, Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosio-ekonomi yang memberangsangkan. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) telah dibangunkan pada tahun 1999 bagi membolehkan kemajuan negara diukur melangkaui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). IKHM mengalami beberapa perubahan iaitu berkembang daripada 10 komponen dan 38 indikator kepada 11 komponen dan 45 indikator untuk memberi gambaran kehidupan sosio-ekonomi masyarakat pelbagai etnik dan kualiti hidup yang lebih tepat.

Selaras dengan kemajuan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, indikator IKHM perlu diperkukuhkan supaya skopnya lebih menyeluruh. Oleh itu, IKHM telah dimantapkan dan dibangunkan sebagai Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). IKRM telah dibangunkan berdasarkan

indeks dan indikator domestik serta yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di samping itu, IKRM mengambil kira status Malaysia sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi dan mempunyai keunikan masyarakat berbilang kaum. Penilaian secara berkala kemajuan sosial, alam sekitar dan ekonomi negara akan dibuat melalui IKRM untuk membantu pengubalan dan pelaksanaan dasar pembangunan sosio-ekonomi.

Laporan ini dibahagikan kepada empat bab. Bab 1 membincangkan struktur Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (LKRM) dan prestasi keseluruhan IKRM. Bab 2 dan Bab 3 adalah untuk memperinci dan melaporkan prestasi indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial serta komponennya. Bab 4 pula membincangkan keputusan analisis hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan.


Struktur Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013

Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 menganalisis keberkesanan pelbagai dasar pembangunan sosio-ekonomi Kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. Analisis ini dapat dicapai dengan membangun IKRM serta menilai hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan rakyat di peringkat komposit dan komponen. Analisis ini juga memberi pemahaman yang lebih baik mengenai tahap

kesejahteraan hasil daripada perubahan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Rangka Kerja Kesejahteraan Malaysia ditunjukkan dalam *Rajah 1.1*.

Di samping itu, beberapa kotak artikel mengenai topik yang berkaitan telah dimasukkan dalam laporan ini. Tujuan artikel ini adalah untuk memberi maklumat tambahan yang berkaitan dengan prestasi komponen dan indikator.

Rajah 1.1 Rangka Kerja Kesejahteraan Malaysia



Dua langkah utama diguna pakai dalam membuat penilaian kesejahteraan rakyat. **Langkah pertama** ialah pemilihan indikator kesejahteraan dan pembangunan IKRM 2012 yang merangkumi pendefinisan kesejahteraan dan pemilihan komponen dan indikator melalui kaedah kuantitatif yang rapi. Tidak ada definisi kesejahteraan yang tepat dalam literatur sedia ada. Walau bagaimanapun, dalam konteks IKRM, "kesejahteraan" merujuk kepada pelbagai manfaat yang diperoleh dan dinikmati secara langsung atau tidak langsung serta menyumbang kepada kepuasan hidup individu, keluarga dan masyarakat. Manfaat ini yang meliputi aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai dasar, strategi dan program pembangunan sosio-ekonomi.

Komponen dan indikator dipilih berdasarkan amalan terbaik antarabangsa serta isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh rakyat. Antara isu yang dikenal pasti termasuk yang berkaitan dengan kualiti pendidikan, infrastruktur, perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan tahap kesihatan

serta ketersediaan perumahan mampu milik. Setelah indikator disusun mengikut komponen, kesesuaian indikator di bawah setiap komponen tersebut diuji secara statistik menggunakan analisis faktor¹. Secara amnya, analisis faktor adalah untuk menentukan corak taburan data (pembolehubah *observed*) dan mengenal pasti komponen (pembolehubah *unobserved*). Pembolehubah *unobserved* adalah komponen yang tidak boleh diukur secara langsung seperti pendidikan atau keluarga, manakala pembolehubah *observed* adalah prestasi pelajar atau kes perceraian.

IKRM dibangunkan sebagai indeks komposit yang terdiri daripada indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1.2*. Ini adalah untuk membezakan pencapaian kesejahteraan dari perspektif ekonomi dan sosial kerana keduanya memberi kesan kesejahteraan yang berbeza. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen, iaitu komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan, pengangkutan dan persekitaran


¹ Rujuk kepada Nota Teknikal 1 bagi metodologi terperinci pembangunan IKRM

kerja. Komponen pendidikan dibahagikan kepada sub-komponen kesaksamaan dan kualiti. Sub-komposit kesejahteraan sosial terdiri daripada sembilan komponen, iaitu kebudayaan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, liburan, keselamatan awam dan penyertaan sosial. Komponen keluarga dibahagikan kepada sub-komponen institusi keluarga dan kedudukan kewangan manakala komponen kesihatan terdiri daripada sub-komponen tahap kesihatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Pembahagian

komponen kepada sub-komponen adalah untuk membeza prestasi komponen dari perspektif output dan *outcome*. Walau bagaimanapun, hanya tiga komponen sahaja dapat dibahagikan kepada sub-komponen kerana kekangan data. IKRM 2012 ini dibangunkan berasaskan 68 indikator terpilih.

Metodologi terperinci untuk membangunkan indeks komposit serta penjelasan mengenai indeks komponen dan indikator dijelaskan dalam *Lampiran I: Nota Teknikal*.

Rajah 1.2 Komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2012



Langkah kedua dalam menganalisis kesejahteraan adalah mengkaji hubung kait antara pertumbuhan ekonomi yang diukur berdasarkan KDNK dan kesejahteraan yang diukur melalui IKRM. Analisis ini melibatkan pengujian hubung kait antara indeks komposit, indeks sub-komposit dan indeks komponen IKRM dengan pertumbuhan ekonomi serta keanjalannya dengan perubahan KDNK. Pengujian ini dijalankan selaras dengan penemuan literatur yang mengesahkan saling hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan (Stiglitz, 2012). Walau bagaimanapun, analisis dalam laporan IKRM ini hanya tertumpu kepada pengujian kesan pertumbuhan ekonomi kepada kesejahteraan. Pendekatan yang sama digunakan oleh Boston Consulting Group (2012) dalam mengkaji keupayaan sesebuah negara menggunakan kekayaan bagi menjana kesejahteraan.

Hubung kait dan keanjalan antara indeks komposit, indeks sub-komposit dan indeks komponen IKRM dengan KDNK dinilai menerusi ujian koefisien korelasi dan keanjalan. Ujian korelasi digunakan untuk menentukan magnitud hubung kait antara indeks tersebut dan KDNK. Pada asasnya, koefisien korelasi mengukur kewujudan dan arah hubung kait sama ada positif atau negatif, dan tahap linear antara dua pembolehubah. Korelasi sifar menunjukkan tidak wujud hubung kait linear antara dua pembolehubah. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna tidak ada hubung kait antara dua pembolehubah berkenaan, malah hubung kaitnya mungkin kuat tetapi bukan dalam bentuk linear.


Seterusnya, keanjalan IKRM, indeks komposit, indeks sub-komposit dan indeks komponen IKRM dengan KDNK dinilai untuk menentukan keupayaan KDNK menjana kesejahteraan. Secara ringkas, koefisien keanjalan mengukur tahap kepekaan IKRM dan indeks berkenaan terhadap perubahan KDNK.

KOTAK 1.1 ANTARA MUKA BAGI PENGUKURAN KESEJAHTERAAN

Pengukuran kesejahteraan dibuat dengan menggunakan beberapa pendekatan berdasarkan bidang tumpuan. Secara amnya, skop indeks yang dibangunkan di bawah setiap pengukuran terdiri daripada tiga antara muka, seperti ditunjukkan dalam *Rajah B1.1*. Antara muka pertama adalah di peringkat individu. Contohnya, pengukuran kemiskinan daripada kajian bertajuk “*Voices of the Poor*” (Narayan-Parker & Patel, 2000). Pengukuran kesejahteraan yang dibangunkan berdasarkan perspektif peribadi boleh berbentuk sama ada subjektif/persepsi

atau objektif. Antara muka kedua adalah berdasarkan kumpulan sosial. Kebanyakan kajian di Kesatuan Eropah mengenai ketidakterangkuman sosial, menggunakan pendekatan antara muka kedua (Atkinson, Cantillon, Marlier, & Nolan, 2005). Pembahagian kumpulan sosial boleh berdasarkan jantina, etnik, kumpulan umur dan jenis pekerjaan. Kategori antara muka ketiga adalah berkaitan prestasi sesebuah negara berbanding negara lain.

Rajah B1.1 Pengukuran Kesejahteraan Antara Muka



Human Development Index (HDI) yang dibangunkan oleh *United Nations Development Programmes* (UNDP) pertama kali diterbitkan dalam *Human Development Report* (HDR) UNDP tahun 1990. Indeks ini membandingkan tahap kesejahteraan negara di peringkat antara muka ketiga dengan mengukur tiga aspek asas pembangunan insan iaitu jangkaan hayat ketika lahir dan hidup sihat, akses kepada pendidikan dan taraf hidup. Pada tahun 2012, berdasarkan kepada HDI 186 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia berada di kedudukan ke-64.

Quality of Life Index (QOL) telah dibangunkan oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) dan mengukur aspek objektif dan subjektif kualiti hidup bagi 111 negara. Indeks ini telah diterbitkan sekali, iaitu pada tahun 2005

dan Malaysia berada di kedudukan ke-36. QOL diukur melalui penyiasatan kepuasan hidup bagi sembilan faktor kualiti hidup iaitu kekayaan material, kesihatan, kestabilan politik dan keselamatan, kehidupan keluarga, kehidupan masyarakat, iklim dan geografi, keselamatan kerja, kebebasan politik dan kesaksamaan gender.

Gross National Happiness Index of Bhutan untuk mengukur kebahagiaan penduduk secara keseluruhan juga merupakan pengukuran kesejahteraan yang sering dijadikan contoh. Indeks ini menggunakan sembilan domain iaitu kesejahteraan psikologi, penggunaan masa, kehidupan bermasyarakat, kebudayaan, kesihatan, pendidikan, kepelbagaian alam sekitar, taraf hidup dan tadbir urus.

Laporan *Commission on the Measurement of Economic Performance and Social Progress (Commission on the Measurement of Economic, Social, Stiglitz, Sen, & Fitoussi, 2009)* bagi negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) mencadangkan supaya pengukuran kemajuan dan pembangunan ekonomi bukan sahaja mengambil kira aspek pengeluaran tetapi juga aspek kesejahteraan. Laporan ini juga mencadangkan supaya indikator yang digunakan bagi kesejahteraan material beralih daripada pengeluaran kepada pendapatan dan penggunaan. Indikator ini

perlu menumpukan kepada perspektif isi rumah dan menggunakan pendekatan penyataimbangan (pendapatan, penggunaan dan aset). Di samping itu, laporan ini mengesyorkan supaya aspek pengagihan dinilai secara bersama dengan menggunakan pendekatan multi dimensi.


Sumber: UNDP (2013); Economist Intelligence Unit, 2005; Royal Government of Bhutan, 2010; Commission on the Measurement of Economic et al. (2009)

Prestasi Keseluruhan IKRM, 2000-2012

Prestasi IKRM 2000-2012 menunjukkan bahawa dasar dan strategi pembangunan negara telah meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh ini, IKRM meningkat 25.4 mata atau 1.9 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1.3*. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi

meningkat 33.3 mata manakala sub-komposit kesejahteraan sosial meningkat 21.0 mata. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mencatat kadar pertumbuhan 2.4 peratus setahun berbanding dengan indeks sub-komposit kesejahteraan sosial 1.6 peratus.

Rajah 1.3 Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000 - 2012



Dalam tempoh 2000 hingga 2012, semua indeks komponen IKRM meningkat. **Indeks komponen pengangkutan** dan **perumahan** mencapai peningkatan tertinggi dengan kedua-duanya mencatat 136.9 mata, diikuti oleh **komponen komunikasi** 136.2 mata dan **komponen pendidikan** 132.9 mata. **Indeks komponen keluarga** mencatat peningkatan terendah, iaitu 104.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1.1*.

Pencapaian **indeks komponen pengangkutan** yang baik ini disebabkan oleh peningkatan dalam pemilikan kereta dan motosikal persendirian dan

bilangan penumpang perkhidmatan keretapi. Peningkatan dalam **indeks komponen perumahan** pula berikutan peningkatan ketara dalam peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat dan elektrik serta pengurangan bilangan penghuni sebilik.

Pertambahan langganan talian telefon tetap dan mudah alih, dan akaun laman web berdaftar (nama domain) telah menyumbang kepada peningkatan **indeks komponen komunikasi**. Ini adalah selaras dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan pembangunan infrastruktur Internet yang telah memperluas akses kepada perkhidmatan Internet.

Jadual 1.1 Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2012

KOMPONEN	INDEKS
Kesejahteraan Ekonomi	133.3
Pengangkutan	136.9
Komunikasi	136.2
Pendidikan	132.9
Pendapatan dan Pengagihan	131.8
Persekitaran Kerja	128.6
Kesejahteraan Sosial	121.0
Perumahan	136.9
Liburan	131.4
Tadbir Urus	128.1
Keselamatan Awam	125.6
Penyertaan Sosial	120.6
Kebudayaan	120.3
Kesihatan	114.1
Alam Sekitar	107.3
Keluarga	104.6
INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA	125.4

Nota: Tahun asas 2000 = 100

Indeks komponen pendidikan juga mencatat peningkatan prestasi yang ketara. Akses lebih luas di semua peringkat pendidikan, dan peningkatan kualiti pendidikan seperti ditunjukkan oleh kadar literasi yang lebih tinggi dan pencapaian pelajar yang lebih baik dalam peperiksaan kebangsaan telah menyumbang kepada prestasi indeks.

Indeks komponen pendapatan dan pengagihan meningkat kepada 131.8 mata terutamanya disebabkan oleh peningkatan pendapatan per kapita benar dan pengurangan kadar kemiskinan. Sementara itu, nilai koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna yang lebih rendah sebanyak 0.414 pada tahun 2012 mencerminkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama.

Selaras dengan pendapatan per kapita dan pendapatan bulanan purata isi rumah yang lebih tinggi, permintaan terhadap aktiviti liburan dan pelancongan meningkat kerana lebih ramai orang berkemampuan untuk menikmati percutian dan melancong. Peningkatan bilangan pengunjung pawagam, dan taman rekreasi serta bilangan isi rumah dengan langganan televisyen berbayar adalah penyumbang utama terhadap peningkatan **indeks komponen liburan** kepada 131.4 mata pada tahun 2012.

Indeks komponen persekitaran kerja meningkat kepada 128.6 mata pada tahun 2012. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kadar kemalangan di tempat kerja yang rendah dan pengurangan bilangan pertikaian perusahaan dan purata jam bekerja. Ini mencerminkan kewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan hubungan majikan-pekerja yang lebih harmoni.

Indeks komponen tadbir urus yang digunakan untuk mengukur kecekapan sistem penyampaian juga meningkat kepada 128.1 mata. Pertambahan bilangan transaksi pembayaran elektronik yang mencerminkan keyakinan pelanggan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan indeks ini. Peratusan penyelesaian kes yang lebih tinggi oleh Biro Pengaduan Awam juga menyumbang secara positif kepada prestasi indeks.

Indeks komponen keselamatan awam telah mencatat 125.6 mata hasil daripada pengurangan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya. Prestasi positif indeks ini adalah disebabkan oleh usaha bersepadu yang diambil bagi mengurangkan kadar jenayah, terutamanya jenayah jalanan serta keadaan jalan raya yang lebih baik.

Indeks komponen penyertaan sosial menunjukkan peningkatan. Indeks ini meningkat kepada 120.6 mata pada tahun 2012. Peningkatan ketara dalam bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar dan persatuan penduduk berdaftar mencerminkan kewujudan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni. Peningkatan keahlian dalam Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan RakanCop juga menunjukkan masyarakat yang lebih peka dan bertanggungjawab dalam mewujudkan kawasan kejiranan yang lebih selamat. Walau bagaimanapun, penurunan dalam jumlah pengundi berdaftar menjejaskan sedikit prestasi keseluruhan indeks.

Indeks komponen kebudayaan meningkat kepada 120.3 mata. Ini disebabkan oleh pertambahan bilangan keahlian perpustakaan awam, dan pengunjung muzium, Kompleks Kraf serta Istana Budaya. Peningkatan dalam penghayatan seni dan kraf tradisional telah mempengaruhi prestasi indeks ini secara positif.

Indeks komponen kesihatan meningkat kepada 114.1 mata terutamanya disumbang oleh peningkatan dalam jangkaan hayat ketika lahir dan nisbah doktor kepada penduduk serta pengurangan tempoh waktu menunggu bagi pesakit luar di hospital. Nisbah doktor kepada penduduk yang lebih baik mencerminkan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti.

Indeks komponen alam sekitar meningkat kepada 107.3 mata dalam tempoh 2000 hingga 2012. Penyumbang utama adalah peningkatan dalam kualiti air dan penurunan purata suhu maksimum.

Indeks komponen keluarga meningkat kepada 104.6 mata. Peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah dan penurunan nisbah tanggungan menyumbang kepada prestasi indeks. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar perceraian dan kes jenayah juvana menjejaskan prestasi indeks ini.

IKRM mengukur kesejahteraan rakyat daripada pelbagai aspek. Indeks ini telah dibangunkan

sebagai indeks komposit yang mengandungi 14 komponen dan 68 indikator. Dalam laporan ini, prestasi IKRM disokong oleh analisis terperinci mengenai keupayaan pertumbuhan pendapatan negara menjana kesejahteraan rakyat. Secara keseluruhannya, tahap kesejahteraan rakyat telah bertambah baik berikutan hampir kesemua indeks meningkat seiring dengan pertumbuhan pendapatan negara.



2. KESEJAHTERAAN EKONOMI

Pendahuluan

Kebanyakan komponen di bawah indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mencatat peningkatan melebihi 30 mata kecuali persekitaran kerja. Komponen pengangkutan menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 36.9 mata, diikuti komunikasi 36.2 mata. Manakala komponen persekitaran kerja mencatat peningkatan terendah, iaitu 28.6 mata.

Indeks Komponen Pengangkutan


Pengangkutan merupakan faktor utama kepada keberkesanan pelaksanaan aktiviti seharian serta kegiatan ekonomi dan sosial. Semenjak dua dekad lalu, pengangkutan awam menjadi semakin penting terutama di Lembah Klang.

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks komponen pengangkutan meningkat 36.9 mata. Semua indeks indikator iaitu pemilikan kereta dan motosikal persendirian, Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI), panjang jalan per kapita dan bilangan penumpang keretapi menunjukkan peningkatan antara 35.1 hingga 39.8 mata. Indeks bilangan penumpang keretapi menunjukkan peningkatan tertinggi 39.8 mata, diikuti pemilikan kereta dan motosikal persendirian 37.5 mata dan Indeks

Pembangunan Jalan Raya 35.4 mata. Indeks panjang jalan per kapita pula mencatat peningkatan terendah, iaitu 35.1 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.1*.




Rajah 2.1 Indeks Komponen Pengangkutan



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan penumpang keretapi	39.8
Pemilikan kereta dan motosikal persendirian	37.5
Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI)	35.4
Panjang jalan per kapita	35.1

Rajah 2.2 Indikator Pengangkutan




Indeks pemilikan kereta dan motosikal persendirian berdaftar meningkat 37.5 mata pada tahun 2012. Jumlah kenderaan persendirian yang berdaftar meningkat sekali ganda daripada 9.5 juta pada tahun 2000 kepada 20.9 juta pada tahun 2012. Ini mencerminkan peningkatan tahap kemampuan rakyat Malaysia untuk memiliki kenderaan persendirian dan merupakan mod pengangkutan pilihan utama.

Program pembangunan jalan raya dilaksanakan untuk meningkatkan akses antara bandar dan memperluas rangkaian jalan raya bagi menghubungkan nod pertumbuhan baru dengan kawasan luar bandar. Selaras dengan pengembangan jalan raya ini, RDI meningkat daripada 0.75 pada tahun 2000 kepada 1.91 pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.2*. Kepadatan pembangunan lebuhraya, ditambah dengan pembinaan dan pengurusan rangkaian jalan raya utama oleh pihak swasta telah menyumbang kepada penambahbaikan kesalinghubungan jalan raya. Jumlah panjang

keseluruhan jalan raya meningkat daripada 67,591 km pada tahun 2000 kepada 182,628 km pada tahun 2012, seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 2.3*.

Peningkatan RDI dan jumlah panjang jalan raya lebih daripada 100 peratus membuktikan usaha-usaha gigih yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Projek pembinaan jalan raya baru serta menaik taraf jalan raya lama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah menyumbang kepada peningkatan jalan raya berturap sepanjang 110,000 km. Daripada jumlah ini, 15,095 km adalah pembinaan lebuhraya baru dan penyambungan lebuhraya sedia ada dan 7,345 km merupakan jalan luar bandar yang dibina di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ini telah meningkatkan akses bagi penduduk di kawasan luar bandar dan membuka peluang baru untuk rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Rajah 2.3 Panjang Jalan Berturap dan Tidak Berturap

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), projek naik taraf jalan raya dan pembinaan lebuh raya diberi keutamaan. Antaranya termasuk pembinaan tujuh lebuh raya baru di Semenanjung Malaysia sepanjang 14,000 km. Dengan mengambil kira unjuran pertumbuhan pemilikan kereta persendirian untuk tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang, rangkaian jalan raya dijangka meningkat kepada lebih 200,000 km menjelang akhir RMKe-10.

Selain pembangunan jalan raya, tumpuan juga diberi kepada perkhidmatan keretapi dan bas sebagai mod alternatif pengangkutan awam. Ini merupakan langkah strategik memandangkan lebih 70.0 peratus rakyat Malaysia menetap di kawasan bandar.

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks bilangan penumpang keretapi meningkat dengan ketara sebanyak 39.8 mata. Jumlah penumpang keretapi pula meningkat lebih sekali ganda daripada 95.9 juta pada tahun 2000 kepada 197.3 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2012, sebanyak 98.0 peratus

daripada jumlah penumpang keretapi adalah pengguna perkhidmatan keretapi dalam bandar. Sebahagian besar perkhidmatan keretapi ini adalah tertumpu di Lembah Klang. Usaha sedang giat dilaksanakan untuk memperluas perkhidmatan ini ke bandar lain. Jumlah penumpang keretapi antara bandar telah meningkat sebanyak 10.0 peratus, iaitu daripada 3.8 juta pada tahun 2000 kepada 4.2 juta pada tahun 2012.



Dalam RMKe-9, beberapa inisiatif berkaitan pengangkutan awam di bandar telah diperkenalkan, terutamanya di Lembah Klang. Pertama, penambahan kapasiti bagi perkhidmatan keretapi dalam bandar melalui peningkatan perkhidmatan komuter. Usaha ini telah meningkatkan jumlah penumpang daripada 164.5 juta pada tahun 2009 kepada 193.0 juta pada tahun 2012. Kedua, pelaksanaan Transit Bas Ekspres (BET) pada tahun 2010 telah mengurangkan separuh daripada masa perjalanan antara bandar. Ketiga, penyediaan lebih


banyak tempat letak kereta di stesen pengangkutan awam terutama di stesen keretapi bandar, termasuk pembinaan tempat letak kereta bertingkat di sekitar Lembah Klang, bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Usaha untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam diteruskan dalam RMKe-10 dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan pengangkutan awam di bandar lain seperti Kuantan, Pulau Pinang dan Kota Bharu.

Indeks Komponen Komunikasi

Komunikasi merupakan elemen penting perhubungan dan peningkatan akses kepada sumber yang meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kemajuan teknologi komunikasi dan infrastruktur Internet membolehkan komunikasi masa sebenar di seluruh dunia dilakukan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan

kesejahteraan sosial dan kesejahteraan ekonomi. Pertambahan langganan talian telefon tetap dan mudah alih dan Internet serta bilangan lokasi *hotspot* dan nama domain telah meningkatkan indeks komponen komunikasi kepada 136.2 pada 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.4*.

Rajah 2.4 Indeks Komponen Komunikasi



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan nama domain	39.6
Langganan talian telefon tetap dan mudah alih	38.5
Bilangan lokasi <i>hotspot</i>	35.2
Langganan Internet	31.6


Indeks langganan talian telefon tetap dan mudah alih meningkat sebanyak 38.5 mata pada tahun 2012. Seramai 2.4 juta pelanggan talian telefon tetap pada tahun 2012 berbanding 4.5 juta pada tahun 2000. Penurunan ketara pelanggan talian telefon tetap disebabkan pengguna telah beralih kepada penggunaan telefon mudah alih. Selain itu, peningkatan KDNK per kapita dan kuasa beli, kemajuan teknologi telefon mudah alih dan kesedaran ICT telah menyumbang kepada peningkatan permintaan telefon mudah alih. Sehubungan ini, terdapat 41.1 juta langganan talian telefon mudah alih pada tahun 2012 berbanding 6.0 juta pada tahun 2000, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.5*.

Indeks langganan Internet meningkat 31.6 mata pada tahun 2012 berikutan pertambahan bilangan pelanggan Internet kepada 219 bagi setiap

seribu penduduk daripada tujuh pelanggan pada tahun 2000. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Masyarakat Umum (BBGP) yang menyediakan akses yang lebih luas.

Pelan Jalur Lebar Negara (NBP) telah dilancarkan pada tahun 2004 untuk mempercepat penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui *hotspot*. Beberapa program diperkenalkan di bawah NBP seperti Pusat Komuniti Jalur Lebar (CBC), Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia, Mini CBC dan Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti 1Malaysia (CBL). Pada tahun 2012, sebanyak 31,493 *hotspot* diwujudkan di kawasan bandar dan luar bandar berbanding dengan 1,227 *hotspot* pada tahun 2005. Pewujudan *hotspot* ini menyumbang kepada peningkatan indeks sebanyak 35.2 mata.

Rajah 2.5 Indikator Komunikasi



Indeks bilangan nama domain meningkat 39.6 mata pada tahun 2012. Sejak penubuhan myDOMAIN REGISTRY² pada tahun 2006, pendaftaran nama domain meningkat sebanyak empat kali daripada 53,938 pada tahun 2006 kepada 208,936 pada tahun 2012. Peningkatan nama domain disebabkan kesedaran yang tinggi terhadap ketersediaan peluang perniagaan dan pemasaran secara atas talian sebagai mod alternatif untuk perniagaan dan pemasaran.

Secara keseluruhannya, indeks komponen komunikasi telah menunjukkan peningkatan yang ketara sejak sedekad yang lalu. Indeks bilangan nama domain mencatat pertumbuhan paling tinggi selaras dengan usaha Kerajaan memacu perkembangan dalam perkhidmatan komunikasi dengan memberi tumpuan kepada aplikasi dan kandungan di samping penyediaan infrastruktur dan akses.



² myDOMAIN REGISTRY merupakan pentadbir tunggal laman web yang berakhir dengan dot my di Malaysia. Peranan agensi ini ialah untuk mengurus pendaftaran nama domain serta mengoperasi dan menyelenggara operasi domain

KOTAK 2.1 PANGGILAN TERPUTUS DI MALAYSIA

Daripada pelbagai kaedah pengukuran prestasi yang digunakan untuk sistem telefon mudah alih, kadar panggilan terputus (DCR) mungkin merupakan pendekatan paling penting untuk mengukur kepuasan pelanggan. DCR memberi kesan langsung kepada tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), panggilan terputus merujuk kepada penamatan panggilan yang sedang berlangsung sebelum mana-mana pihak yang terlibat ingin menamatkan panggilan. Penamatan ini berkemungkinan atas beberapa sebab, antaranya, pemanggil bergerak ke kawasan yang tidak mempunyai liputan isyarat yang dikenali sebagai titik buta; gangguan yang dihasilkan oleh frekuensi terhad; kerosakan perkakasan atau peralatan transmisi di stesen pemancar; dan kegagalan peranti untuk mengekalkan isyarat dari satu stesen pemancar ke stesen pemancar yang lain.

SKMM melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah menerima pakai Piawaian Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan (QOS) (Perkhidmatan Selular Awam) pada tahun 2002. Objektif utama QOS adalah untuk

meningkatkan kualiti perkhidmatan bil, pengendalian aduan, perkhidmatan operator, ketersediaan perkhidmatan *endpoint* serta panggilan terputus. Melalui QOS, SKMM melakukan ujian panggilan dari semasa ke semasa dan menjalankan pemerhatian ke atas sampel bagi memastikan pihak pembekal perkhidmatan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Sehubungan ini, DCR bagi Malaysia ditetapkan pada tiga peratus di dalam dan antara rangkaian panggilan. Sebagai perbandingan, DCR di Singapura ditetapkan pada kadar satu peratus manakala di Filipina ditetapkan pada kadar dua peratus. Ujian yang dijalankan oleh SKMM ke atas penyedia perkhidmatan dalam tempoh enam bulan pertama 2012 mendapati bahawa DCR tidak melebihi 2.6 peratus.

Meskipun pihak pembekal perkhidmatan mematuhi piawaian yang ditetapkan, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan. Pembekal perkhidmatan perlu menjadikan DCR sebagai indikator prestasi utama (KPI) bagi menilai prestasi perkhidmatan mereka dan menetapkan pengurangan DCR sebagai sasaran bagi memastikan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Indeks Komponen Pendidikan


Sistem pendidikan berperanan penting dalam menyediakan rakyat dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk menyumbang secara berkesan dalam aktiviti pembangunan sosial dan ekonomi. Pendidikan membantu membina modal sosial dan menambah baik taraf kehidupan rakyat seperti kemajuan diri, kesihatan dan kebahagiaan.

Indeks komponen pendidikan pada tahun 2012 meningkat 32.9 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.6* berikutan peningkatan indeks dalam sub-komponen kesaksamaan dan kualiti pendidikan. Indikator yang digunakan dalam pengukuran kesaksamaan ialah kadar penyertaan peringkat pra-sekolah, rendah, menengah dan tertiar. Indikator

pengukuran kualiti pula ialah peratusan pelajar tamat sekolah rendah dan menengah, Gred Purata Nasional peperiksaan awam dan peratusan guru siswazah di sekolah rendah dan menengah serta bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD.



Rajah 2.6 Indeks Komponen Pendidikan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Kesaksamaan pendidikan	32.7
Kadar penyertaan peringkat tertiar	52.2
Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah	40.0
Kadar penyertaan peringkat sekolah menengah	23.9
Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah	14.7
Sub-komponen: Kualiti pendidikan	33.2
% guru siswazah di sekolah menengah	39.6
Kadar literasi	37.7
Gred Purata Nasional UPSR	37.3
Bilangan pensyarah dengan kelayakan Ph.D	36.7
Gred Purata Nasional SPM	35.0
% guru siswazah di sekolah rendah	31.5
% pelajar tamat sekolah menengah	26.6
% pelajar tamat sekolah rendah	20.9

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, semua indikator sub-komponen kesaksamaan pendidikan mengalami peningkatan. Indeks kadar penyertaan peringkat tertiar mencatat peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 52.2 mata, diikuti oleh pra-sekolah 40.0 mata, sekolah menengah 23.9 mata dan sekolah rendah 14.7 mata. Kadar penyertaan peringkat tertiar meningkat 8.8 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.7*.

Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah pula meningkat 4.3 peratus setahun. Trend menaik ini mencerminkan kejayaan usaha Kerajaan memperluas akses kepada pendidikan. Sebagai contoh, pendidikan rendah hampir mencapai tahap universal dan berdasarkan prestasi semasa, Malaysia akan mencapai pendidikan universal di peringkat menengah dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Rajah 2.7 Indikator Kesaksamaan Pendidikan








Kadar penyertaan peringkat tertiar meningkat hasil daripada pewartaan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 yang meliberalisasikan sektor pendidikan. Pengenalan Akta ini telah menggalakkan penyedia perkhidmatan pendidikan swasta menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan seperti universiti, kolej dan pusat latihan. Di samping itu, penyediaan lebih banyak dana pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang ditubuhkan pada tahun 1997 juga menyumbang kepada peningkatan kadar penyertaan pendidikan di peringkat ini.

Penekanan terhadap pembangunan pendidikan pra-sekolah dalam RMKe-10 telah menyebabkan

penubuhan lebih banyak pra-sekolah awam dan swasta serta pusat-pusat penjagaan awal kanak-kanak. Usaha ini telah meningkatkan kadar penyertaan pendidikan pra-sekolah kepada 80.5 peratus pada tahun 2012 dan berada di landasan ke arah mencapai sasaran RMKe-10 sebanyak 92.0 peratus.

Semua indeks bagi sub-komponen kualiti pendidikan meningkat dalam tempoh 2000 hingga 2012. Indeks kadar literasi meningkat 37.7 mata pada 2012 berikutan peningkatan kadar literasi daripada 91.6 peratus pada tahun 2000 kepada 95.2 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.8*.

Rajah 2.8 Indikator Kualiti Pendidikan



 Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

KOTAK 2.2 PENILAIAN PELAJAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) ialah penilaian di peringkat antarabangsa berasaskan kurikulum sekolah di seluruh dunia. TIMSS menilai pelajar Gred 4 (bersamaan Tahun 4) dan Gred 8 (bersamaan Tingkatan 2) daripada dua aspek: iaitu kandungan seperti algebra dan geometri dan kemahiran kognitif seperti proses berfikir untuk mengetahui, mengaplikasi dan menaakul. Ujian ini mula dilaksanakan pada tahun 1995. Sehingga kini lebih 59 buah negara mengambil bahagian dalam penilaian ini yang dijalankan setiap empat tahun. Malaysia telah mengambil bahagian dalam TIMSS sejak tahun 1999, tetapi hanya melibatkan murid Tingkatan 2.

The Programme for International Student Assessment (PISA) yang diselenggarakan oleh OECD juga merupakan penilaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. PISA dijalankan setiap tiga tahun yang bertujuan menilai kemahiran murid berusia 15 tahun dalam pembacaan, matematik dan sains. Penilaian ini tidak tertumpu kepada kandungan kurikulum, sebaliknya memberi fokus kepada keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan mereka dalam persekitaran sebenar. Sebanyak 74 buah negara termasuk bukan negara OECD menyertai penilaian PISA terkini yang dilaksanakan pada tahun 2009. Malaysia telah mengambil bahagian buat pertama kalinya pada tahun 2010, yang merupakan sebahagian daripada penilaian PISA tahun 2009.

TIMSS dan PISA menjadi kaedah pengukuran kualiti pendidikan merentasi pelbagai sistem pendidikan sejak dua dekad lalu. TIMSS memberi tumpuan kepada

elemen yang sama dalam kurikulum negara yang mengambil bahagian, sementara PISA menumpukan kepada keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan dalam kehidupan sebenar. Kedua-dua ujian ini menilai pelbagai kemahiran kognitif seperti pengaplikasian dan penaakulan.

Ketika negara mula menyertai TIMSS pada tahun 1999, skor purata murid Malaysia mengatasi purata antarabangsa dalam Matematik dan Sains. Namun, dalam keputusan terkini pada tahun 2007, skor purata murid Malaysia berada di bawah purata antarabangsa bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut yang mengakibatkan kedudukan negara merosot. Pencapaian Malaysia dalam PISA 2009 juga tidak memberangsangkan. Malaysia berada di kedudukan tangga ketiga terbawah daripada 74 negara peserta dengan pencapaian skor di bawah purata antarabangsa dan OECD. Prestasi dalam TIMSS dan PISA ini menunjukkan murid Malaysia mempunyai kurang kemahiran berfikir peringkat tinggi. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 akan menangani isu ini melalui beberapa strategi termasuk melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang ditambah baik; meningkat dan menanda aras standard *outcome* pembelajaran murid sejajar dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi; dan merombak peperiksaan di peringkat kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah untuk menguji kemahiran berfikir peringkat tinggi.

Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, Kementerian Pelajaran

Guru berkualiti di sekolah dan pensyarah berkualiti di universiti adalah faktor berasaskan institusi yang terpenting dalam menentukan *outcome* pelajar. Memandangkan peranan guru dan pensyarah adalah penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan, RMKe-10 telah memperuntukkan dana yang besar bagi pembangunan profesional dan pembiayaan pendidikan guru dan pensyarah. Peratusan guru siswazah di sekolah menengah meningkat daripada 61.2 peratus pada tahun 2000 kepada 93.3 peratus pada tahun 2012, manakala di sekolah rendah, daripada 3.2 peratus pada

tahun 2004 kepada 39.8 peratus pada tahun 2012. Indeks bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD meningkat 36.7 mata dalam tempoh 2001 hingga 2012. Seramai 12,504 pensyarah berkelayakan PhD pada tahun 2012 berbanding hanya 362 pada tahun 2001. Dalam RMKe-10, disasarkan sebanyak 75.0 peratus daripada pensyarah di universiti penyelidikan mempunyai kelayakan PhD dan 60.0 peratus bagi universiti bukan penyelidikan.

Peningkatan prestasi pelajar dalam peperiksaan UPSR dan SPM juga menyumbang secara positif

kepada indeks sub-komponen kualiti pendidikan. Prestasi ini diukur menggunakan Gred Purata Nasional (GPN). Dalam tempoh 2000-2012, GPN untuk UPSR meningkat 11.5 peratus manakala GPN untuk SPM sebanyak 16.4 peratus.

Selain itu, bilangan pelajar yang meneruskan persekolahan yang diukur berdasarkan peratusan pelajar tamat sekolah rendah dan menengah menunjukkan peningkatan. Peratusan pelajar tamat sekolah rendah meningkat daripada 96.9 peratus pada tahun 2000 kepada 99.1 peratus pada tahun 2012 manakala di peringkat pendidikan menengah pula meningkat daripada 84.8 peratus kepada 90.0 peratus.

Sejak sedekad yang lalu, indeks komponen pendidikan menunjukkan peningkatan yang ketara ke arah mencapai kesaksamaan dan kualiti pendidikan. Peningkatan indeks yang paling ketara dalam sub-komponen kesaksamaan ialah kadar penyertaan peringkat pra-sekolah dan

pendidikan tertiar. Manakala indeks peratusan guru siswazah di sekolah rendah dan menengah dan bilangan pensyarah universiti dengan kelayakan PhD merupakan antara penyumbang utama kepada sub-komponen kualiti. Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah dan menengah juga telah menunjukkan trend yang meningkat ke arah mencapai enrolmen universal³. Pelaburan dalam sektor pendidikan yang tinggi dan pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan menjadikan sistem pendidikan Malaysia antara yang terbaik di dunia. Inisiatif ini termasuk pemantauan yang rapi terhadap pelaksanaan inisiatif dan penetapan sasaran tertentu seperti mencapai 100 peratus kadar penyertaan di semua peringkat pendidikan; mencapai kedudukan ketiga teratas dalam ujian TIMMS dan PISA; dan mengurangkan 50.0 peratus jurang pencapaian pelajar antara pelajar di bandar dan luar bandar, taraf sosio-ekonomi dan gender menjelang tahun 2020.

KOTAK 2.3 KEMAMPUAN PASARAN GRADUAN

Usaha Malaysia memantapkan ekonomi yang berorientasikan teknologi tinggi dan perkhidmatan memerlukan modal insan berkemahiran tinggi. Dalam konteks lanskap pasaran pekerjaan yang kompetitif, penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi merupakan cabaran utama khususnya dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi (IPT).

Walaupun IPT sedang membuat penyesuaian bagi memenuhi keperluan ekonomi, masih terdapat enam cabaran utama yang telah dikenal pasti dan perlu diberi perhatian, iaitu:

- i. saiz pasaran pekerjaan;
- ii. atribut pengambilan dan keluaran ditetapkan bagi beberapa kursus profesional sahaja;
- iii. atribut pengambilan yang lemah;
- iv. industri mengutamakan graduan yang berupaya terus bekerja;
- v. langkah penyelesaian jangka pendek tidak diintegrasikan dalam program pengajian di IPT; dan
- vi. tidak ditawarkan program pengajian pilihan.

Sehubungan ini, the *National Graduate Employability Blueprint* (GEB) dilancarkan pada 4 Disember 2012. GEB menyediakan satu garis panduan komprehensif mengenai persekitaran pendidikan tinggi bagi menggalakkan perkembangan pusat pengetahuan perdana dan mengeluarkan graduan yang kompeten, berpengetahuan dan inovatif dengan atribut dan nilai etika yang tinggi.

GEB terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Kelayakan Pendidikan Tinggi dan Kebolehpasaran, Pemupukan Atribut Kebolehpasaran dan Peningkatan Kebolehpasaran. GEB menggariskan strategi untuk membangun sistem pendidikan tinggi yang dapat meningkatkan tahap kualiti modal insan dan strategi bagi IPT untuk membangun dan mengeluarkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, iaitu mempunyai kompetensi dan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan ekonomi.

Pelaksanaan GEB ini dipantau oleh *Graduate Employability Taskforce* (GET) yang dipengerusikan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Melalui

³ *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*

GET, Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk menilai penawaran dan permintaan tenaga kerja bagi setiap sektor ekonomi.

Sistem Kajian Pengesanan Graduan I (SKPG I) secara atalian telah diwujudkan oleh KPM sebagai instrumen untuk memantau dan melaporkan status pekerjaan graduan dalam tempoh enam bulan selepas tamat

pengajian. Graduan dikehendaki memaklumkan, antara lain bidang pengajian dan status pekerjaan, persepsi mengenai institusi dan kesesuaian pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Di samping itu, Sistem Kajian Pengesanan Graduan II (SKPG II) turut dibangunkan untuk memantau status pekerjaan graduan selepas tempoh setahun menamatkan pengajian

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan

Semenjak merdeka, dasar pembangunan ekonomi adalah berteraskan falsafah pertumbuhan dengan pengagihan yang membolehkan ekonomi Malaysia mencapai prestasi yang cemerlang. Ini telah menghasilkan impak yang ketara dari segi pengurangan kadar kemiskinan, pengecilan jurang pendapatan dan penyertaan yang lebih seimbang dalam aktiviti ekonomi.


Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks komponen pendapatan dan pengagihan meningkat 31.8 mata. Ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan per kapita benar, pengurangan kadar kemiskinan dan pengagihan pendapatan yang lebih baik, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.9*. Indeks kadar kemiskinan mencatat peningkatan tertinggi sebanyak 42.0 mata dan diikuti oleh pendapatan per kapita benar 35.0 mata. Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna untuk mengukur ketidakseimbangan pendapatan isi rumah pula meningkat 18.6 mata.

Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada harga semasa meningkat pada kadar 6.5 peratus setahun daripada RM14,529 pada tahun 2000 kepada RM30,856 pada tahun 2012 selaras dengan

pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 4.8 peratus setahun. Peningkatan dalam PNK ini sebahagian besarnya disebabkan oleh prestasi positif faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi seperti pembentukan modal, modal insan dan produktiviti. Dari segi pembentukan modal, jumlah pelaburan mengikut harga malar 2005 meningkat daripada RM112.8 bilion pada tahun 2000 kepada RM201.7 bilion pada tahun 2012. Tahap PNK per kapita Malaysia merupakan antara yang tertinggi dalam kalangan negara Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).



Rajah 2.9 Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan






Nota: Nilai bagi tahun 2000 merujuk kepada tahun 1999.

INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Kadar kemiskinan	42.0
Pendapatan per kapita benar	35.0
Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna	18.6

Jumlah pendapatan isi rumah Malaysia bertambah selaras dengan peningkatan PNK per kapita. Pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM5,000 pada tahun 2012, iaitu pada kadar 5.6

peratus setahun. Memandangkan inflasi meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 2.2 peratus setahun dalam tempoh ini, peningkatan pendapatan mencerminkan kualiti hidup rakyat yang lebih baik.

Rajah 2.10 Indikator Pendapatan dan Pengagihan



↗ Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

Kadar kemiskinan berkurangan daripada 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 1.7 peratus pada tahun 2012. Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna yang lebih rendah iaitu 0.414 pada tahun 2012 berbanding dengan 0.443 pada tahun 1999 menjelaskan bahawa ketidakseimbangan pendapatan bertambah baik, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.10*. Kejayaan Malaysia dalam membasmi kemiskinan dan mengecilkan jurang pendapatan terutamanya disebabkan oleh usaha Kerajaan yang berterusan dalam mewujudkan peluang ekonomi yang lebih banyak kepada rakyat Malaysia. Kejayaan mengurangkan kemiskinan ini juga hasil daripada penglibatan sektor swasta dan masyarakat sivil yang lebih besar. Pelbagai program penjana pendapatan seperti peningkatan bina upaya, pendidikan dan latihan serta keusahawanan telah dilaksanakan. Di samping itu, penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas turut meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar. Selaras dengan agenda pembangunan secara inklusif, program khusus telah dilaksanakan bagi menangani isu kemiskinan relatif dan poket kemiskinan, terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli

di Semenanjung Malaysia dan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak. Program yang dilaksanakan ini termasuklah pembangunan tanah secara bersepadu, aktiviti penjana pendapatan serta pendidikan dan latihan. Objektif utama program ini adalah untuk melibatkan golongan miskin dalam arus perdana pembangunan negara.

Strategi pembangunan secara inklusif dilaksanakan untuk terus menangani isu ketidakseimbangan. Dalam RMKe-10, tumpuan diberikan untuk menyediakan peluang yang berkualiti kepada seluruh rakyat Malaysia, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Langkah ini bertujuan meningkatkan keupayaan mereka untuk menyertai dan mendapat manfaat pembangunan ekonomi. Strategi pembangunan ini akan memastikan akses kepada peluang ekonomi secara saksama ke arah membentuk masyarakat Malaysia yang adil dan saksama. Sehubungan ini, lebih banyak peluang yang berkualiti dan pelbagai program sokongan berdasarkan keperluan disediakan kepada isi rumah tanpa mengira etnik dan lokasi.

KOTAK 2.4 KEJAYAAN MALAYSIA DALAM MEMBASMI KEMISKINAN

Malaysia berpegang teguh kepada prinsip bahawa pembangunan ekonomi perlu memberi manfaat kepada semua rakyat, membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan. Prinsip ini diterjemah melalui pelbagai dasar pembangunan ekonomi sejak tahun 1970-an dengan mengguna pakai strategi pembangunan berasaskan falsafah pertumbuhan dengan ekuiti yang diperkenalkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990.

Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah DEB menumpukan kepada program menjana pendapatan, meningkatkan akses kepada kemudahan pendidikan dan latihan, mewujudkan peluang pekerjaan dan memodenkan kehidupan di luar bandar serta meningkatkan kualiti hidup. Dalam tempoh awal DEB, strategi ini dilaksanakan melalui program reformasi pertanian sebagai instrumen utama dalam mentransformasikan kawasan luar bandar dan masyarakat miskin tegar kepada sebuah masyarakat Malaysia yang

lebih makmur. Sehubungan ini, tumpuan diberikan kepada usaha menggembeng sumber di luar bandar menerusi program pembangunan tanah dan penyusunan semula institusi ke arah pemodenan dan pembangunan sektor pertanian dan kawasan luar bandar.

Selaras dengan kemajuan negara dan perubahan struktur ekonomi daripada sektor pertanian kepada pembuatan pada tahun 1980-an, pendidikan dan latihan serta program keusahawanan memainkan peranan penting dalam menangani isu kemiskinan. Sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah menyokong usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan menerusi pelbagai program melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan asas serta kemudahan mikro kredit kepada golongan miskin.

Pembasmian kemiskinan kekal sebagai teras dan komponen penting dasar pembangunan selepas DEB, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000;

Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010; dan RMKe-10, 2011-2015. Walau bagaimanapun, tumpuan dan pelaksanaan inisiatif dan program diselaraskan mengikut cabaran dan keperluan pembangunan.

Pencapaian pembasmian kemiskinan amat memberangsangkan. Menjelang akhir tempoh DEB, kadar kemiskinan berkurangan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 16.5 peratus pada tahun 1990. Malaysia merupakan antara negara paling awal mencapai sasaran pertama *Millennium Development Goals* (MDGs) untuk mengurangkan kepada separuh kadar kemiskinan menjelang tahun 2015. Dari segi kemiskinan tegar yang diukur berdasarkan nisbah penduduk berpendapatan kurang daripada USD1.25 sehari, Malaysia telah mencatat paras sifar pada tahun 2010. Berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan (PGK), kadar kemiskinan tegar telah dihapuskan sepenuhnya pada tahun 2010 manakala kemiskinan keseluruhan berkurangan kepada 1.7 peratus pada tahun 2012.

RMKe-10 menumpukan kepada program transformasi ekonomi yang bertujuan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kemampunan. Keterangkuman mengambil kira pelbagai aspek dengan tumpuan khusus kepada keperluan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, terutamanya masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak. Inisiatif untuk menangani isu ketidakseimbangan dirangka menggunakan pendekatan pragmatik dalam konteks ekonomi yang berkembang bagi membolehkan semua rakyat Malaysia mendapat akses kepada peluang yang lebih berkualiti. Sistem jaringan keselamatan sosial yang komprehensif juga disediakan bagi kumpulan yang kurang mendapat manfaat dan mereka yang terjejas oleh kelembapan ekonomi dan bencana alam.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri


Indeks Komponen Persekitaran Kerja

Seiring dengan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kualiti persekitaran kerja menjadi faktor yang semakin penting mempengaruhi kesejahteraan hidup. Kualiti persekitaran kerja boleh diukur daripada pelbagai aspek penambahbaikan dalam suasana kerja. Penambahbaikan sedemikian dapat meningkatkan tahap kepuasan dalam kalangan pekerja, produktiviti dan pencapaian yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup.

Empat indikator utama digunakan dalam menilai kualiti persekitaran kerja iaitu kadar kemalangan di tempat kerja, pertikaian perusahaan, kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan dan purata jam bekerja. Secara keseluruhannya, indeks komponen persekitaran kerja mencatat peningkatan 28.6 mata disumbang oleh penambahbaikan dalam kesemua indikator, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.11*.



Rajah 2.11 Indeks Komponen Persekitaran Kerja




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Kadar kemalangan di tempat kerja	39.5
Pertikaian perusahaan	33.5
Purata jam bekerja	24.7
Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan	16.8

Dalam tempoh 2000 hingga 2012, indeks kadar kemalangan di tempat kerja meningkat 39.5 mata. Jumlah kes kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan berkurangan 4.2 peratus setahun daripada 95,000 kes pada tahun 2000 kepada 57,000 kes pada tahun 2012. Pengurangan ini antaranya disumbangkan oleh pelaksanaan program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) untuk meningkatkan kesedaran mengenai persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat. Program ini melibatkan penguatkuasaan peraturan yang lebih ketat serta pembangunan garis panduan untuk menambah baik kod amalan.

Persekitaran kerja dan perhubungan perusahaan yang semakin baik telah mengurangkan jumlah kes pertikaian perusahaan sebanyak 30.7 peratus, iaitu daripada 436 kes pada tahun 2000 kepada 302 kes pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2.12*. Pengurangan ini menyumbang kepada peningkatan indeks pertikaian perusahaan sebanyak 33.5 mata. Pada tahun 2011, sebanyak 76.0 peratus kes pertikaian perusahaan dapat diselesaikan melalui rundingan yang menunjukkan keharmonian hubungan antara majikan dan kesatuan sekerja.



Rajah 2.12 Indikator Persekitaran Kerja



Indeks kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan meningkat 16.8 mata. Jumlah hari bekerja yang hilang kerana tindakan perusahaan berkurang daripada 3,100 hari bekerja pada tahun 2000 kepada 110 hari bekerja pada tahun 2012, iaitu pengurangan sebanyak 96.5 peratus.



KOTAK 2.5 PENAMBAHBAIKAN SUASANA KERJA DENGAN MENGHARMONIKAN PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG BURUH

RMKe-10 menggariskan pembaharuan pasaran buruh sebagai satu daripada strategi untuk memastikan keseimbangan antara fleksibiliti pasaran buruh dengan jaminan pekerjaan. Kajian terhadap undang-undang perburuhan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ia bersesuaian dengan persekitaran ekonomi semasa di samping mengimbangi hak dan faedah majikan dan pekerja.

Peraturan Kerja Separa Masa di bawah Akta Kerja 1955 diwartakan untuk menjelaskan terma pekerjaan bagi pekerja separuh masa. Peraturan ini bertujuan menggalakkan majikan menggaji pekerja separuh masa seperti bekerja dari rumah dan bekerja mengikut masa kerja fleksibel sebagai pendekatan alternatif.

Keharmonian hubungan antara majikan dengan pekerja perlu dikekalkan bagi mewujudkan suasana kerja yang kondusif. Penekanan telah diberikan terhadap program bagi menggalakkan hubungan yang lebih baik antara majikan dengan kesatuan sekerja melalui lawatan harmoni, dialog tiga penjur, khidmat rundingan dan pemeriksaan tempat kerja.

Dalam menyediakan jaringan keselamatan buruh yang komprehensif dan membantu pekerja, Perintah Gaji Minimum 2012 (Perintah) telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang mempunyai enam

pekerja atau lebih termasuk majikan yang menjalankan aktiviti profesional. Manakala bagi majikan yang mempunyai lima pekerja atau kurang, perintah ini dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013. Perintah ini menetapkan supaya majikan di Semenanjung Malaysia membayar gaji minimum sebanyak RM900 sebulan manakala majikan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan perlu membayar gaji minimum sebanyak RM800 sebulan bagi semua jenis pekerjaan yang diliputi di bawah Akta Kerja 1955.

Skim Insuran Bencana Pekerja yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah diperluas bagi melindungi pekerja sementara dan pekerja kontrak dalam perkhidmatan awam. Kerajaan juga telah meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi meningkatkan kelayakan umur di bawah Skim Pencen Ilat daripada 55 tahun kepada 60 tahun supaya selaras dengan Akta Umur Persaraan Minimum 2012. Dengan mengambil kira trend peningkatan jangkaan hayat ketika lahir penduduk Malaysia iaitu 75 tahun pada masa ini, pelaksanaan Akta tersebut yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 bertujuan melanjutkan tempoh penggajian serta pelaksanaan gaji minimum bagi sektor swasta dijangka dapat meningkatkan tabungan pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini dapat menjamin kebajikan pekerja selepas persaraan.

Jumlah waktu yang digunakan untuk bekerja merupakan satu aspek penting dalam persekitaran kerja. Sehubungan ini, purata jam bekerja dijadikan satu daripada indikator komponen persekitaran kerja. Purata jam bekerja seminggu berkurangan daripada 47.7 jam pada tahun 2000 kepada 46.3 jam pada tahun 2012. Pengurangan ini menyumbang kepada peningkatan indeks purata jam bekerja sebanyak 24.7 mata. Malaysia mencatat jumlah purata jam bekerja seminggu yang lebih panjang berbanding Kesatuan Eropah (EU). Di EU, *Working Time Directive of 1993* menetapkan 48 jam seminggu sebagai masa kerja maksimum⁴. Walau bagaimanapun, purata jam bekerja di beberapa negara EU adalah lebih rendah daripada masa

kerja maksimum seperti Denmark 41.1 jam, Jerman 35.5 jam dan Norway 33.9 jam. Berasaskan kepada purata jam bekerja di negara berkenaan, Malaysia dikategorikan sebagai negara yang mencatat masa bekerja yang panjang sepertimana negara Korea Selatan, Indonesia dan Thailand.

Pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenal bagi meningkatkan kualiti persekitaran kerja dan kesejahteraan pekerja. Usaha berterusan telah diambil untuk melaksanakan pembaharuan dalam pasaran buruh, termasuk memperkenalkan waktu kerja fleksibel, menetapkan gaji minimum, memanjangkan umur persaraan serta meluaskan jaringan keselamatan buruh.

⁴ Lee, McCann and Messenger, 2007. *Working Time Around the World*, Routledge, London and New York.



3. KESEJAHTERAAN SOSIAL

Pendahuluan

Mengukur pelbagai dimensi kesejahteraan sosial adalah penting untuk menilai pencapaian kemajuan negara. Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan sejak 13 tahun lalu dari segi kesejahteraan sosial, seperti ditunjukkan oleh penambahbaikan dalam indeks sub-komposit

kesejahteraan sosial dan kesemua komponen indeksinya. Tiga komponen tertinggi daripada sembilan komponen adalah perumahan yang meningkat 36.9 mata, liburan 31.4 mata dan tadbir urus 28.1 mata.

Indeks Komponen Perumahan


Perumahan yang dapat memenuhi keperluan asas keluarga bukan sahaja terhad kepada perlindungan fizikal tetapi perlu merangkumi kualiti persekitaran kediaman yang baik. Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen perumahan meningkat 36.9 mata disebabkan peningkatan semua indeks indikator komponen perumahan seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.1*. Lima indikator tersebut adalah peratusan unit rumah kos rendah kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, bilangan penghuni sebilik, peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat dan bekalan elektrik serta liputan perkhidmatan kutipan sampah.

Dalam tempoh 2000-2012, penyediaan rumah kos rendah kepada kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah meningkat dengan ketara. Perumahan kos rendah yang disediakan memenuhi satu per tiga daripada keperluan kumpulan tersebut pada tahun 2000 dan meningkat kepada lebih 40 peratus pada tahun 2012. Selain sektor awam, sektor swasta juga menyumbang kepada peningkatan ini. Di samping itu, sejak tahun 2011, tumpuan yang besar juga diberi untuk memenuhi keperluan perumahan kumpulan berpendapatan sederhana rendah, khususnya di bandar besar. Bagi menyokong inisiatif ini, beberapa program telah dilancarkan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). RUMAWIP dilaksanakan oleh sektor awam, manakala PR1MA dan PPA1M dilaksana berasaskan model kerjasama sektor awam-swasta

Kualiti perumahan telah bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh penurunan bilangan penghuni sebilik. Nisbah penghuni bagi setiap bilik berkurang kepada 1.50 pada tahun 2012 daripada 1.94 pada tahun 2000, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.2*. Pada tahun 2002, pemaju dikehendaki mematuhi spesifikasi baru iaitu menyediakan tiga bilik tidur bagi rumah kos rendah. Pada tahun 2006 pula, saiz standard minimum bagi perumahan kos rendah dengan tiga bilik tidur telah diluaskan daripada 650 kaki persegi kepada 700 kaki persegi.



Rajah 3.1 Indeks Komponen Perumahan



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
% isi rumah dengan bekalan air terawat	56.1
Bilangan penghuni sebilik	37.4
% isi rumah dengan bekalan elektrik	33.6
% isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah	29.6
% unit rumah kos rendah kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah	27.8

Akses dan kualiti kemudahan asas juga bertambah baik dalam tempoh 2000-2012. Indeks peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat meningkat sebanyak 56.1 mata, daripada 89.9 peratus pada tahun 2000 kepada 93.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini disumbangkan oleh liputan bekalan air terawat yang hampir menyeluruh di kawasan bandar di 10 negeri⁵. Sementara itu, peratusan unit rumah dengan bekalan air terawat di kawasan luar bandar meningkat melebihi 90.0 peratus, kecuali Sabah dan Kelantan mencatat 60.0 peratus. Peningkatan ini adalah berikutan pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar.

Indeks peratusan isi rumah dengan bekalan elektrik meningkat sebanyak 33.6 mata dalam tempoh 2000-2012. Liputan bekalan elektrik meningkat sedikit daripada 98.3 peratus pada tahun 2000 kepada 98.9 peratus pada tahun 2012. Secara amnya, kawasan bandar menikmati liputan bekalan elektrik sepenuhnya.

Bagi kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak, program bekalan elektrik luar bandar dilaksanakan dengan menggunakan teknologi alternatif seperti sistem solar hibrid dan sistem mikro-hidro. Walau bagaimanapun, program bekalan elektrik ini tidak mencapai matlamat

berikutan faktor geografi dan taburan penduduk yang tidak sekata.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks peratusan isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah meningkat sebanyak 29.6 mata. Liputan unit rumah yang mendapat perkhidmatan kutipan sampah sama ada secara terus dari rumah atau dari kawasan kediaman meningkat daripada 69.0 peratus pada tahun 2000 kepada 77.7 peratus pada tahun 2012.

Pada tahun 2005, Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan telah diterima pakai untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan mampan. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara kemudiannya ditubuhkan untuk merangka dasar, merancang dan mengurus sisa pepejal. Pada tahun 2008 pula, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ditubuhkan untuk memastikan operasi pengurusan sisa pepejal yang lebih menyeluruh, bersepadu dan keberkesanan kos.


Walaupun kualiti perumahan dan kemudahan asas telah meningkat sejak beberapa tahun, tanggungjawab memenuhi keperluan perumahan terus menjadi keutamaan Kerajaan. Peningkatan

⁵ Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Sarawak, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.

harga rumah sejak kebelakangan ini telah menjejaskan kemampuan memiliki rumah terutamanya bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Dari segi penyediaan kemudahan asas, usaha sedang diambil untuk meningkatkan liputan terutama ke kawasan yang belum mendapat perkhidmatan sepenuhnya dan kurang membangun. Program pembangunan semula sedang dilaksanakan di kawasan bandar terpilih. Langkah ini dijangka menyumbang kepada kesejahteraan rakyat yang lebih baik.



Rajah 3.2 Indikator Perumahan



KOTAK 3.1 PERUMAHAN AWAM DI MALAYSIA

Penyediaan perumahan yang selesa dan mampu dimiliki merupakan antara objektif pembangunan sosial negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan rakyat mampu memiliki rumah. Pembangunan perumahan dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta. Kerajaan memberi tumpuan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik, terutamanya kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Sementara itu, sektor swasta pula menyediakan perumahan untuk memenuhi keperluan pasaran. Program perumahan awam yang dilaksanakan, antaranya:

- i. **Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)** - Kerajaan Persekutuan menyediakan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada kerajaan negeri untuk membina rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah. Jenis rumah yang disediakan adalah berbeza mengikut lokasi. Rumah sesebuah atau berkembar (kebanyakannya rumah kayu) dibina di kawasan luar bandar, rumah teres setingkat dan dua tingkat di pinggir bandar serta rumah pangsa pelbagai tingkat di kawasan bandar.
- ii. **Perumahan Awam Kos Rendah Bersepadu** - rumah pangsa kos rendah untuk disewa bagi mengatasi masalah setinggan di Kuala Lumpur dan bandar besar, terutamanya di ibu negeri.
- iii. **Skim Tapak dan Perkhidmatan** - rumah untuk kumpulan berpendapatan rendah, terutamanya bagi mereka yang tidak mampu memiliki rumah di bawah program PAKR. Opsyen perumahan di bawah skim ini ialah:
 - Penyediaan tapak dan sebuah rumah asas yang direka dan dibina untuk membolehkan rumah tersebut dinaik taraf oleh pemilik pada masa depan; atau
 - Penyediaan tapak kosong, termasuk kemudahan asas.
- iv. **Skim Pinjaman Perumahan** - skim untuk kumpulan berpendapatan rendah yang tidak mendapat kemudahan pembiayaan daripada sumber lain, iaitu:
 - Pekerja yang tinggal di sekitar kawasan industri dan luar bandar yang memiliki tanah;
 - Penduduk kampung baru yang memiliki tanah; Pekerja estet dan lombong yang memiliki tanah berhampiran tempat kerja mereka; dan
 - Penduduk setinggan yang dipindahkan dan memerlukan pembiayaan untuk membina rumah di tanah baharu diperuntukkan kepada mereka.
- v. Perumahan untuk peneroka tanah disediakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pembangunan tanah dan wilayah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- vi. Perumahan disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).
- vii. Kuarters untuk kakitangan Kerajaan, terutamanya guru, kakitangan kesihatan, tentera dan polis.
- viii. Perumahan untuk pekerja estet dan industri. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 telah memperuntukkan supaya pemilik estet menyediakan perumahan percuma dan kemudahan sosial yang bersesuaian kepada pekerja mereka.
- ix. **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** - rumah mampu milik berkualiti, terutamanya untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. SPNB merupakan agensi pelaksana bagi Projek Pemulihan Perumahan Terbangkalai dengan tujuan untuk memantau dan memulihkan projek terbangkalai. SPNB juga membaik pulih dan membina semula rumah untuk mereka yang kurang bernasib baik dan keluarga miskin tegar di bawah Projek Perumahan Khas melalui Skim Amal Jariah.
- x. **Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** - membangun dan menyelenggara perumahan mampu milik yang berkualiti bagi kumpulan berpendapatan sederhana. Program ini bertujuan menyediakan akses yang lebih luas bagi kumpulan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah yang berharga antara RM100,000 dan RM400,000 di bandar besar.
- xi. **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** - perumahan bagi kumpulan penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana (pendapatan isi rumah RM8,000 dan kurang). Rumah ini akan dibina di atas tanah Kerajaan dan berharga antara 20 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri


Indeks Komponen Liburan

Hubungan kekeluargaan dan persahabatan yang harmoni boleh diperkukuhkan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti riadah. Antara aktiviti tersebut termasuk meluangkan masa bersama keluarga menonton TV di rumah dan filem di pawagam dan mengambil bahagian dalam aktiviti luar seperti mengunjungi taman rekreasi dan melancong.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen liburan meningkat 31.4 mata. Kesemua indikator menunjukkan pencapaian positif terutamanya disumbangkan oleh indikator bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar serta bilangan pelawat taman rekreasi, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.3*.



Rajah 3.3 Indeks Komponen Liburan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar	39.2
Bilangan pelawat taman rekreasi	38.1
Bilangan pengunjung pawagam	28.6
Bilangan penginap hotel domestik	19.6

Indeks bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar meningkat 39.2 mata. Langganan TV berbayar meningkat lebih sekali ganda daripada 1.6 juta pada tahun 2000 kepada 3.8 juta pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.4*. Pertambahan ini berikutan peningkatan kuasa beli pengguna serta pelbagai pakej menarik untuk semua peringkat umur yang disediakan oleh

penyedia perkhidmatan, liputan rangkaian yang lebih luas dan berita tempatan dan antarabangsa yang terkini.

Indeks bilangan pelawat taman rekreasi meningkat 38.1 mata, menunjukkan aktiviti luar semakin popular dalam kalangan rakyat Malaysia.

Rajah 3.4 Indikator Liburan



Pada amnya, aktiviti luar dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan, menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kesejahteraan. Jumlah pelawat ke taman rekreasi meningkat lebih empat kali daripada 137 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 640 pada tahun 2012. Peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah dan pertambahan bilangan taman rekreasi berkualiti di seluruh negara telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam jumlah pelawat.

Indeks bilangan penginap hotel domestik meningkat 19.6 mata. Peningkatan aktiviti riadah telah disumbangkan oleh pertambahan bilangan pelancong tempatan dan penginap hotel. Bilangan penginap hotel domestik meningkat daripada 579 orang pada tahun 2000 kepada 1,019 orang setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012, iaitu pada kadar 4.8 peratus setahun. Kumpulan


berpendapatan pertengahan yang semakin besar dan aktiviti promosi yang agresif, pengisytiharan hari Sabtu sebagai hari cuti perkhidmatan awam dan penubuhan syarikat penerbangan kos rendah telah menyumbang kepada pertumbuhan kukuh sektor pelancongan tempatan.

Indeks bilangan pengunjung pawagam meningkat 28.6 mata. Bilangan pengunjung pawagam mencatat peningkatan ketara daripada 439 orang pada tahun 2000 kepada 1,940 orang bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012. Lokasi pawagam yang strategik seperti di kompleks membeli-belah telah memudahkan orang ramai melakukan pelbagai aktiviti dalam masa yang terhad. Di samping itu, pertambahan minat terhadap filem, kemudahan yang lebih baik di pawagam dan pengenalan kepada e-tiket merupakan antara faktor yang menarik lebih ramai pengunjung ke pawagam.

Indeks Komponen Tadbir Urus

Ketelusan, akauntabiliti, integriti dan penglibatan rakyat merupakan aspek utama tadbir urus yang baik yang penting untuk pertumbuhan dan kemakmuran negara. Indeks komponen tadbir urus terdiri daripada bilangan transaksi e-pembayaran, peratusan pembayar cukai yang menggunakan e-Filing, peratusan kes rasuah yang didakwa dan bilangan kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA). Dalam tempoh 2000-2012, komponen indeks tadbir urus meningkat 28.1 mata terutamanya disumbangkan oleh peningkatan transaksi e-pembayaran, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.5*.

Rajah 3.5 Indeks Komponen Tadbir Urus




Indeks indikator bilangan transaksi e-pembayaran meningkat 36.0 mata. Bilangan transaksi e-pembayaran meningkat daripada 96.6 juta pada tahun 2000 kepada 1,629 juta pada tahun 2012. Pertambahan bilangan ini disumbangkan oleh peningkatan penerimaan terhadap perkhidmatan pembayaran secara atas talian sebagai saluran pembayaran yang lebih mudah dan selesa. Selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia meliberalisasikan polisi kewangan, Garis Panduan Wang Elektronik diperkenalkan pada tahun 2008 yang menggariskan prinsip umum dan standard minimum mengenai pengeluaran wang elektronik yang perlu dipatuhi oleh institusi bukan perbankan. Ini menggalakkan lagi transaksi bukan tunai.

INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan transaksi e-pembayaran	36.0
% kes yang diselesaikan oleh BPA	34.2
% pengguna e-Filing	28.5
% kes rasuah yang didakwa	13.9

Indeks peratusan kes yang diselesaikan oleh BPA meningkat 34.2 mata. BPA telah menyelesaikan sebanyak 11,994 atau 95.6 peratus daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.6*. Ini menunjukkan kegigihan BPA melaksanakan usaha mengurus aduan terhadap penyampaian perkhidmatan oleh perkhidmatan awam. Usaha yang diambil termasuk program 'turun padang' seperti Kaunter Aduan Bergerak, Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu dan Program Mesra (MESRA).

Indeks peratusan pengguna e-Filing meningkat 28.5 mata. Penghantaran borang taksiran cukai secara e-Filing menjadi pilihan pembayar cukai. Pada tahun 2012, sebanyak 39.0 peratus daripada pembayar cukai berdaftar menggunakan perkhidmatan tersebut berbanding dengan hanya 4.5 peratus pengguna semasa e-Filing diperkenalkan pada tahun 2006.

Rajah 3.6 Indikator Tadbir Urus



Penggunaan *e-Filing* dijangka terus bertambah memandangkan banyak usaha meningkatkan kesedaran masyarakat telah dilaksanakan di samping memantapkan sistem ini supaya lebih mudah dan mesra pengguna.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks peratusan kes rasuah yang didakwa meningkat sebanyak 13.9 mata. Peratusan kes rasuah yang didakwa telah meningkat daripada 37.2 peratus pada tahun 2000 kepada 49.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan dalam indeks ini hasil daripada pelbagai usaha yang telah diambil termasuk memperkenalkan dasar baru dan penambahbaikan dalam prosedur dan undang-undang. Antara usaha yang dilaksanakan adalah menubuhkan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di seluruh negara pada tahun 2011 bagi

mempercepat perbicaraan serta menyelesaikan kes tertangguh. Inisiatif ini telah meningkatkan penyertaan orang awam dalam membanteras dan membendung rasuah. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah juga telah bertambah baik daripada tangga ke-60 pada tahun 2011 kepada tangga ke-54 pada tahun 2012.



KOTAK 3.2 KERAJAAN ELEKTRONIK

Kerajaan Elektronik (MyEG) yang dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan teknologi serta meningkatkan akses dan memantapkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah selaras dengan eko-sistem digital dan persekitaran hijau. Antara inisiatif yang dilaksanakan di bawah MyEG adalah pembangunan EG*Net untuk menyediakan rangkaian infrastruktur yang selamat di seluruh negara bagi aplikasi MyEG dan Rangkaian Kampus Putrajaya (PCN). Selain itu, program lain yang dilaksanakan termasuk eKL yang bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan Kerajaan secara bersepadu di Lembah Klang dan projek berteraskan rakyat seperti MyBayar, MyServices, MyForms, MyNews dan MySMS.

Kajian Penandaarasan ICT Sektor Awam 2011 menunjukkan sebanyak 35 peratus daripada perkhidmatan Kerajaan boleh dicapai secara atas talian. Selaras dengan pendekatan keseluruhan kerajaan seperti digariskan dalam RMKe-10, agensi sektor awam perlu bekerja merentasi sempadan portfolio ke arah mencapai matlamat yang sama dan penyelesaian bersepadu dalam memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mencapai sasaran 90 peratus perkhidmatan Kerajaan disediakan secara atas talian menjelang 2015.

Waseda e-Government Development Survey (Kaji selidik Pembangunan e-Kerajaan Waseda) pada tahun 2013 yang bertujuan untuk memantau perkembangan

pembangunan e-Kerajaan menyenaraikan Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 55 negara. Kaji selidik ini menilai ketersediaan rangkaian, keperluan kepada aplikasi fungsi-antarmuka, pengurusan yang optimum dan pembangunan dan penggunaan portal kerajaan, peranan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dalam Kerajaan, promosi e-Kerajaan dan e-Penyertaan (rangkuman digital).

Antara langkah yang menyumbang kepada *ranking* tersebut termasuk pelaksanaan "satu perkhidmatan, satu penyampaian, *no wrong door*" seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia (2011-2015) dan pelantikan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) pada 2008. GCIO telah diberi mandat untuk menerajui dan menyelaras Projek *Entry Point* (EPP) bagi dua Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu EPP e-Kerajaan di bawah NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi dan EPP Penyumberluaran Kerajaan di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan. Di samping itu, CIO telah dilantik di semua kementerian/agensi untuk menerajui pelaksanaan strategi yang dikenal pasti dalam Pelan Strategik serta kedua-dua EPP.

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Indeks Komponen Keselamatan Awam

Keselamatan dan ketenteraman awam adalah elemen penting ke arah menjadi sebuah negara maju. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Kadar Jenayah pada tahun 2009. NKRA ini memberi tumpuan kepada pengurangan bilangan kes jenayah harta benda, kekerasan dan jalanan, menggalakkan penyertaan orang ramai dalam program sukarelaan dan menambah baik prosedur dalam sistem kehakiman jenayah.




Dalam tempoh 2000-2012, indeks keselamatan awam meningkat 25.6 mata berikutan pengurangan dalam indikator kadar jenayah dan kemalangan jalan raya, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.7*. Indeks indikator kadar jenayah telah bertambah baik berikutan penurunan kadar jenayah sebanyak 2.1 peratus iaitu daripada 7.7 kes pada tahun 2000 kepada 6.0 kes bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.8*. Usaha menyeluruh yang berterusan telah diambil bagi mengurangkan kadar jenayah, antara lain, meningkatkan rondaan polis terutama di kawasan kadar jenayah yang tinggi, menjalankan operasi khas serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pengawasan di kawasan kejiranan secara sukarela.

Di samping itu, Program Bandar Selamat⁶ telah dilaksanakan bagi membantu pihak berkuasa tempatan memantau jenayah dan aktiviti sosial yang negatif.



Rajah 3.7 Indeks Komponen Keselamatan Awam




Indeks kemalangan jalan raya meningkat 32.3 mata. Bilangan kemalangan jalan raya berkurangan 1.2 peratus, iaitu daripada 23.6 pada tahun 2000 kepada 20.4 bagi setiap 1,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.8*. Pengurangan kadar ini adalah hasil daripada peningkatan penguatkuasaan, pemantauan aliran trafik menggunakan helikopter

dan kempen kesedaran. Penemuan *Malaysian Institute of Road Safety and Research (MIROS) Crash Investigation and Reconstruction Annual Statistical Report 2007-2010* mendapati punca utama kemalangan di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor manusia seperti pemanduan berisiko, melebihi had laju dan terlebih muatan.

⁶ Program Bandar Selamat telah dilaksanakan di 151 pihak berkuasa tempatan. Di antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pemisahan laluan pejalan kaki dan laluan motosikal serta pemasangan cermin keselamatan dan televisyen litar tertutup (CCTV).

Rajah 3.8 Indikator Keselamatan Awam



Walaupun komponen keselamatan dan ketenteraman awam menunjukkan peningkatan, namun masih terdapat pelbagai cabaran dalam aspek keselamatan dan ketenteraman untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Strategi khusus dilaksanakan untuk meningkatkan bina upaya anggota, peralatan dan sistem keselamatan dan ketenteraman awam.

KOTAK 3.3 INDEKS KEBIMBANGAN MENJADI MANGSA JENAYAH

Indeks Kebimbangan Menjadi Mangsa Jenayah bertujuan menentukan peratusan rakyat Malaysia yang berasa bimbang akan menjadi mangsa jenayah. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, tiga kaji selidik telah dilaksanakan ke atas lebih daripada 15,000 rakyat Malaysia di seluruh negara mengenai persepsi mereka terhadap perkhidmatan polis dan kebimbangan akan menjadi mangsa jenayah. Kaji selidik⁷ dilaksanakan secara rawak dari rumah ke rumah di kawasan bandar dan luar bandar dalam kalangan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Dalam kajian pertama yang dilaksanakan pada tahun 2009, indeks kebimbangan menjadi mangsa jenayah adalah 58.5 peratus dan berkurangan kepada 54.0 peratus pada tahun 2010 dan 52.5 peratus pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, indeks ini meningkat kepada 56.0 peratus pada tahun 2012.

Pengurangan indeks kebimbangan pada tahun 2010 dan 2011 adalah berikutan peningkatan kehadiran polis terutamanya di kawasan kadar jenayah yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, peratusan kebimbangan menjadi mangsa jenayah meningkat berikutan penyebaran secara meluas mengenai insiden jenayah melalui emel dan SMS serta pertambahan laman web yang mengesan dan melaporkan kejadian jenayah serta penjelasan atau panduan mengenai langkah-langkah mengelak menjadi mangsa jenayah. Selain itu, peningkatan amalan mempolitikkan kejadian jenayah dan inisiatif yang dilaksanakan bagi menangani jenayah telah meningkatkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah.

Sumber: Kementerian Dalam Negeri dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

⁷ Survei telah dilaksanakan oleh Taylor Nelson Sofres (TNS), syarikat pemasaran bebas antarabangsa di Malaysia beribu Pejabat di United Kingdom


Indeks Komponen Penyertaan Sosial

Penyertaan sosial merujuk kepada penglibatan dan interaksi orang ramai dengan masyarakat, seperti kesukarelaan, menderma dan penglibatan dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Penyertaan sosial juga termasuk penyertaan dalam aktiviti politik dan sosial yang dipengaruhi oleh faktor antaranya rangkaian sosial, semangat kekitaan dan tahap kepercayaan.

Indeks komponen penyertaan sosial merangkumi pengundi yang berdaftar, bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar, persatuan penduduk berdaftar serta keahlian Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan RakanCop. Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen penyertaan sosial meningkat 20.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.9*. Ini menunjukkan peningkatan kesedaran dan kesanggupan dalam kalangan rakyat untuk menyumbang secara aktif ke arah kesejahteraan masyarakat.



Rajah 3.9 Indeks Komponen Penyertaan Sosial




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan persatuan penduduk berdaftar	35.9
Keahlian RELA dan RakanCo	28.4
Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar	26.9
% pengundi berdaftar	-9.0

Indeks bagi peratusan pengundi berdaftar telah merosot 9.0 mata pada 2012. Pengundi berdaftar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 73.0 peratus pada tahun 2012 berbanding dengan 69.4 peratus pada tahun 2007, seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 3.10*. Pelbagai program kesedaran serta aktiviti promosi pendaftaran pengundi baharu menyumbang kepada peningkatan pengundi berdaftar.



Rajah 3.10 Indikator Penyertaan Sosial



Indeks indikator bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar meningkat 26.9 mata. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan peranan pertubuhan ini sebagai perantara untuk menyalurkan pendapat dan kehendak mereka secara lebih kolektif dan teratur. Di samping itu, menjelaskan kesanggupan individu untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial.

Bilangan persatuan penduduk berdaftar meningkat hampir dua kali, iaitu daripada 1,607 pada tahun 2000 kepada 4,542 pada tahun 2012. Pertambahan ini menyumbang kepada peningkatan ketara indeks indikator persatuan penduduk berdaftar iaitu 35.9 mata. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan bekerjasama untuk memastikan persekitaran masyarakat yang selamat.

Keahlian RELA dan RakanCop meningkat dengan ketara, iaitu daripada 12 keahlian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 103 keahlian pada tahun 2012 yang menyumbang kepada peningkatan indeks indikator sebanyak 28.4 mata. Peningkatan ini adalah selaras dengan pelancaran RakanCop pada tahun 2005 serta usaha untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam RELA. Inisiatif ini menyediakan peluang untuk masyarakat bekerjasama dengan pihak polis dalam pencegahan jenayah, mendapat pendidikan sivik dan meningkatkan kesedaran untuk mewujudkan persekitaran masyarakat yang selamat.

Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran penyertaan sosial. Usaha ini bagi memastikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat.

KOTAK 3.4 HUBUNGAN SOSIAL DALAM INDEKS BELIA MALAYSIA

Indeks Belia Malaysia (IBM) dibangunkan untuk menilai pembangunan belia di negara ini. Laporan IBM 2011 merupakan terbitan ketiga sejak terbitan pertama pada 2006. Hubungan sosial adalah satu daripada sembilan domain dalam IBM 2011 yang mengukur hubungan belia dengan ibu bapa/keluarga, masyarakat dan rakan. Dalam tempoh 2008-2011, skor domain hubungan sosial dikategorikan sebagai baik. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan kecil bagi indikator hubungan belia dengan ibu bapa/keluarga dan hubungan dengan rakan kecuali indikator hubungan belia dengan masyarakat yang meningkat 9.5 mata, seperti ditunjukkan dalam *Jadual B3.1*

Peningkatan hubungan belia dengan masyarakat mungkin disebabkan oleh kemajuan ICT terutamanya media sosial. Kemajuan ini telah membuka peluang kepada belia untuk mendapatkan akses kepada maklumat dengan cepat.

Usaha Kerajaan yang giat dalam membangunkan belia turut menyumbang kepada peningkatan hubungan belia dengan masyarakat, contohnya pelaksanaan program yang menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam sukan.

Jadual B3.1 Domain Hubungan Sosial

Indikator	Mata Indeks	
	2008	2011
Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	72.8	71.1
Hubungan dengan Masyarakat	54.4	63.9
Hubungan dengan Rakan	72.9	72.0
Skor IBM	73.5	69.0

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan


Indeks Komponen Kebudayaan

Kebudayaan memainkan peranan penting dalam pembinaan nusa bangsa dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh 2000-2012, indeks kebudayaan meningkat 20.3 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.11*. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh penambahan bilangan keahlian perpustakaan awam dan pelawat muzium.

Indeks bilangan keahlian perpustakaan awam meningkat 38.3 mata, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan minat membaca dalam kalangan rakyat, penambahan bilangan perpustakaan dan koleksi bahan bacaan serta penambahbaikan kemudahan di perpustakaan. Kaji Selidik Literasi Negara 2005 oleh Perpustakaan Negara menunjukkan rakyat Malaysia membaca secara purata lapan hingga 12 buku setahun berbanding dengan satu hingga dua buku setahun pada tahun 1996.



Rajah 3.11 Indeks Komponen Kebudayaan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Bilangan keahlian perpustakaan awam	38.3
Bilangan pelawat muzium	26.5
Bilangan pengunjung Istana Budaya	9.1
Bilangan pengunjung Kompleks Kraf	7.1

Pertambahan bilangan muzium dan penambahbaikan kemudahan galeri pameran telah meningkatkan minat terhadap sejarah dan kebudayaan dalam kalangan rakyat. Kedua-dua faktor ini berserta dengan pelaksanaan program promosi telah menyumbang kepada peningkatan

bilangan pelawat muzium, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.12*. Bilangan pelawat muzium meningkat daripada 73 orang pada tahun 2000 kepada 111 orang bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2012 dan ini meningkatkan indeks bilangan pelawat muzium sebanyak 26.5 mata.

Rajah 3.12 Indikator Kebudayaan



Bilangan pengunjung Kompleks Kraf meningkat daripada 13 orang bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2000 kepada 14 orang pada tahun 2012, antara lain, disebabkan oleh pertambahan minat dalam kalangan rakyat terhadap produk kraf yang baharu. Peningkatan ini telah menyumbang kepada pencapaian indeks bilangan pengunjung Kompleks Kraf sebanyak 7.1 mata pada tahun 2012.

Istana Budaya merupakan tempat pementasan untuk persembahan teater, tarian dan musik serta menyediakan latihan kepada bakat muda. Bilangan pengunjung Istana Budaya pula meningkat daripada 4 orang bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2000 kepada 5 orang pada tahun 2012. Peningkatan ini menyumbang kepada pencapaian indeks bilangan pengunjung Istana Budaya sebanyak 9.1 mata.

Indeks Komponen Kesihatan

Kesihatan rakyat adalah penting dalam mencapai objektif pembangunan ekonomi dan sosial negara. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan kesihatan sebagai "satu keadaan yang sempurna dalam aspek fizikal, mental dan kesejahteraan sosial dan bukan sekadar bebas daripada penyakit atau kerengsaan".


Kualiti kesihatan diukur melalui indeks komponen kesihatan yang terdiri daripada dua sub-komponen iaitu tahap kesihatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Empat indikator sub-komponen tahap kesihatan adalah jangkaan hayat ketika lahir, kadar kematian bayi, kadar kematian ibu bersalin dan bilangan kes penyakit tidak berjangkit (NCD). Tiga indikator sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah bilangan katil di hospital, nisbah doktor kepada penduduk dan tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar.

Dalam tempoh 2000-2012, status kesihatan rakyat Malaysia yang diukur melalui indeks komponen kesihatan meningkat 14.1 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.13*.

Indeks sub-komponen tahap kesihatan meningkat 9.8 mata manakala sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan meningkat 18.4 mata. Peningkatan ini hasil daripada sokongan Kerajaan yang berterusan bagi sektor kesihatan terutamanya dalam menggalakkan gaya hidup sihat dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan penyakit serta menyediakan perkhidmatan yang berkesan.



Rajah 3.13 Indeks Komponen Kesihatan




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Tahap kesihatan	9.8
Jangkaan hayat ketika lahir	47.0
Kadar kematian ibu bersalin	15.1
Kadar kematian bayi	-3.4
Bilangan kes penyakit tidak berjangkit	-19.4
Sub-komponen: Perkhidmatan penjagaan kesihatan	18.4
Tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar	39.7
Nisbah doktor kepada penduduk	32.9
Bilangan katil di hospital	-17.5

Indeks jangkaan hayat ketika lahir meningkat sebanyak 47.0 mata dalam tempoh 2000-2012. Jangkaan hayat ketika lahir rakyat Malaysia adalah 74.6 tahun pada 2012 berbanding 72.2 tahun pada 2000 seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.14*. Peningkatan jangka hayat ini disumbangkan oleh akses yang lebih baik kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, antara lain melalui penyediaan liputan imunisasi dan pelaksanaan program nutrisi yang menyeluruh dan peningkatan kesedaran penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat.



Rajah 3.14 Indikator Kesihatan



Dalam tempoh 2000-2012, indeks kadar kematian bayi di Malaysia berkurang sebanyak 3.4 mata berikutan berlaku sedikit peningkatan dalam kadar kematian bayi iaitu 6.5 pada tahun 2000 kepada 6.6 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.14*. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pertambahan jumlah kematian yang boleh dielakkan seperti kemalangan di rumah dan jalan raya. Walau bagaimanapun, kadar kematian bayi di Malaysia pada tahun 2012 ini adalah lebih rendah daripada negara-negara di Asia Tenggara kecuali Singapura, malah setara dengan kadar kematian bayi di negara berpendapatan tinggi⁸. Bagi mengurangkan lagi kadar kematian bayi, penyediaan akses kepada perkhidmatan penjagaan awal yang lebih baik, perluasan liputan imunisasi dan bilangan doktor, jururawat dan bidan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan kanak-kanak akan terus dipertingkatkan.

Indeks kadar kematian ibu bersalin meningkat sebanyak 15.1 mata berikutan pengurangan kadar kematian ibu bersalin bagi setiap 100,000 kelahiran hidup daripada 30.6 pada 2000 kepada 25.8 pada 2012. Pencapaian ini adalah hasil daripada inisiatif Kerajaan untuk menambah baik tahap kesihatan ibu mengandung, terutama pengesanan awal wanita mengandung yang berisiko tinggi, penyediaan pendidikan kesihatan dan pelaksanaan perancangan keluarga yang berkesan. Walau bagaimanapun, bagi mencapai sasaran 11 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup menjelang tahun 2015⁹, usaha yang lebih bersepadu perlu dilaksanakan.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks bilangan kes penyakit tidak berjangkit berkurang sebanyak 19.4 mata. Bilangan kes penyakit tidak berjangkit¹⁰ bagi setiap 1,000 penduduk meningkat daripada 7.2 kes pada 2000 kepada 8.4 kes pada 2012. Bilangan penyakit tidak berjangkit yang tinggi disebabkan oleh gaya hidup dan diet yang tidak sihat serta pengambilan tembakau dan alkohol. Pada tahun



2010, Malaysia mencatat peratusan penduduk yang mempunyai kandungan gula yang tinggi dalam darah, berat badan berlebihan dan obesiti yang paling tinggi di Asia Tenggara¹¹. Pada tahun 2011, terdapat 17,902 kematian atau 37.8 peratus daripada jumlah kematian adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit. Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit 2010-2014 telah digubal bagi mengukuhkan program pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit di seluruh negara.

Indeks nisbah doktor kepada penduduk Malaysia meningkat sebanyak 32.9 mata. Nisbah ini bertambah baik, iaitu seorang doktor bagi setiap 758 orang penduduk pada tahun 2012 berbanding dengan 1,504 orang penduduk pada tahun 2000. Nisbah ini dijangka semakin baik menjelang tahun 2015, iaitu seorang doktor bagi setiap 600 orang penduduk. Pada tahun 2010, nisbah doktor kepada penduduk di negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom adalah kecil, iaitu satu nisbah kurang daripada 400.

Indeks tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar meningkat sebanyak 39.7 mata. Purata waktu menunggu di hospital Kerajaan telah berkurang daripada 108 minit pada tahun 2000 kepada 34 minit pada tahun 2012. Waktu menunggu yang lebih singkat menunjukkan peningkatan kecekapan pengurusan pesakit luar dan sumber di hospital Kerajaan.

⁸ World Health Statistics 2013

⁹ Millennium Development Goals

¹⁰ Bilangan kes yang didiscaj di 140 hospital awam

¹¹ WHO Global Status Report on Non-Communicable Diseases 2010

Indeks bilangan katil di hospital berkurang 17.5 mata. Sejak tahun 2002, bilangan katil di hospital bagi setiap 1,000 orang penduduk di Malaysia adalah 1.9 buah. Pada tahun 2012, daripada 56,000 buah katil di hospital, 75 peratus daripadanya adalah di hospital Kerajaan. Dalam kalangan negara Asia Tenggara, Brunei dan Singapura mempunyai bilangan katil tertinggi iaitu 2.7 bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2010. Dalam tempoh 2000-2012, peningkatan indeks komponen kesihatan menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem kesihatan di Malaysia dalam menyediakan peningkatan akses dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat.



KOTAK 3.5 PENYAKIT YANG BERKAITAN DENGAN GAYA HIDUP

Status kesihatan di Malaysia telah mengalami penambahbaikan yang ketara seperti ditunjukkan oleh jangkaan hayat ketika lahir yang lebih tinggi, kadar penyakit boleh cegah yang lebih rendah dan kadar kematian yang berkurangan. Walau bagaimanapun, tekanan hidup masa kini, tabiat pemakanan yang tidak baik, kekurangan tidur, penggunaan tembakau, pengambilan alkohol dan tidak melakukan senaman yang mencukupi, telah menjejaskan kesihatan rakyat dan meningkatkan penyakit berkaitan gaya hidup.

Penyakit berkaitan gaya hidup, antara lain tekanan darah tinggi, diabetes jenis 2, aterosklerosis (pengerasan arteri), sakit jantung, strok dan penyakit mental. Penyakit ini boleh menyebabkan hilang upaya, meningkatkan kebergantungan dan kematian pra-matang.

Berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional (NHMS) 2011, Malaysia dilaporkan mempunyai penghidap penyakit kronik yang tinggi terutamanya diabetes jenis 2, kolesterol tinggi dan tekanan darah tinggi. Pada tahun 2010, lebih kurang 40 peratus kematian di Malaysia disebabkan oleh penyakit kronik berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat. Kajian ini juga menunjukkan penghidap diabetes di Malaysia meningkat dengan ketara daripada 1.4 juta pada tahun 2006 kepada 1.8 juta pada tahun 2010. Menjelang tahun 2030, penghidap diabetes di Malaysia dijangka meningkat kepada 2.5 juta. Penyakit

ini menyebabkan hampir 24,000 kematian pada 2010. Selain itu, kajian menunjukkan seramai 2.6 juta orang dewasa adalah obes dan hampir setengah juta daripada penduduk berumur di bawah 18 tahun mempunyai berat badan yang berlebihan. Penemuan kajian juga mendapati trend obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah membimbangkan. Seramai lebih kurang 5.8 juta rakyat Malaysia juga dilaporkan mengalami tekanan darah tinggi dan 6.2 juta mempunyai kolesterol tinggi.

Kira-kira 11 peratus rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 60 tahun menderita pelbagai jenis penyakit mental termasuk tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Antara penyebab utama penyakit mental di Malaysia ialah masalah kewangan dan beban kerja. Data *National Suicide Registry* menunjukkan kes membunuh diri meningkat daripada 113 kes pada tahun 2007 kepada 425 kes pada tahun 2010.

Kerajaan menyedari pengurusan penyakit berkaitan gaya hidup mempunyai cabaran yang besar. Oleh itu, Kerajaan sedang melaksanakan usaha ke arah meningkatkan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan orang awam tentang kepentingan kesihatan dan amalan gaya hidup sihat.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Indeks Komponen Alam Sekitar


Peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat yang berterusan bukan sahaja bergantung kepada kepesatan pembangunan ekonomi, tetapi juga tahap pemuliharaan alam sekitar secara mampan.

Indeks komponen alam sekitar meningkat 7.3 berikutan prestasi baik daripada indikator alam sekitar, iaitu kualiti air, kualiti udara, peratusan kawasan berhutan dan purata suhu maksimum, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.15*.

Walau bagaimanapun, peningkatan kuantiti sisa berjadual menjejaskan indeks komponen alam sekitar.



Rajah 3.15 Indeks Komponen Alam Sekitar



INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Kualiti air	43.4
Purata suhu maksimum	10.7
% kawasan berhutan	4.0
Kualiti udara	0.7
Kuantiti sisa berjadual	-22.6

Dalam tempoh 2000-2012, indeks kualiti air meningkat 43.4 mata. Peratusan sungai dipantau yang mencatat air bersih¹² meningkat daripada 28.3 peratus pada tahun 2000 kepada 58.3 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan program pencegahan pencemaran dan program promosi seperti "Kempen Cintailah Sungai Kita". Program ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kualiti air sungai tetapi juga memulihara ekosistem semulajadi dan faedahnya. Penguatkuasaan undang-undang secara tegas

dan berterusan dilaksanakan untuk mencegah pencemaran yang berpunca daripada pelepasan kumbahan, air sisa domestik, penerokaan dan kerja tanah dan aktiviti pertanian, penternakan dan perkilangan serta bahan buangan industri.

Indeks kualiti udara meningkat sebanyak 0.7 mata. Peratusan stesen yang mencatat Indeks Pencemaran Udara¹³ (IPU) kurang daripada 50 meningkat daripada 73.4 peratus pada tahun 2000 kepada 73.9 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan

¹² Indeks Kualiti Air (WQI) digunakan untuk menilai status kualiti air sungai di Malaysia. Indeks ini berfungsi sebagai asas kepada penilaian persekitaran laluan air berkaitan dengan pengkategorian beban pencemaran dan pengelasan tahap kegunaan berfaedah. Lembangan sungai yang dikawal adalah dikelaskan kepada tiga kategori iaitu bersih, sederhana tercemar dan tercemar.


¹³ Indikator data IPU diubah dan indeks pencemaran udara menjadi mudah difahami oleh orang awam. Tahap pencemaran udara ditentukan berdasarkan kepada teknik ukuran kualiti udara persekitaran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan dinyatakan dalam julat nombor dan warna untuk menggambarkan keadaan kualiti udara setiap hari untuk kawasan di seluruh Malaysia iaitu hijau (0-50) bermaksud baik; kuning (51-100): sederhana; jingga (101-200): tidak sihat; merah (201-300): sangat tidak sihat; dan merah gelap (>300): berbahaya.

dalam *Rajah 3.16*. Peningkatan kualiti udara ini disebabkan oleh penguatkuasaan yang berterusan, pembinaan sistem pemantauan kualiti udara yang berkesan dan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan udara bersih. Selain pencemaran daripada sumber domestik, masalah jerebu yang merentas sempadan turut menjejaskan kualiti udara.

Indeks peratusan kawasan berhutan meningkat sebanyak 4.0 mata. Kawasan berhutan meningkat daripada 56.4 peratus pada tahun 2000 kepada 57.2 peratus pada tahun 2012.

Kerajaan komited untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan negara adalah kawasan berhutan untuk manfaat generasi masa depan. Sehubungan ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pelaksanaan kempen "Penanaman 26 Juta Pokok" serta pewujudan *Central Forest Spine* bagi menghasilkan rangkaian ekologi yang menghubungkan empat kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia dan *Heart of Borneo* untuk mengurus dan memulihara tanah tinggi merentas Borneo.

Rajah 3.16 Indikator Alam Sekitar



Indeks kuantiti sisa berjadual berkurang sebanyak 22.6 mata. Kuantiti sisa berjadual¹⁴ meningkat daripada 0.01 tan per kapita pada tahun 2000 kepada 0.06 tan per kapita pada tahun 2012. Kempen bagi meningkatkan kesedaran terhadap penghasilan, rawatan dan pelupusan sisa buangan melalui kaedah yang mesra alam dengan menggunakan teknologi terbaik akan terus dilaksanakan.

Pada masa yang sama, pelbagai usaha untuk terus menggalakkan penggunaan sisa buangan sebagai sumber dan amalan "kurang, guna semula dan kitar semula" (3R) sedang dilaksanakan melalui dasar,

undang-undang dan penyediaan infrastruktur yang diperlukan. Strategi untuk membudayakan penggunaan dan pengeluaran yang mampan juga sedang dibangunkan untuk menjayakan usaha ini.

Dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat, ketiga-tiga tonggak pembangunan mampan, iaitu pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan pemuliharaan alam sekitar perlu diberi penekanan yang seimbang. Oleh itu, langkah untuk meningkatkan daya saing negara di samping usaha mengekalkan alam sekitar dan sumber semulajadi akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.



¹⁴ Kuantiti sisa berjadual merujuk kepada sisa buangan disenarai di First Schedule Environmental Quality Regulation (Scheduled Waste) 2005. Ia juga merujuk kepada sisa toksik dan bahan-bahan berbahaya yang dihasilkan industri, pertanian, bengkel, sisa buangan kontraktor berjadual, aktiviti domestik dan sisa buangan klinikal dari hospital

KOTAK 3.6 PELAKSANAAN PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MAMPAN (SCP) DI MALAYSIA

Malaysia menerajui konsep penggunaan dan pengeluaran secara mampan (Sustainable Consumption and Production - SCP) selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi pemimpin global dalam revolusi hijau dan pada masa yang sama mematuhi Agenda 21 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menetapkan langkah strategik ke arah menggalakkan pembangunan mampan. SCP bertujuan memperoleh manfaat yang "lebih banyak dan lebih baik" melalui pengurangan penggunaan sumber, kerosakan dan pencemaran di sepanjang kitaran hayat barang dan perkhidmatan.

Pelaksanaan SCP memerlukan perubahan besar dalam sikap pengguna dan pengeluar, iaitu menerima dan mengguna pakai amalan lestari. Negara bukan sahaja perlu menumpukan usaha kepada mencapai matlamat penggunaan sumber yang cekap, pengurangan pencemaran dan meminimumkan kemerosotan, tetapi juga memastikan keperluan asas pengguna dipenuhi.

Langkah yang telah diambil bagi menggalakkan SCP adalah seperti berikut:

i. Menggalakkan pengeluaran dan penggunaan teknologi yang lebih mesra alam

- Pangkalan Data Inventori Kitaran Hidup Kebangsaan sedang dibangunkan untuk membantu industri utama membangunkan Pendekatan Kitaran Hidup dalam proses pembuatan dan produk seperti aktiviti penjanaan elektrik, bekalan air, penerokaan dan pengeluaran petroleum dan gas asli serta petrokimia; dan
- Pengauditan terhadap pengeluaran yang lebih mesra alam dan kecekapan tenaga telah dilaksanakan di seluruh negara. Pengauditan ini dijalankan ke atas sebahagian besar perusahaan kecil dan sederhana untuk membina model loji pengeluaran yang lebih mesra alam di setiap negeri. Model ini khusus untuk industri makanan dan minuman dengan memberi tumpuan kepada penjimatan sumber dan input dan mengurangkan pencemaran di peringkat sumber.

ii. Memulihara dan menggunakan sumber hutan dan biodiversiti secara mampan

- Malaysia merupakan antara negara yang pertama membangunkan amalan pengurusan hutan yang

menyeluruh bagi memastikan hasil daripada sumber hutan diperoleh secara berterusan dan mampan di samping melindungi persekitaran biodiversiti; dan

- Kriteria dan Indikator Malaysia (MC & I) telah dibangunkan bagi memastikan produk kayu yang dihasilkan adalah diperoleh daripada hutan yang diurus secara mampan dan mematuhi keperluan pengguna.

iii. Menggalakkan amalan pertanian secara mampan

- Persidangan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan (Roundtable on Sustainable Palm Oil - RSPO) telah diwujudkan oleh pihak industri sebagai platform kepada penanam kelapa sawit untuk mengenal pasti dan menerima pakai amalan terbaik penanaman kelapa sawit; dan
- Skim akreditasi pertanian diperkenalkan untuk memastikan petani atau peladang mengguna pakai teknik pertanian yang baik seperti mengurangkan penggunaan bahan kimia dan bahan berbahaya.

iv. Mengukuhkan Dasar SCP dan rangka kerja institusi

- Rangka Kerja Dasar SCP Kebangsaan, 2012-2016 sedang digubal bagi menyelaraskan dan membolehkan pelaksanaan SCP di Malaysia.

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Indeks Komponen Keluarga


Keluarga merupakan unit asas sosial yang membentuk masyarakat yang kukuh dan negara yang berdaya tahan. Kesejahteraan keluarga boleh diukur berdasarkan keupayaan memenuhi melalui keperluan sosial, emosi dan kewangan keluarga.

Dua sub-komponen digunakan untuk mengukur kesejahteraan keluarga, iaitu institusi keluarga dan kedudukan kewangan keluarga. Tiga indikator sub-komponen institusi keluarga adalah kadar perceraian, kes keganasan rumahtangga dan jenayah juvana. Tiga indikator untuk sub-komponen kedudukan kewangan keluarga adalah pendapatan

bulanan purata isi rumah, hutang isi rumah per kapita dan nisbah tanggungan.

Dalam tempoh 2000-2012, indeks komponen keluarga hanya meningkat 4.6 mata, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.17*. Indeks sub-komponen kedudukan kewangan keluarga meningkat 15.2 mata berikutan peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah dan nisbah tanggungan. Walau bagaimanapun, indeks sub-komponen institusi keluarga berkurang sebanyak 6.1 mata disebabkan peningkatan dalam kadar perceraian dan jenayah juvana.

Rajah 3.17 Indeks Komponen Keluarga




INDIKATOR	Perubahan Mata Indeks (2000-2012)
Sub-komponen: Institusi	-6.1
Kes keganasan rumahtangga	34.0
Nisbah perceraian	-21.9
Jenayah juvana	-30.1
Sub-komponen: Kedudukan kewangan	15.2
Purata pendapatan isi rumah sebulan	40.3
Nisbah tanggungan	35.5
Hutang isi rumah per kapita	-30.1

Indeks kadar perceraian merosot sebanyak 21.9 mata. Kadar perceraian dalam kalangan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas meningkat daripada 0.11 peratus pada tahun 2000 kepada 0.18 peratus pada tahun 2012, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.18*. Kurang pemahaman terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri, campur

tangan pihak ketiga dan faktor ekonomi merupakan antara penyebab kepada peningkatan kadar perceraian. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan bagi memperkuhi institusi keluarga seperti program pra-perkahwinan SMART START, Keluarga@Kerja dan modul Kukuh Akhlak Sihat Ilmu Harmoni (KASIH).

Rajah 3.18 Indikator Keluarga



 Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata

Indeks kes keganasan rumahtangga meningkat 34.0 mata berikutan pengurangan kes keganasan rumahtangga bagi setiap 100,000 penduduk daripada 19 kes pada tahun 2000 kepada 12 kes pada tahun 2012. Pengurangan ini hasil daripada pindaan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 serta inisiatif termasuk pewujudan Talian NUR 15999 bagi memudahkan aduan dan pertanyaan, pelaksanaan program pengurusan konflik dan tekanan serta penyediaan khidmat kaunseling.

Indeks jenayah juvana berkurang 30.1 mata disebabkan oleh peningkatan kes jenayah juvana dalam kalangan penduduk berumur 10 hingga 18 tahun, iaitu daripada 0.09 peratus pada 2000 kepada 0.16 peratus pada 2012. Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Keempat (Ke-4) oleh LPPKN, kurang bimbingan dan perhatian ibu bapa serta keruntuhan institusi keluarga merupakan punca utama peningkatan jenayah juvana. Selain itu, peningkatan ini disebabkan oleh faktor seperti pengaruh rakan sebaya, elemen keganasan yang dipaparkan dalam media dan amalan gaya hidup mewah, serta kurang kemahiran mengurus kemarahan dan tekanan. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan untuk membendung jenayah juvana seperti Sekolah Angkat Polis DiRaja Malaysia dan Sekolah Selamat. Program ini bertujuan mendidik pelajar agar tidak terlibat dalam kegiatan jenayah serta meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan pelajar.

Indeks pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat 40.3 mata berikutan peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah hampir sekali ganda, iaitu daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM5,000 pada tahun 2012. Dalam tempoh ini, pendapatan isi rumah meningkat pada kadar 5.5 peratus setahun lebih tinggi daripada kadar inflasi 2.2 peratus, menggambarkan kuasa beli isi rumah yang lebih tinggi. Dalam tempoh yang sama, pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.7 peratus setahun telah mewujudkan lebih banyak

peluang pekerjaan. Di samping itu, pencapaian akademik yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja membolehkan mereka mendapat upah yang lebih tinggi dan secara langsung meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah.


Indeks hutang isi rumah per kapita berkurang 30.1 mata. Jumlah hutang isi rumah per kapita meningkat daripada RM7,035 pada tahun 2000 kepada RM25,731 pada tahun 2012, iaitu sebanyak 11.4 peratus setahun disebabkan peningkatan pinjaman untuk membeli rumah dan kereta. Jumlah pinjaman ini merupakan hampir 60 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang isi rumah pada tahun 2012. Oleh itu, bagi membendung peningkatan hutang isi rumah yang berterusan, beberapa langkah telah diambil termasuk memperketat prosedur pinjaman dengan memendekkan tempoh pinjaman peribadi dan pembelian hartanah. Selain itu, garis panduan baharu kad kredit telah diperkenalkan bagi membolehkan pengurusan kewangan dan hutang yang berhemah dalam kalangan pengguna kad kredit.

Indeks nisbah tanggungan pula meningkat 35.5 mata. Nisbah tanggungan¹⁵ berkurangan daripada 61 orang pada tahun 2000 kepada 46 orang bagi setiap 100 penduduk umur bekerja pada tahun 2012. Pengurangan ini disebabkan oleh pertambahan bilangan penduduk umur bekerja, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3.19*. Ini menunjukkan bilangan tanggungan oleh isi rumah semakin berkurangan yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan keluarga.



¹⁵ Nisbah tanggungan merujuk kepada peratus bilangan penduduk berumur 15 tahun dan ke bawah dan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas kepada jumlah penduduk umur bekerja (15 hingga 64)

Rajah 3.19 Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur



Pencapaian indeks komponen keluarga yang rendah ini menjelaskan bahawa tumpuan yang lebih besar perlu diberikan bagi menangani isu-isu yang boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga. Bagi tujuan ini, pelaksanaan strategi khusus berdasarkan kumpulan sasaran perlu dipergiat untuk memperkukuh lagi institusi keluarga.



KOTAK 3.7 INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2011

Institusi keluarga yang kukuh dan mampu menghadapi cabaran kehidupan masa kini merupakan aspek penting dalam mewujudkan masyarakat yang progresif dan inklusif di Malaysia. Banyak contoh yang menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi bukan sahaja memberi kebaikan, malah boleh mengakibatkan kemudaratan terhadap institusi keluarga. Banyak negara maju telah mengalami kemerosotan dalam aspek institusi keluarga akibat daripada tumpuan terhadap pencapaian pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Pada hakikatnya, institusi keluarga mempunyai peranan yang penting dalam meningkatkan keupayaan sesebuah negara untuk memanfaatkan peluang serta menghadapi cabaran perubahan ekonomi semasa.

Malaysia telah melalui proses pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang sama sepertimana kebanyakan negara lain. Proses ini telah mewujudkan pelbagai cabaran kepada institusi keluarga yang menjejaskan peranan penting institusi ini dalam membentuk masyarakat yang progresif dan inklusif. Oleh itu, menilai status semasa kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah penting bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan usaha membendung kemerosotan yang lebih besar pada masa hadapan. Bagi tujuan ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Memandangkan kesejahteraan keluarga merupakan satu konsep yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan individu dan keluarga, maka IKK dibangunkan berasas kepada tujuh domain, iaitu Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi

Keluarga, Keluarga dan Agama/Kerohanian, Keluarga dan Komuniti, Keselamatan Keluarga, Kesihatan Keluarga serta Keluarga dan Persekitaran. Bagi memperoleh data yang bersesuaian untuk pembangunan IKK, satu kajian khusus telah dilaksanakan yang melibatkan 5,616 responden daripada 2,808 isi rumah yang terdiri daripada 1,484 bapa, 1,324 ibu serta 2,808 kanak-kanak dan belia yang berumur antara 13 hingga 24 tahun.

Secara keseluruhannya, IKK 2011 mencatat 7.6 mata daripada skor maksimum 10 mata, menunjukkan bahawa keluarga di Malaysia mempunyai kadar kesejahteraan keluarga yang tinggi. Daripada tujuh domain tersebut, domain Keluarga dan Agama/Kerohanian mencatat skor yang tertinggi, diikuti oleh domain Keluarga dan Komuniti dan Hubungan Kekeluargaan, Keselamatan Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keluarga dan Persekitaran serta Ekonomi Keluarga, seperti ditunjukkan dalam *Jadual B3.2*. Bagi indikator pula, Peranan Agama mencatat skor tertinggi diikuti oleh Hubungan Suami/Isteri dan Fungsi Keluarga. Indikator yang mencatat skor terendah adalah Tabungan Masa Depan di bawah domain Ekonomi Keluarga.

Kajian ini juga menilai persepsi terhadap tahap kesejahteraan keluarga lima tahun akan datang. Hasil penemuan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga akan meningkat daripada 7.8 mata kepada 8.9 mata dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini menunjukkan keyakinan keluarga di Malaysia bahawa tahap kesejahteraan keluarga mereka akan berada dalam keadaan yang lebih baik pada masa hadapan.

Jadual B3.2 Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011: Skor bagi Domain dan Indikator

No	Komponen	Indikator	Skor
1	HUBUNGAN KEKELUARGAAN		7.80
		Hubungan suami / isteri	8.46
		Fungsi keluarga	8.44
		Daya tahan keluarga	8.05
		Penglibatan ibu bapa	7.89
		Masa bersama keluarga	7.35
		Imbangan kerja dan keluarga	6.71
2	EKONOMI KELUARGA		6.90
		Taraf hidup keluarga	7.61
		Situasi ekonomi keluarga	7.54
		Tiada beban hutang	6.31
		Tabungan masa depan	6.14
3	KESIHATAN KELUARGA		7.38
		Tahap kesihatan keluarga	7.93
		Pengurusan stress	7.23
		Amalan kesihatan keluarga	6.98
4	KESELAMATAN KELUARGA		7.39
		Rasa selamat dalam rumah	8.07
		Keselamatan keluarga	7.39
		Pengetahuan kecemasan	6.71
5	KELUARGA DAN KOMUNITI		7.80
		Hubungan dengan komuniti	8.00
		Kerjasama dalam komuniti	7.75
		Penglibatan dalam komuniti	7.75
6	KELUARGA DAN AGAMA/KEROHANIAN		8.28
		Peranan agama	8.50
		Amalan kerohanian	8.00
7	KELUARGA DAN PERSEKITARAN		7.28
		Kemudahan asas	7.53
		Tahap pencemaran	7.02
Indeks Kesejahteraan Keluarga			7.55

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



4. PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MENJANA KESEJAHTERAAN

Pendahuluan

Malaysia melaksanakan pelbagai dasar pembangunan sosioekonomi untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sejak Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama pada tahun 1971. Kejayaan dasar ini dapat dilihat menerusi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 6.3 peratus setahun bagi tempoh 1970 hingga 2012. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pula meningkat daripada RM1,197 kepada RM30,856 iaitu sebanyak 25 kali dalam tempoh yang sama.

Pertumbuhan ekonomi boleh menghasilkan kemakmuran hanya sekiranya ia dapat meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Pengalaman kebanyakan negara di dunia menyokong dakwaan bahawa pertumbuhan ekonomi tidak semestinya mempunyai hubung kait secara langsung dengan peningkatan kesejahteraan¹⁶. Terdapat negara yang mencatat tahap kesejahteraan yang rendah walaupun berstatus negara berpendapatan tinggi. Manakala, terdapat juga negara yang menikmati kedua-dua tahap pendapatan dan kesejahteraan yang tinggi.

Faedah pertumbuhan ekonomi yang optimum hanya boleh dicapai apabila setiap rakyat dapat menikmati faedah tersebut. Oleh itu, penelitian terhadap arah dan magnitud penjanaaan kesejahteraan daripada pertumbuhan ekonomi adalah perlu dalam membuat pengubahsuaian dasar. Dalam bab ini, kajian ke atas penjanaaan kesejahteraan daripada pertumbuhan ekonomi dilaksanakan melalui analisis hubung kait KDNK dengan IKRM termasuk 14 komponennya.

Pertumbuhan ekonomi didefinisikan sebagai peningkatan keluaran negara benar berikutan daripada peningkatan dalam nilai keluaran barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah ekonomi. Pertumbuhan ekonomi bersifat kuantitatif yang diukur menggunakan pendapatan (KDNK) atau pendapatan negara. Pembangunan ekonomi

pula merupakan konsep normatif dan didefinisikan sebagai peningkatan dalam standard kehidupan termasuk peningkatan pendapatan dan harga diri, bebas daripada penindasan dan mempunyai lebih banyak pilihan (Todaro & Smith, 2009). IKRM yang mengambil kira pencapaian dalam bidang sosial, alam sekitar dan ekonomi yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat adalah merupakan pelengkap kepada pengukuran konvensional pertumbuhan ekonomi.

Peningkatan kadar literasi, pengurangan kadar kematian bayi dan kemiskinan dan capaian lebih baik terhadap kemudahan asas seperti bekalan air terawat dan bekalan elektrik, memberi gambaran secara tidak langsung faedah yang diperoleh daripada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, penilaian hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan IKRM bertujuan menilai tahap tindak balas kesejahteraan terhadap perubahan pendapatan. Indikator kesejahteraan boleh berubah secara selari atau bertentangan dengan perubahan pendapatan. Sebagai contoh, kemerosotan alam sekitar sering dikaitkan dengan eksploitasi sumber secara berlebihan. Di negara seperti Emiriyah Arab Bersatu, Amerika Syarikat dan Kanada, kelestarian ekosistem mempunyai hubung kait negatif dengan KDNK per kapita (Porter, Stern & Loria, 2013).

¹⁶ Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada *From Wealth to Well-being* (Boston Consultancy Group, 2012) dan *The Social Progress Index 2013* (Porter, Stern dan Loria, 2013)

Metodologi

Analisis hubung kait antara KDNK dengan indeks kesejahteraan—dibuat melalui dua peringkat. Peringkat pertama ialah mengira korelasi antara pembolehubah. Korelasi menunjukkan wujudnya hubung kait yang bermakna antara pembolehubah. Pengiraan ini dibuat berdasarkan andaian hubung kait antara pembolehubah adalah linear. Peringkat

kedua, memeriksa keanjalan setiap indeks terhadap perubahan KDNK. Koefisien keanjalan mengukur magnitud perubahan indeks berikutan perubahan KDNK. Keterangan lanjut mengenai metodologi untuk menganalisis hubung kait antara KDNK dengan indeks kesejahteraan adalah seperti di *Lampiran 1: Nota Teknikal*.

Korelasi antara KDNK dengan IKRM

Berdasarkan data bagi tahun 2000 hingga 2012, ujian korelasi antara KDNK dengan IKRM menunjukkan terdapat hubung kait yang kukuh antara pembolehubah.

Jadual 4.1 menunjukkan IKRM dan kedua-dua indeks sub-komposit mempunyai hubung kait positif dengan KDNK, sama ada pada harga semasa atau harga benar atau pada lag masa berbeza. Ini bermakna pertumbuhan ekonomi adalah

selari dengan pembangunan ekonomi. Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mencatat peningkatan lebih tinggi berbanding indeks sub-komposit kesejahteraan sosial. Ini kerana terdapat indikator dalam sub-komposit kesejahteraan ekonomi yang dipengaruhi secara langsung oleh pendapatan seperti pendapatan bulanan purata isi rumah dan koefisien Gini, langganan Internet dan pemilikan kenderaan persendirian.

Jadual 4.1 Korelasi antara IKRM dan Indeks Sub-komposit dengan KDNK


Indeks	KDNK benar	KDNK benar (pada lag 1 tahun)	KDNK benar (pada lag 2 tahun)
IKRM	0.9944*	0.9853*	0.9821*
Kesejahteraan Ekonomi	0.9975*	0.9910*	0.9786*
Kesejahteraan Sosial	0.9842*	0.9719*	0.9756*
Indeks	KDNK semasa	KDNK semasa (pada lag 1 tahun)	KDNK semasa (pada lag 2 tahun)
IKRM	0.9895*	0.9776*	0.9762*
Kesejahteraan Ekonomi	0.9930*	0.9807*	0.9638*
Kesejahteraan Sosial	0.9792*	0.9670*	0.9784*

*Nota : * Signifikan pada aras keyakinan 5%*

KDNK (pada harga semasa), IKRM, indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi dan indeks sub-komposit kesejahteraan sosial menunjukkan trend yang meningkat, seperti dalam *Rajah 4.1*. KDNK mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata 8.1 peratus bagi tempoh 2000 hingga 2012.

IKRM pula berkembang pada kadar purata 1.9 peratus setahun yang disumbangkan oleh indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi pada 2.4 peratus dan indeks sub-komposit kesejahteraan sosial pada 1.6 peratus.

Rajah 4.1 Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata KDNK, IKRM dan Indeks Sub-komposit



Kesejahteraan sosial rakyat terus mencatat trend yang meningkat walaupun ekonomi mengalami beberapa kejutan pertumbuhan dalam tempoh 12 yang lepas. Pada tahun 2009, walaupun KDNK menguncup 1.9 peratus ekoran kemelesetan ekonomi global, kesejahteraan sosial mencatat peningkatan 1.35 mata. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh komitmen Kerajaan yang berterusan dalam menyediakan sumber yang mencukupi kepada sektor sosial¹⁷ demi faedah rakyat.

Kesemua komponen IKRM mencatat korelasi yang signifikan dan positif dengan KDNK kecuali komponen keluarga dan komponen alam sekitar. *Jadual 4.2* menunjukkan hubung kait yang kukuh antara komponen dengan KDNK benar atau semasa pada lag masa yang berbeza. KDNK dan kesejahteraan berhubung kait secara serentak seperti ditunjukkan oleh nilai korelasi yang lebih rendah pada lag dua tahun.

¹⁷ Merujuk kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk pendidikan dan latihan, kesihatan dan perumahan awam

Jadual 4.2 Korelasi antara Indeks Komponen dengan KDNK


Indeks	KDNK benar	KDNK benar (pada lag 1-tahun)	KDNK benar (pada lag 2-tahun)	KDNK semasa	KDNK semasa (pada lag 1-tahun)	KDNK semasa (pada lag 2-tahun)
1. Pendapatan dan Pengagihan	0.9897*	0.9802*	0.9638*	0.9866*	0.9620*	0.9426*
2. Persekitaran Kerja	0.9524*	0.9369*	0.9038*	0.9481*	0.9192*	0.8801*
3. Pengangkutan	0.9918*	0.9886*	0.9789*	0.9873*	0.9844*	0.9680*
4. Komunikasi	0.9399*	0.9291*	0.9216*	0.9429*	0.9356*	0.9238*
5. Kesihatan	0.9658*	0.9735*	0.9766*	0.9753*	0.9704*	0.9677*
Tahap Kesihatan	0.8757*	0.8141*	0.7564*	0.8738*	0.7832*	0.7358*
Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	0.9348*	0.9644*	0.9852*	0.9482*	0.9719*	0.9814*
6. Pendidikan	0.9823*	0.9757*	0.9647*	0.9695*	0.9572*	0.9445*
Kesaksamaan Pendidikan	0.9731*	0.9640*	0.9548*	0.9591*	0.9475*	0.9379*
Kualiti Pendidikan	0.9802*	0.9731*	0.9565*	0.9686*	0.9529*	0.9331*
7. Perumahan	0.9204*	0.9502*	0.9807*	0.9051*	0.9431*	0.9761*
8. Keluarga	0.7769*	0.6887*	0.5912	0.7682*	0.6471*	0.5969
Institusi Keluarga	-0.2908	-0.4425	-0.5289	-0.2961	-0.4857	-0.5095
Kedudukan Kewangan Keluarga	0.9932*	0.9922*	0.9931*	0.9876*	0.9829*	0.9829*
9. Penglibatan Sosial	0.6172*	0.6062*	0.6594*	0.6295*	0.6344*	0.6997*
10. Keselamatan Awam	0.8082*	0.7578*	0.7497*	0.8022*	0.7642*	0.7729*
11. Kebudayaan	0.9535*	0.9692*	0.9804*	0.9512*	0.9646*	0.9754*
12. Alam Sekitar	0.5810*	0.4163	0.2427	0.5712*	0.3663	0.2121
13. Liburan	0.9870*	0.9760*	0.9554*	0.9808*	0.9535*	0.9308*
14. Tadbir Urus	0.9543*	0.9436*	0.9655*	0.9455*	0.9438*	0.9687*

Nota : * Signifikan pada aras keyakinan 5%

Indeks sub-komponen institusi keluarga mempunyai hubung kait yang lemah dan negatif dengan KDNK. Ini berkemungkinan disebabkan oleh hubungan yang tidak linear antara pembolehubah. Daripada

tiga indeks indikator di bawah sub-komponen institusi keluarga, hanya indeks keganasan rumahtangga mencatat trend yang selari dengan KDNK, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 4.2*.

Rajah 4.2 Trend bagi Indikator Institusi Keluarga dan KDNK



Keanjalan Pendapatan dengan Kesejahteraan

Meskipun hubungan korelasi yang tinggi antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan memberi gambaran wujudnya hubung kait yang kukuh antara keduanya, adalah lebih bermakna sekiranya magnitud hubung kait tersebut diuji menggunakan hipotesis hukum sebab akibat. Bagi tujuan ini, salah satu kaedah yang diguna pakai ialah mengkaji keanjalan indeks iaitu perubahan indeks kepada perubahan KDNK. IKRM meningkat 0.21 peratus bagi setiap satu peratus peningkatan dalam KDNK pada harga semasa, seperti yang ditunjukkan oleh nilai koefisien keanjalan dalam *Jadual 4.3*. Ini membuktikan pertumbuhan ekonomi sepanjang tempoh 12 tahun lalu telah meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pencapaian ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan pelbagai strategi dan

program Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada sektor sosial dalam pengagihan peruntukan, iaitu lebih kurang 30 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan.

Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mencatat peningkatan 0.28 peratus bagi setiap satu peratus peningkatan dalam KDNK pada harga semasa. Indeks sub-komposit kesejahteraan sosial pula meningkat 0.16 peratus bagi setiap satu peratus peningkatan dalam KDNK pada harga semasa. Nilai keanjalan yang lebih rendah ini mungkin dipengaruhi oleh peningkatan yang kecil dalam komponen di bawah sub-komposit kesejahteraan sosial seperti keluarga, kesihatan dan alam sekitar.

Jadual 4.3 Keanjalan IKRM dan Indeks Sub-komposit kepada KDNK


Indeks	KDNK semasa	KDNK semasa (pada lag 1 tahun)	KDNK semasa (pada lag 2 tahun)
IKRM	0.21*	0.21*	0.21*
Kesejahteraan Ekonomi	0.28*	0.28*	0.27*
Kesejahteraan Sosial	0.16*	0.16*	0.16*

Nota : * Signifikan pada aras keyakinan 5%

Trend yang positif dari segi hubungan KDNK dengan kesejahteraan juga boleh dilihat melalui perbandingan pertumbuhan KDNK dan indeks kesejahteraan dalam dua tempoh masa iaitu 2000 hingga 2008 dan 2009 hingga 2012. Pertumbuhan KDNK dan indeks adalah lebih tinggi bagi tempoh kedua seperti dalam *Rajah 4.3*. IKRM secara purata meningkat 2.2 peratus setahun dalam tempoh kedua berbanding 1.7 peratus dalam tempoh pertama.

Kedua-dua indeks sub-komposit juga mencatat pertumbuhan lebih tinggi dalam tempoh kedua. Trend ini mencerminkan keberkesanan dasar Kerajaan termasuk agenda transformasi nasional bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh.

Rajah 4.3 Kadar Pertumbuhan KDNK dan Indeks Kesejahteraan



Penemuan menunjukkan hubung kait antara KDNK dan indeks komponen boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu tinggi dan signifikan (>0.2 peratus), sederhana dan signifikan (0.05 hingga 0.2 peratus) dan sederhana ke rendah tetapi tidak signifikan (<0.05 peratus), seperti dalam *Jadual 4.4*. Komponen di bawah kategori pertama ialah pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan, komunikasi, pendidikan, perumahan, kebudayaan, liburan, tadbir urus dan sub-komponen perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Komponen di bawah kategori kedua pula ialah kesihatan, keluarga, keselamatan awam, alam sekitar, sub-komponen tahap kesihatan dan kedudukan kewangan keluarga manakala kategori ketiga pula ialah penglibatan sosial dan sub-komponen institusi keluarga.

Analisis hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan menunjukkan bahawa pelaksanaan pelbagai dasar pembangunan memberi impak yang positif kepada kesejahteraan. Namun, inisiatif yang khusus masih diperlukan, terutama dalam bidang kesihatan, keluarga, penyertaan sosial dan alam sekitar.

Jadual 4.4 Keanjalan Indeks Komponen dan Sub-komponen kepada KDNK

Indeks	KDNK semasa	KDNK Semasa (pada lag 1 tahun)	KDNK Semasa (pada lag 2 tahun)
1. Pendapatan dan Pengagihan	0.30*	0.31*	0.30*
2. Persekitaran Kerja	0.25*	0.24*	0.23*
3. Pengangkutan	0.29*	0.29*	0.30*
4. Komunikasi	0.26*	0.27*	0.29*
5. Kesihatan	0.14*	0.15*	0.17*
• Tahap Kesihatan	0.08*	0.07*	0.08*
• Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	0.21*	0.23*	0.26*
6. Pendidikan	0.28*	0.27*	0.25*
• Kesaksamaan	0.27*	0.26*	0.25*
• Kualiti	0.29*	0.28*	0.26*
7. Perumahan	0.26*	0.22*	0.20*
8. Keluarga	0.06*	0.05*	0.04*
• Institusi Keluarga	-0.03	-0.05	-0.06
• Kedudukan kewangan	0.14*	0.14*	0.14*
9. Penglibatan Sosial	0.11	0.13	0.17*
10. Keselamatan Awam	0.16*	0.16*	0.17*
11. Kebudayaan	0.23*	0.26*	0.27*
12. Alam Sekitar	0.05*	0.03	0.02
13. Liburan	0.28*	0.27*	0.26*
14. Tadbir Urus	0.21*	0.20*	0.19*

Tinggi dan signifikan
 Sederhana dan signifikan
 Rendah ke sederhana atau tidak signifikan

Nota : *Signifikan pada aras keyakinan 5%

RUJUKAN

- Acs, G. (2007). Can We Promote Child Well-Being by Promoting Marriage? *Journal of Marriage and Family*, 69(5), 1326-1344.
- Alesina, A., & Giuliano, P. (2010). The Power of the Family. *Journal of Economic Growth*, 15(2), 93-125.
- Amato, P. R. (1993). Children's Adjustment to Divorce: Theories, Hypotheses, and Empirical Support. *Journal of Marriage and the Family*, 55(1), 23-38.
- Atkinson, A. B., Cantillon, B., Marlier, E., & Nolan, B. (2005). *Taking Forward EU in the Social Exclusion*, Luxembourg: CEPS/INSTEAD.
- Boston Consulting Group, (2012) *From Wealth to Well-being*, Boston, Boston Consulting Group.
- Brooks-Gunn, J., Rouse, C., & McLanahan, S. (2005). School Readiness: Closing Racial/Ethnic Gaps. *Future of Children*, 15(1), 139-168.
- Brown, S. L. (2004). Family Structure and Child Well-Being: the Significance of Parental Cohabitation. *Journal of Marriage and Family*, 66(2), 351-367.
- Commission on the Measurement of Economic, P., Social, P., Stiglitz, J. E., Sen, A., & Fitoussi, J.-P. (2009). Report by the Commission on the Measurement of Economic Performance and Social Progress. Paris.
- Downey, G., & Coyne, J. C. (1990). Children of Depressed Parents: An Integrative Review. *Psychological Bulletin*, 108(1), 50-76.
- Grych, J. H., & Fincham, F. D. (1990). Marital Conflict and Children's Adjustment: A Cognitive-Contextual Framework. *Psychological Bulletin*, 108(2), 267-290.
- Helliwell, J., Layard, R., & Sachs, J. (2012). *World Happiness Report: The Earth Institute*, Columbia University.
- Inglehart, R. (1997). *Modernization and Postmodernization: Cultural, Economic, and Political Change in 43 Societies*, Cambridge Univ Press.
- Kalil, A., & Eccles, J. S. (1998). Does Welfare Affect Family Processes and Adolescent Adjustment? *Child Development*, 69(6), 1597-1613.
- Lee, McCann and Messenger, 2007. *Working Time Around the World*, London and New York, Routledge.
- LPPKN. (2004). *Kajian Penduduk dan Keluarga ke-4*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
- Mayer-Foulkes, D. (2010). *Divergences and Convergences in Human Development*: United Nations Development Programme.
- McLanahan, S., Haskins, R., & Donahue, E. (2005). *The Future of Children: Marriage and Child Well-Being*, Brookings Institution Press.
- Moore, K. A., & Stief, T. M. (1991). Changes in Marriage and Fertility Behavior: Behavior Versus Attitudes of Young Adults. *Youth & Society*. 22(3), 362-386.
- MPC. (2012). *The Quality of Work Life Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysia Productivity Corporation.
- Narayan, Deepa with Raj Patel, Kai Schafft, Anne Rademacher and Sarah Koch-Schulte. (2000). *Voices of the Poor: Can Anyone Hear Us?* New York, N.Y.: Published for the World Bank, Oxford University Press.
- Noor, N. M. (1997). Work And Family Roles in Relation to Women's Well-Being: The Role of Negative Affectivity. *Personality and Individual Differences*, 23(3), 487-499.
- Porter, M. E., Stern, S., & Loria, R. A. (2013). *Social Progress Index 2013*. Washington D.C.: Social Progress Imperative.

- Rasbash, J., Jenkins, J., O'Connor, T. G., Tackett, J., & Reiss, D. (2011). A Social Relations Model of Observed Family Negativity and Positivity Using a Genetically Informative Sample. *Journal of Personality and Social Psychology*, 100(3), 474.
- Sen, A. K. (1999). *Development as Freedom (DAF)*. New York. Anchor Books.
- Shapiro, A., & Keyes, C. L. M. (2008). Marital Status and Social Well-Being: Are the Married Always Better off? *Social Indicators Research*, 88(2), 329-346.
- Stiglitz, J. E. (2012). Macroeconomic Fluctuations, Inequality, and Human Development. *Journal of Human Development and Capabilities*, 13(1), 31-58.
- Todaro, M., & Smith, S. (2009). *Economic Development*: Addison-Wesley, Boston, MA.
- UNDP. (2013). *Human Development Report 2013 The Rise of the South: Human Progress in a Diverse World*, New York, USA.
- WHO. (2011). *Mental Health: A State of Well-Being*. Washington: World Health Organization (WHO).
- Wu, L. L., & Martinson, B. C. (1993). Family Structure and the Risk of a Premarital Birth. *American Sociological Review*, 210-232.



LAMPIRAN

Nota Teknikal

Metodologi Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

Nota ini bertujuan untuk menjelaskan aspek teknikal dalam pembangunan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). Perkara yang diliputi termasuk penjelasan mengenai data yang digunakan dan sumber rujukannya; definisi dan proses pemilihan komponen dan indikator; metodologi yang digunakan dalam pengiraan IKRM serta kepekaan hubung kait antara semua indeks IKRM terhadap perubahan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tempoh 2000-2012.

Data

Data bagi semua indikator yang digunakan dalam pembangunan IKRM adalah berdasarkan data sekunder bagi tempoh 2000-2012 yang diperolehi daripada kementerian dan agensi Kerajaan serta sektor swasta. Tahun 2000 dipilih sebagai tahun asas memandangkan tahun ini secara relatifnya normal dan mempunyai data yang mencukupi bagi semua indikator. Ini membolehkan IKRM mengukur prestasi indeks dalam tempoh tersebut. Sebagai tahun asas, nilai indeks bagi tahun 2000 adalah bersamaan dengan 100. Bagi data siri masa yang tidak diperolehi dalam tempoh tertentu, data bagi tahun tersebut akan dianggarkan menggunakan kaedah kadar pertumbuhan tahunan purata (CAGR). CAGR merupakan min geometrik bagi set data yang menunjukkan purata pertumbuhan setahun untuk sesuatu tempoh masa. Formula untuk CAGR adalah seperti berikut:

$$CAGR(t_0, t_n) = \left(V(t_n)/V(t_0) \right)^{\frac{1}{t_n - t_0}} - 1$$

di mana

$V(t_0)$ = nilai tahun asas

$V(t_n)$ = nilai tahun semasa

$t_n - t_0$ = bilangan tahun

CAGR penting untuk mengukur dan mengenal pasti trend data. Dalam proses pembangunan IKRM, data bagi tahun atau tempoh yang berkenaan yang tidak diperolehi atau tidak wujud akan dianggarkan untuk mewujudkan trend data siri masa yang lengkap. Oleh yang demikian, pembaca perlu mengambil kira perkara ini sekiranya ingin menggunakan data yang terdapat dalam IKRM.

Komponen dan Indikator

Senarai komponen dan rasional pemilihannya ditunjukkan dalam *Jadual A.1*. Komponen yang dipilih dapat menggambarkan pelbagai aspek kesejahteraan.

Jadual A.1 *Komponen Kesejahteraan*

BIL.	KOMPONEN
1	KOMUNIKASI
	Komunikasi adalah penting kerana dapat memberikan manfaat ekonomi dan sosial kepada individu. Dalam konteks ekonomi, komunikasi merupakan alat untuk meningkatkan perhubungan dalam kalangan masyarakat dan akses kepada sumber yang seterusnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kemajuan dalam bidang komunikasi telah membolehkan perhubungan merentasi sempadan pada masa sebenar dan seterusnya merapatkan hubungan perniagaan dan sosial.

BIL.	KOMPONEN
2.	<p>KEBUDAYAAN</p> <p>Budaya mempunyai nilai tersendiri yang merupakan wadah simbol dan identiti negara dan menyumbang dengan ketara kepada pembangunan dan kesejahteraan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Budaya diserlahkan melalui tingkah laku dan pemikiran, serta mempengaruhi cara percakapan, amalan sosial dan agama sesebuah masyarakat. <i>Universal Declaration on Cultural Diversity</i> (2001) mentakrifkan budaya sebagai "... satu set ciri-ciri kerohanian, material, intelektual dan emosi yang tersendiri bagi sesebuah masyarakat atau kumpulan sosial dan ia merangkumi seni dan kesusasteraan, gaya hidup, cara hidup bermasyarakat, sistem nilai, tradisi dan kepercayaan". Kebebasan untuk mengamalkan budaya sendiri menggalakkan semangat kepunyaan.</p>
3.	<p>PENDIDIKAN</p> <p>Pendidikan merupakan instrumen utama bagi menyampaikan ilmu dan budaya dari generasi ke generasi yang menjadi asas pembangunan dan kemajuan teknologi untuk mengekal dan meningkatkan kualiti hidup. Pendidikan adalah penting bagi individu bukan sahaja kerana dapat mewujudkan peluang ekonomi, tetapi juga meningkatkan kemajuan diri dan masyarakat. Untuk tujuan ini, pembangunan sistem pendidikan harus merangkumi aspek kesaksamaan dan kualiti.</p>
4.	<p>ALAM SEKITAR</p> <p>Alam sekitar mempunyai kesan langsung ke atas kesejahteraan penduduk kerana ia berkait rapat dengan persekitaran yang sesuai untuk didiami dan sumber yang mampan. Persekitaran ini dapat meningkatkan keupayaan dan peranan individu dalam kehidupan. Sumber yang mampan pula dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang boleh memberi manfaat kepada generasi sekarang dan akan datang.</p>
5.	<p>KELUARGA</p> <p>Unit keluarga merupakan institusi utama dalam struktur sosial dan berperanan memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan psikologi individu. Pendapatan menyediakan platform yang membolehkan individu menampung perbelanjaan diri dan keluarga mereka. Walau bagaimanapun, kekuatan dan fungsi unit keluarga juga dipengaruhi oleh faktor bukan kewangan.</p>
6.	<p>TADBIR URUS</p> <p>Tadbir urus yang baik merupakan sebahagian daripada faktor institusi yang mempengaruhi pencapaian fungsi individu dalam kehidupan. Institusi yang baik dapat memberi kesan positif kepada individu memanfaatkan peluang dan kekayaan bagi mencapai matlamat hidup, manakala institusi yang tidak adil merupakan kos kepada masyarakat.</p>
7.	<p>KESIHATAN</p> <p>Kesihatan merupakan sebahagian daripada kesejahteraan kerana sumbangannya kepada keupayaan individu. Individu yang mempunyai mental dan fizikal yang sihat akan dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Kesihatan juga mempunyai kaitan langsung dengan pertumbuhan ekonomi kerana ia dapat meningkatkan kualiti modal insan dan produktiviti.</p>

BIL.	KOMPONEN
8.	PERUMAHAN
	Perumahan adalah satu keperluan asas kehidupan yang baik, keselamatan dan perlindungan kepada keluarga/individu. Kehidupan yang selesa biasanya dikaitkan dengan taraf hidup yang lebih baik kerana ia memberi ketenangan fikiran dan kepuasan hidup.
9.	PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN
	Pendapatan negara mencerminkan keupayaan negara secara keseluruhannya dalam menjaga kekayaan. Ia juga melambangkan peluang negara meningkatkan kesejahteraan melalui kekayaan di peringkat makro. Pengagihan pendapatan mengukur tahap kesaksamaan dan pengagihan sumber ekonomi. Pengukuran pengagihan pendapatan menggunakan pendapatan boleh guna isi rumah akan memberi gambaran yang lebih tepat mengenai jurang pendapatan dalam kalangan penduduk. Kadar kemiskinan memberi tumpuan pendapatan dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah.
10.	LIBURAN
	Liburan boleh memberi pengalaman dan emosi positif kepada individu kerana ia boleh mencetuskan kegembiraan dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan. Liburan juga memperkaya pengalaman hidup dan oleh itu, penting bagi mengekalkan kesejahteraan kerohanian.
11.	KESELAMATAN AWAM
	Keamanan dan keselamatan adalah prasyarat bagi kesejahteraan rakyat. Oleh itu, adalah penting bagi negara untuk sentiasa meningkatkan keselamatan awam bagi memastikan keamanan dan kestabilan sosial. Kebebasan untuk bergerak tanpa berasa takut adalah elemen sokongan untuk individu memenuhi keperluan kehidupan
12.	PENYERTAAN SOSIAL
	Keterangkuman yang boleh dicapai melalui penyertaan sosial adalah penting untuk kesejahteraan rakyat. Penyertaan sosial menggambarkan komitmen dan kesediaan individu untuk terlibat dalam aktiviti sosial, politik, agama dan kemasyarakatan. Penglibatan dalam masyarakat merupakan satu daripada matlamat hidup yang dapat memberi kepuasan dan kebebasan dalam kehidupan.
13.	PENGANGKUTAN
	Pengangkutan adalah penting untuk kemajuan dan pembangunan kerana ia berkaitan dengan mobiliti dan akses kepada sumber serta peluang pekerjaan, pendidikan dan barang dan perkhidmatan. Kemudahan pengangkutan yang lebih baik akan meningkatkan keupayaan dan kemampuan individu dalam memenuhi keperluan kehidupan.
14.	PERSEKITARAN KERJA
	Keadaan persekitaran kerja merupakan elemen penting dalam menentukan kesejahteraan individu kerana ia menyumbang kepada keselamatan dan ketenangan fikiran. Pekerjaan merupakan sumber pendapatan yang dapat meningkatkan keupayaan menambah baik taraf hidup. Selain daripada mempunyai pekerjaan yang dapat menjamin kehidupan, persekitaran kerja yang selesa, kurang tekanan dan risiko akan menghasilkan pekerja yang sihat minda dan meningkatkan produktiviti.

Senarai dan definisi indikator ditunjukkan dalam *Jadual A.2*. Kebanyakan indikator disandarkan kepada bilangan penduduk dan indikator ini mengalami peningkatan dalam tempoh 12 tahun. Perubahan dalam indikator ini dapat memberi gambaran yang lebih tepat sepanjang tempoh tersebut. Tanda (+ / -) di sebelah indikator menjelaskan bahawa pertambahan nilai bagi tanda positif (+) menunjukkan keadaan yang lebih baik dan bagi tanda negatif (-) menunjukkan kemerosotan.

Jadual A.2 Indikator IKRM

BIL.	INDIKATOR
1	<p>KOMUNIKASI</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="243 560 1387 667"> <p>1. Langganan talian telefon tetap dan mudah alih (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan langganan talian tetap dan mudah alih bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <li data-bbox="243 707 1387 814"> <p>2. Langganan Internet (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan pelanggan Internet dan jalur lebar bagi setiap 1,000 penduduk, termasuk satelit, talian tanpa wayar, VDSL, fiber, WiMax, Unifi, Iburst, EV-DO dan Danawa.</p> <li data-bbox="243 854 1387 999"> <p>3. Bilangan lokasi hotspot (+) Merujuk kepada bilangan lokasi hotspot termasuk Komuniti Pusat Jalur Lebar 1Malaysia (PJK), Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M), Mini PJK, Perpustakaan Jalur Lebar 1Malaysia (PJL).</p> <li data-bbox="243 1040 1387 1147"> <p>4. Bilangan nama domain (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan akaun laman web berdaftar (nama domain) di bawah My Domain Registry bagi setiap 1,000 penduduk.</p>
2.	<p>KEBUDAYAAN</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="243 1251 1387 1358"> <p>1. Bilangan keahlian perpustakaan awam (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan ahli yang berdaftar di 16 perpustakaan awam negeri bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <li data-bbox="243 1399 1387 1505"> <p>2. Bilangan pengunjung Istana Budaya (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan pengunjung yang hadir untuk menyaksikan pertunjukan atau persembahan yang diadakan di Istana Budaya bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <li data-bbox="243 1546 1387 1653"> <p>3. Bilangan pelawat muzium (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan pelawat ke muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <li data-bbox="243 1693 1387 1800"> <p>4. Bilangan pengunjung Kompleks Kraf (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan pengunjung ke Kompleks Kraf di bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bagi setiap 1,000 penduduk.</p>

BIL.	INDIKATOR
3.	<p data-bbox="227 163 408 193">PENDIDIKAN</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="227 217 1390 324"> <p>1. Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah (+) Merujuk kepada peratusan kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun yang berdaftar di peringkat pra-sekolah.</p> <li data-bbox="227 358 1390 465"> <p>2. Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah (+) Merujuk kepada peratusan kanak-kanak berumur 6+ hingga 11+ tahun yang berdaftar di peringkat sekolah rendah.</p> <li data-bbox="227 499 1390 606"> <p>3. Kadar penyertaan peringkat sekolah menengah (+) Merujuk kepada peratusan penduduk berumur 12+ hingga 16+ tahun yang berdaftar di peringkat sekolah menengah.</p> <li data-bbox="227 641 1390 747"> <p>4. Kadar penyertaan peringkat tertiar (+) Merujuk kepada peratusan penduduk pada kohort-umur antara 17+ hingga 23+ tahun yang mengikuti pengajian di peringkat tertiar.</p> <li data-bbox="227 782 1390 929"> <p>5. Kadar literasi (+) Merujuk kepada peratusan penduduk yang mempunyai keupayaan untuk membaca dan menulis dengan kemampuan untuk memahami kenyataan pendek yang mudah dalam kehidupan seharian.</p> <li data-bbox="227 963 1268 1030"> <p>6. Peratusan guru siswazah di sekolah rendah (+) Merujuk kepada peratusan guru siswazah kepada jumlah guru di sekolah rendah.</p> <li data-bbox="227 1064 1315 1130"> <p>7. Peratusan guru siswazah di sekolah menengah (+) Merujuk kepada peratusan guru siswazah kepada jumlah guru di sekolah menengah.</p> <li data-bbox="227 1165 1390 1272"> <p>8. Gred Purata Nasional UPSR (-) Merujuk kepada gred purata nasional dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Data menunjukkan bahawa nombor yang rendah merujuk pencapaian yang lebih baik.</p> <li data-bbox="227 1306 1390 1413"> <p>9. Gred Purata Nasional SPM (-) Merujuk kepada gred purata nasional dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia. Data menunjukkan bahawa nombor yang rendah merujuk pencapaian lebih baik.</p> <li data-bbox="227 1447 1390 1554"> <p>10. Bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD (+) Merujuk kepada bilangan pensyarah dengan kelayakan Doktor Falsafah (PhD) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.</p> <li data-bbox="227 1588 1390 1776"> <p>11. Peratusan pelajar tamat sekolah rendah (+) Kadar tamat pendidikan sekolah rendah merupakan peratusan kohort murid yang menamatkan persekolahan pada gred terakhir pendidikan di peringkat rendah (tahun enam) dengan mengambil kira murid yang mendaftar pada gred pertama (tahun satu) mengikut kohort persekolahan yang ditetapkan.</p>

BIL.	INDIKATOR
	<p>12. Peratusan pelajar tamat sekolah menengah (+) Kadar tamat pendidikan sekolah menengah merupakan peratusan kohort murid yang menamatkan persekolahan pada gred terakhir pendidikan di peringkat menengah (tingkatan lima) dengan mengambil kira murid yang mendaftar pada gred pertama (tingkatan satu) mengikut kohort persekolahan yang ditetapkan.</p>
4.	<p>ALAM SEKITAR</p> <p>1. Kualiti udara (% stesen dengan IPU<50) (+) Merujuk kepada peratusan bacaan stesen pengawasan kualiti udara Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mencatat indeks pencemaran udara (IPU) kurang daripada 50.</p> <p>2. Kualiti air (% sungai bersih yang dipantau) (+) Merujuk kepada peratusan sungai yang dipantau dan mencatat air bersih.</p> <p>3. Peratusan kawasan berhutan (+) Merujuk kepada peratusan kawasan berhutan berbanding dengan keluasan tanah di Malaysia.</p> <p>4. Kuantiti sisa berjadual (tan metrik setahun)/penduduk (-) Merujuk kepada jumlah kuantiti buangan berjadual daripada industri dan isi rumah. Data menunjukkan jumlah tan sisa berjadual setiap tahun.</p> <p>5. Purata suhu maksimum (°C) (-) Merujuk kepada purata suhu maksimum di Malaysia setiap tahun. Data menunjukkan semakin rendah suhu adalah lebih baik.</p>
5.	<p>KELUARGA</p> <p>1. Kadar perceraian (% kepada penduduk berumur 18 tahun dan ke atas) (-) Merujuk kepada peratusan kes perceraian dalam kalangan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas.</p> <p>2. Kes keganasan rumahtangga (setiap '000 penduduk) (-) Merujuk kepada bilangan kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <p>3. Jenayah juvana (% kepada penduduk berumur 10 - 18 tahun) (-) Merujuk kepada peratusan kes jenayah juvana yang dilaporkan kepada PDRM berbanding dengan penduduk berumur antara 10 hingga 18 tahun.</p> <p>4. Pendapatan bulanan purata isi rumah (+) Merujuk kepada pendapatan kasar isi rumah bulanan purata.</p> <p>5. Hutang isi rumah per kapita (RM) (-) Merujuk kepada jumlah hutang individu, termasuk pembiayaan perumahan, kereta, peribadi dan pembiayaan lain daripada institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan, sektor insurans, institusi kewangan bukan perbankan yang terpilih dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.</p>

BIL.	INDIKATOR
	<p>6. Nisbah tanggungan (-) Merujuk kepada bilangan penduduk di bawah umur 15 tahun dan bilangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas berbanding dengan bilangan penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun).</p>
6.	<p>TADBIR URUS</p> <p>1. Peratusan kes rasuah yang didakwa (+) Merujuk kepada peratusan kes rasuah yang didakwa daripada jumlah tangkapan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.</p> <p>2. Bilangan transaksi e-pembayaran (juta) (+) Merujuk kepada bilangan transaksi e-pembayaran yang dibuat secara atas talian melalui sistem perbankan termasuk kad kredit, kad caj, kad debit, wang elektronik, kad pembayaran tujuan khusus, Sistem GIRO antara bank, debit terus, ATM (tidak termasuk pengeluaran wang), perbankan Internet, perbankan mudah alih dan urus niaga pihak ketiga melalui <i>Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities</i> (RENTAS).</p> <p>3. Peratusan kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (+) Merujuk kepada peratusan kes aduan awam yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam. Aduan awam bermaksud "aduan orang ramai mengenai ketidakpuasan mereka terhadap semua aspek pentadbiran Kerajaan (termasuk agensi-agensi yang diswastakan dan institusi-institusi yang berbentuk monopoli dan membekalkan keperluan-keperluan awam yang dirasai tidak adil, tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedia ada termasuk salah laku, penyelewengan, salahguna kuasa, salah tadbir dan seumpamanya. Pengaduan awam meliputi semua aspek pentadbiran kerajaan termasuk agensi Kerajaan yang diswastakan".</p> <p>4. Peratusan pengguna e-Filing (+) Merujuk kepada memfail dan mengisi Borang Cukai Pendapatan (BNCP) secara elektronik berdasarkan beberapa jenis borang seperti Borang B/BT (e-B/e-BT), Borang BE(e-BE) dan Borang P (e-P), Borang M / MT (e-M / e-MT), Borang e (e-E), Borang C (e-C), Borang R (e-R) dan e-Anggaran (e-CP204). Pada masa ini, pembayar cukai mempunyai pilihan untuk memfailkan borang secara elektronik atau manual.</p>
7.	<p>KESIHATAN</p> <p>1. Jangkaan hayat ketika lahir (+) Merujuk kepada jangkaan purata bilangan tahun seseorang bayi yang baru lahir akan hidup dengan mengandaikan corak kadar kematian umur tertentu yang tetap.</p> <p>2. Kadar kematian bayi ketika lahir (setiap 1,000 kelahiran hidup) (-) Merujuk kepada kadar kematian bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun kepada setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun yang sama.</p> <p>3. Kadar kematian ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup) (-) Merujuk kepada kematian disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa bersalin atau kematian dalam tempoh enam minggu atau 42 hari selepas bersalin (<i>puerperium</i>) kepada setiap 100,000 kelahiran hidup.</p>

BIL.	INDIKATOR
	<p>4. Bilangan kes penyakit tidak berjangkit (setiap '000 penduduk) (-) Merujuk kepada penyakit yang tidak berjangkit atau penyakit kronik. Empat jenis penyakit tidak berjangkit utama adalah penyakit kardiovaskular, kanser, penyakit pernafasan kronik dan diabetes. Data yang digunakan dalam pengiraan indeks adalah bilangan pesakit yang discaj dari hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.</p> <p>5. Bilangan katil di hospital (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan katil pesakit di hospital awam dan swasta termasuk katil bagi penyakit akut dan kronik bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <p>6. Nisbah doktor kepada penduduk (-) Merujuk kepada seorang doktor untuk anggaran bilangan penduduk yang menerima perkhidmatan dalam tahun tertentu. Doktor merujuk kepada seorang pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia termasuk doktor pelatih.</p> <p>7. Tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar (minit) (-) Merujuk kepada tempoh masa yang diambil daripada pendaftaran pesakit sehingga mendapat rawatan daripada kakitangan perubatan.</p>
8.	PERUMAHAN
	<p>1. Peratusan unit rumah kos rendah kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (+) Merujuk kepada peratusan unit rumah kos rendah kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah.</p> <p>2. Peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat (+) Merujuk kepada peratusan isi rumah yang dibekalkan dengan kemudahan air yang terawat.</p> <p>3. Peratusan isi rumah dengan bekalan elektrik (+) Merujuk kepada peratusan isi rumah yang dibekalkan dengan kemudahan elektrik.</p> <p>4. Peratusan isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah (+) Merujuk kepada peratusan isi rumah yang mendapat perkhidmatan kutipan sampah.</p> <p>5. Bilangan penghuni sebilik (-) Merujuk kepada bilangan bilik di kediaman dibahagikan dengan bilangan orang yang tinggal di dalam kediaman tersebut.</p>
9.	PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN
	<p>1. Pendapatan per kapita benar (PNK) (RM) (+) Keluaran Negara Kasar (KNK) ialah jumlah nilai semua barangan dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan dalam negara pada tahun tertentu, ditambah dengan pendapatan yang diperolehi oleh rakyat (termasuk pendapatan yang diterima dari luar negara), tolak pendapatan bukan pemastautin yang berada di negara ini. Pendapatan per kapita benar (PNK) atau KNK per kapita (RM) merujuk kepada KNK dibahagikan dengan jumlah penduduk di Malaysia.</p>

BIL.	INDIKATOR
	<p>2. Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna (-) Pendapatan boleh guna merujuk kepada pendapatan isi rumah yang ditolak pindahan (contohnya, cukai pendapatan, zakat, cukai jalan dan KWSP); dan yuran sukarela (contohnya, derma kepada badan amal dan kelab atau yuran persatuan). Koefisien Gini adalah satu daripada kaedah standard untuk mengukur ketidaksamaan dalam agihan pendapatan dalam kalangan penduduk.</p> <p>3. Kadar kemiskinan (-) Merujuk kepada peratusan isi rumah miskin berbanding jumlah isi rumah. Kemiskinan di Malaysia diukur berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Sebagai contoh, isi rumah dianggap miskin pada tahun 2012 jika pendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada RM830 di Semenanjung Malaysia.</p>
10.	LIBURAN
	<p>1. Bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar ('000) (+) Merujuk kepada bilangan isi rumah yang melanggan TV berbayar (ASTRO dan IPTV).</p> <p>2. Bilangan penginap domestik di hotel (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan penginap domestik di hotel bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <p>3. Bilangan pengunjung taman rekreasi (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada jumlah pengunjung ke taman rekreasi. Data menunjukkan bilangan pengunjung bagi setiap 1,000 penduduk. Taman rekreasi termasuk taman tema, zoo dan taman negara.</p> <p>4. Bilangan pengunjung pawagam (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan pengunjung pawagam di Malaysia berdasarkan jualan tiket bagi setiap 1,000 penduduk.</p>
11.	KESELAMATAN AWAM
	<p>1. Kadar jenayah (setiap '000 penduduk) (-). Merujuk kepada peratusan jenayah jalanan, jenayah harta benda dan jenayah kekerasan yang dilaporkan kepada PDRM bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <p>2. Kemalangan jalan raya (setiap '000 kenderaan berdaftar) (-) Merujuk kepada bilangan kemalangan jalan raya yang dilaporkan kepada PDRM bagi setiap 1,000 kenderaan berdaftar.</p>
12.	PENYERTAAN SOSIAL
	<p>1. Pengundi berdaftar (% kepada penduduk berumur 21 tahun dan ke atas) (+) Merujuk kepada peratusan penduduk berumur 21 tahun dan ke atas yang telah berdaftar sebagai pengundi.</p> <p>2. Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 bagi setiap 1,000 penduduk.</p>

BIL.	INDIKATOR
	<p>3. Bilangan persatuan penduduk berdaftar (+) Merujuk kepada bilangan persatuan penduduk berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan.</p> <p>4. Keahlian RELA dan RakanCop (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan keahlian RELA dan RakanCop. RELA telah ditubuhkan pada 11 Januari 1972 untuk membolehkan orang ramai menjadi sukarelawan dalam memelihara dan mengekalkan keamanan dan keselamatan negara. RakanCop (Rakan Polis) adalah satu program komuniti polis yang dilancarkan pada tahun 2005 adalah untuk membantu mencegah jenayah. Objektif utama adalah untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada masyarakat untuk bekerjasama dengan pihak polis dan terlibat secara langsung dalam pencegahan jenayah.</p>
13.	PENGANGKUTAN
14.	PERSEKITARAN KERJA
	<p>1. Pemilikan kereta dan motosikal persendirian (setiap '000 penduduk) (+) Merujuk kepada bilangan kereta dan motosikal persendirian berdaftar bagi setiap 1,000 penduduk.</p> <p>2. Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) (+) Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) merupakan petunjuk kualiti pembangunan jalan raya yang mengambil kira panjang rangkaian jalan raya, keluasan tanah dan penduduk. Secara umumnya, jika $RDI > 1$, ia menunjukkan tahap rangkaian jalan raya yang baik serta dapat menampung jumlah kenderaan di samping menjana aktiviti sosio-ekonomi. Nilai RDI yang lebih tinggi menggambarkan pembangunan jalan raya yang mampan.</p> <p>3. Panjang jalan per kapita (km) (+) Merujuk kepada jumlah panjang jalan berturap dan tidak berturap (km) dibahagi dengan jumlah penduduk.</p> <p>4. Bilangan penumpang keretapi (juta) (+) Merujuk kepada bilangan penumpang perkhidmatan keretapi termasuk LRT (Ampang dan Putra Lines), KL Monorel, KLIA Express Transit, KTM Komuter dan keretapi antara bandar.</p>
	<p>1. Pertikaian perusahaan (-) Merujuk kepada bilangan pertikaian perusahaan yang difailkan antara majikan dan pekerja mengenai isu yang berkaitan dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma dan syarat pekerjaan atau keadaan kerja.</p> <p>2. Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan ('000) (-) Merujuk kepada jumlah kehilangan hari bekerja dalam tempoh tertentu (biasanya setahun) disebabkan oleh kemalangan, sekatan masuk kerja atau mogok.</p>

BIL.	INDIKATOR
	<p>3. Kadar kemalangan di tempat kerja (-) Merujuk kepada bilangan kematian, hilang upaya kekal dan hilang upaya sementara akibat kemalangan di tempat kerja dan penyakit akibat pekerjaan.</p> <p>4. Purata jam bekerja (-) Merujuk kepada purata jam bekerja seminggu dalam kalangan pekerja. Data merujuk kepada jumlah jam bekerja dibahagikan dengan jumlah pekerja. Waktu kerja standard negara di dunia adalah antara 40 hingga 44 jam seminggu.</p>

Pemilihan Indikator

Kaedah analisis faktor digunakan untuk menguji kesesuaian indikator bagi komponen yang dicadangkan. Secara prinsipnya, analisis faktor bertujuan mengenal pasti pembolehubah atau faktor yang dapat menggambarkan corak korelasi kumpulan pembolehubah yang diperhatikan (*observed variables*). Dalam membangunkan IKRM, faktor (*unobserved variables*) adalah komponen manakala pembolehubah diperhatikan adalah indikator. Komponen ini dianggap sebagai faktor kerana tidak ada pembolehubah yang secara langsung boleh dijadikan proksi. Contohnya, komponen kesihatan tidak boleh diukur secara langsung tetapi boleh diproksi melalui tahap kesihatan penduduk seperti nisbah kematian bayi atau penyakit kronik tidak berjangkit seperti kardiovaskular, diabetes dan tekanan darah tinggi. Pada kebiasaannya, analisis faktor digunakan dalam pemilihan data pembolehubah diperhatikan untuk mengenal pasti sejumlah faktor yang dapat menjelaskan kebanyakan daripada varian yang direkodkan daripada jumlah pembolehubah diperhatikan.

Dalam pemilihan indikator untuk IKRM, hampir semua indikator yang dicadangkan adalah sesuai untuk komponen yang dipilih. Semua komponen mencatat nilai Eigen lebih besar daripada 1.0 seperti ditunjukkan dalam *Jadual A.3*.


Jadual A.3 Hasil Analisis Faktor

Bil.	Komponen	Indikator	Nilai Eigen
1.	Pendapatan dan Pengagihan	3 pembolehubah	2.68587
2.	Persekitaran kerja	4 pembolehubah	2.36523
3.	Pengangkutan	3 pembolehubah	2.13902
4.	Komunikasi	4 pembolehubah	3.63015
5.	Kesihatan	i. Tahap kesihatan 5 pembolehubah	2.38261
		ii. Perkhidmatan penjagaan kesihatan 3 pembolehubah	1.92239

Bil.	Komponen	Indikator	Nilai Eigen
6.	Pendidikan	i. Kesaksamaan 4 pembolehubah	2.87476
		ii. Kualiti 8 pembolehubah	6.82465
7.	Perumahan	5 pembolehubah	4.12964
8.	Alam sekitar	5 pembolehubah	2.66238
9.	Keluarga	i. Institusi keluarga 3 pembolehubah	2.16292
		ii. Kedudukan kewangan keluarga 3 pembolehubah	2.93706
10.	Penyertaan sosial	4 pembolehubah	2.78544
11.	Keselamatan awam	2 pembolehubah	0.83211
12.	Kebudayaan	4 pembolehubah	3.51694
13.	Liburan	4 pembolehubah	2.92472
14.	Tadbir urus	3 pembolehubah	1.90675

Pengiraan Indeks

IKRM merupakan satu indeks komposit berdasarkan purata 14 indeks komponen, manakala pengiraan indeks komponen adalah berdasarkan purata indeks indikator bagi setiap komponen. Hubungan indeks komposit dengan indeks komponen dan indeks indikator ditunjukkan dalam *Rajah A.1*. Semua indikator diberikan tanda positif (+) atau tanda negatif (-). Pertambahan nilai bagi indikator dengan tanda positif (contohnya, jangka hayat ketika lahir, KNK benar per kapita) menunjukkan keadaan yang semakin baik manakala bagi indikator dengan tanda negatif (contohnya kadar kematian bayi, kadar kemiskinan) menunjukkan keadaan merosot. Bagi tujuan pengiraan indeks, trend aliran bagi indikator bertanda negatif diubahsuai supaya peningkatan nilai menggambarkan penambahbaikan kesejahteraan dan penurunan nilai menjelaskan kemerosotan. Pengubahsuaian ini perlu bagi membolehkan pemahaman yang seragam mengenai trend aliran indeks termasuk indeks komposit.

Rajah A.1 Hubungan di antara indeks komposit dan indeks

Data perlu diseragam bagi membolehkan perbandingan antara indeks dibuat. Penyeragaman ini adalah bertujuan menyingkirkan unit pengukuran indikator yang berbeza-beza dan menghasilkan nilai bacaan yang seragam bagi semua indikator. Ini membolehkan pengiraan indeks komponen dan komposit. Kaedah sisihan piawai digunakan untuk menyeragamkan semua indikator. Kaedah ini membolehkan penentuan nilai frekuensi agihan berdasarkan purata yang lebih tepat. Menurut teorem Chebyshev, tidak kira bentuk taburan, sekurang-kurangnya 75 peratus daripada nilai frekuensi akan berada dalam ± 2 sisihan piawai daripada nilai purata taburan dan sekurang-kurangnya 89 peratus daripada nilai akan berada dalam ± 3 sisihan piawai daripada nilai purata taburan.

Proses pembangunan IKRM melibatkan empat langkah. Langkah pertama, mendapatkan skor piawai bagi setiap indikator; langkah kedua, mendapatkan skor indeks indikator; langkah ketiga, memperoleh skor indeks komponen; dan langkah keempat, mengagregat indeks komponen bagi menghasilkan indeks komposit.

LANGKAH 1: Mendapatkan Skor Piawai bagi setiap Indikator dalam Tahun_t

i) Sisihan Piawai

Sisihan piawai adalah statistik yang menggambarkan taburan nilai indikator di sekitar purata dalam satu set data. Apabila taburan nilai terkumpul secara berdekatan, sisihan piawai adalah kecil. Apabila taburan nilai berselerak, sisihan piawai adalah besar. Formula untuk sisihan piawai (σ_j) bagi indikator j diberikan sebagai:

$$\sigma_j = \sqrt{\frac{1}{N} \sum_{t=1}^N (x_{jt} - \mu_j)^2}$$

di mana:

σ_j = sisihan piawai nilai indikator j

N = bilangan pemerhatian

x_{jt} = nilai indikator j pada masa t

μ_j = nilai purata indikator j

ii) Skor Piawai bagi Indikator

Skor piawai menunjukkan pemerhatian dalam bentuk unit sisihan piawai melebihi atau kurang daripada purata. Ia merujuk perubahan yang dibuat ke atas pemerhatian dengan menolak nilai purata dan membahagikannya dengan sisihan piawai. Pengiraan ini adalah seperti di bawah:

$$Z = \frac{x_{jt} - \mu_j}{\sigma}$$

di mana:

z = skor piawai

x_{jt} = nilai indikator j pada masa t

μ = nilai purata indikator

σ_i = sisihan piawai bagi data siri masa

Contoh: Skor piawai bagi PNK per kapita benar bagi tahun 2005 dengan purata 20,340.4 dan sisihan piawai 2,201.6 adalah -0.2

$$\begin{aligned} Z &= \frac{x(2005) - \mu}{\sigma} \\ &= \frac{19,950.6 - 20,340.4}{2,201.6} \\ &= -0.2 \end{aligned}$$

LANGKAH 2: Mendapatkan Indeks bagi Setiap Indikator dalam (I_{tj})

Indeks bagi setiap indikator untuk setiap tahun diperoleh dengan mendarab skor piawai dengan 10 dan menambah 100, seperti ditunjukkan di bawah. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya boleh digunakan bagi indikator bertanda positif seperti pendapatan per kapita atau kadar penyertaan pelajar, yang mana pertambahan nilai menunjukkan keadaan yang lebih baik.

Indeks indikator positif

$$I_{tj}^+ = 100 + (z^*10)$$

di mana t merujuk kepada masa dan j ialah indikator

Contoh: Indeks PNK per kapita benar dalam tahun 2005

$$\begin{aligned} &= 100 + (-0.2 * 10) \\ &= 98.2 \end{aligned}$$

Trend untuk indikator negatif telah diubahsuai untuk mendapatkan bacaan indeks yang konsisten dengan menolak sebelah kiri dengan 100. Contoh indikator ini adalah kadar kemiskinan, kadar kematian bayi dan kadar pengangguran, di mana pertambahan nilai menunjukkan kemerosotan.

Indeks bagi Indikator Negatif

$$I_{tj} = 100 - (z*10)$$

Contoh: Indeks bagi kadar kemiskinan dalam tahun 2005

$$\begin{aligned} &= 100 - (0.2*10) \\ &= 97.9 \end{aligned}$$

Indeks dalam nilai asas 2000

Setelah langkah ini selesai, untuk mendapatkan nilai indeks yang boleh dibandingkan dengan tahun mula atau nilai asas, skor dibahagikan dengan nilai asas. Nilai pada tahun 2000 adalah 100.

$$I_{2005j} = (I_{tj}^{+/-} / I_{2000j}) * 100$$

Berdasarkan contoh PNK per kapita benar di atas:

$$\begin{aligned} &= (98.2/85.2)*100 \\ &= 115.4 \end{aligned}$$

Dalam contoh ini, indeks PNK per kapita benar bagi tahun 2005 mencatat 15.4 mata lebih baik berbanding tahun 2000.

LANGKAH 3: Mendapatkan Indeks bagi Setiap Komponen dalam Tahun_t

Indeks bagi setiap komponen diperoleh dengan mendapatkan purata nilai indeks indikator dengan nilai asas 2000 seperti berikut:

$$I_c = \frac{1}{N} \sum_{j=1} I_{tj}$$

di mana:

I_c = Indeks komponen

N = Jumlah indikator

I_{tj} = Indeks indikator j dengan nilai asas 2000 pada masa t

Contoh : Indeks Komponen Pendapatan dan Pengagihan dalam Tahun 2005

$$= \frac{\left[\begin{array}{l} \text{Indeks PNK per kapita benar} \quad + \\ \text{Indeks Koefisien Gini} \quad \quad \quad + \\ \text{Indeks kadar kemiskinan} \quad \quad + \end{array} \right]}{n}$$

$$= \frac{(115.4 + 96.4 + 119.1)}{3}$$

$$= 110.3$$

LANGKAH 4: Mendapatkan Indeks Komposit dalam Tahun,

Langkah terakhir, Indeks komposit diperoleh dengan mendapatkan purata indeks komponen

$$IKRM = \frac{1}{N} \sum_{c=1} I_c$$

di mana:

I_c = Indeks komposit

N = Jumlah komponen

Contoh: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia dalam tahun 2005 dengan 14 komponen.

$$= \left[\begin{array}{cccc} \text{Indeks Pendapatan} & + & \text{Indeks} & + & \text{Indeks} & + \\ \text{dan Pengagihan} & & \text{Persekitaran Kerja} & & \text{Pengangkutan} & \\ \text{Indeks Komunikasi} & + & \text{Indeks Kesihatan} & + & \text{Indeks Pendidikan} & + \\ \text{Indeks Perumahan} & + & \text{Indeks Alam Sekitar} & + & \text{Indeks Keluarga} & + \\ \text{Indeks Penyertaan} & + & \text{Indeks Keselamatan} & + & \text{Indeks} & + \\ \text{Sosial} & & \text{Awam} & & \text{Kebudayaan} & \\ \text{Indeks Liburan} & + & \text{Indeks Tadbir Urus} & & & \end{array} \right]$$

14

$$= \left[\begin{array}{cccc} 110.3 & + & 105.2 & + & 112.5 & + \\ 106.5 & + & 101.0 & + & 118.0 & + \\ 123.0 & + & 106.6 & + & 104.7 & + \\ 93.9 & + & 110.8 & + & 102.5 & + \\ 115.9 & + & 110.2 & & & \end{array} \right]$$

14

$$= 108.7$$

MENTERJEMAH PERTUMBUHAN EKONOMI KEPADA KESEJAHTERAAN

Secara konsepnya, hubungan antara pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan boleh dinilai daripada dua perspektif. Pertama, pertumbuhan ekonomi kepada kesejahteraan dan kedua, kesejahteraan kepada pertumbuhan ekonomi. Dalam menganalisis hubungan kedua-dua pembolehubah ini, laporan ini menggunakan pakai perspektif pertama berdasarkan prinsip asas iaitu negara membangun perlu mencapai pertumbuhan ekonomi sebelum pendapatan dapat disalurkan untuk kesejahteraan penduduk. Dua kaedah analisis digunakan untuk tujuan ini iaitu koefisien korelasi antara indeks dan keanjalan indeks kepada perubahan dalam pendapatan.

Koefisien Korelasi

Korelasi mengukur kekuatan hubungan antara dua pembolehubah rawak. Darjah korelasi diukur oleh koefisien korelasi. Analisis dalam laporan ini menggunakan koefisien Korelasi Pearson yang sensitif hanya kepada hubungan linear antara dua pembolehubah. Koefisien korelasi antara dua pembolehubah rawak X dan Y yang diwakili sama ada oleh

$$r(X, Y) \text{ atau } \rho(X, Y)$$

Persamaan $r(X, Y)$ digunakan sebagai korelasi data berdasarkan persampelan dan persamaan $\rho(X, Y)$ pula adalah korelasi data berdasarkan populasi dengan ρ adalah huruf Greek rho.

$$\rho(X, Y) = \frac{\text{Cov}(X, Y)}{\sqrt{\text{Var}(X)\text{Var}(Y)}} = \frac{\text{Cov}(X, Y)}{\sigma_x \sigma_y}$$

$\text{Cov}(X, Y)$ adalah kovarian yang mengukur kekuatan korelasi antara pembolehubah rawak. Apabila $\text{Cov}(X, Y) = 0$, $\rho(X, Y) = 0$, menunjukkan pembolehubah tidak mempunyai korelasi. Apabila kovarian tidak bersamaan dengan sifar, pembolehubah mempunyai korelasi bergantung kepada nilai kovarian. Jika $\text{Cov}(X, Y) > 0$, pembolehubah Y meningkat apabila X meningkat, sementara itu jika $\text{Cov}(X, Y) < 0$, pembolehubah Y menurun apabila X meningkat. Kovarian dikira dengan

$$\text{cov}(X, Y) = \sum_{i=1}^N \frac{(x_i - \bar{x})(y_i - \bar{y})}{N}$$

Kovarian kemudian dibahagi dengan sisihan piawai pembolehubah untuk mengira korelasi. Nilai koefisien bagi korelasi Pearson adalah antara -1 dan +1 yang membawa maksud:

- $\rho(X, Y) = -1$ bermaksud hubungan linear secara berkurangan (negatif) yang sempurna (anti-korelasi)
- $-1 < \rho(X, Y) < +1$ bermaksud darjah kebergantungan linear antara pembolehubah. (semakin hampir koefisien kepada +1 atau -1, semakin kuat korelasi antara pembolehubah)
- $\rho(X, Y) = +1$ bermaksud hubungan linear secara meningkat (positif) yang sempurna.
- $\rho(X, Y) = 0$ bermaksud pembolehubah adalah tidak saling bergantung HANYA JIKA kebergantungan X dan Y adalah secara normal²⁰.

Bagi tujuan laporan ini, hubung kait antara KDNK dengan indeks diandaikan linear. Ujian-t digunakan untuk mengesahkan bahawa koefisien korelasi adalah tidak bersamaan sifar secara signifikan, membuktikan adanya hubung kait antara KDNK dengan indeks.

Mengukur Keanjalan

Keanjalan dalam istilah ekonomi ditakrifkan sebagai tindak balas pembolehubah ekonomi bersandar terhadap perubahan dalam faktor yang mempengaruhinya²¹. Dengan kata lain, ia mengukur magnitud perubahan dalam pembolehubah sebagai tindak balas kepada perubahan dalam pembolehubah yang lain. Kebiasaannya, kajian empirik mengenai keanjalan melibatkan anggaran koefisien dalam persamaan regresi linear. Dalam rangka kerja ini, kedua-dua pembolehubah ditukar kepada bentuk log natural. Keanjalan mempunyai kelebihan kerana ia tidak mempunyai unit ukuran dan memudahkan analisis data. Dalam analisis IKRM, keanjalan digunakan untuk menentukan tindak balas indeks kepada perubahan dalam pendapatan. Persamaan yang digunakan adalah seperti berikut:

$$\ln(Y) = \beta_0 + \beta_1 * \ln(X) + \mu$$

Dalam persamaan regresi di atas, Y mewakili IKRM sementara X mewakili KDNK pada harga semasa. β_1 adalah keanjalan IKRM terhadap perubahan KDNK. Nilai koefisien β_1 boleh ditafsir sebagai peratus perubahan IKRM bagi setiap satu peratus perubahan dalam KDNK. Keanjalan sempurna diperoleh apabila kenaikan satu peratus dalam KDNK menghasilkan kenaikan satu peratus dalam IKRM. Dalam istilah ekonomi, pembolehubah mempunyai keanjalan yang tinggi sekiranya nilai koefisien adalah lebih besar daripada satu. Koefisien positif menunjukkan arah hubung kait yang sama manakala koefisien negatif menggambarkan arah hubung kait yang bertentangan.

²⁰ Sekiranya pembolehubah saling tidak bergantung, koefisien korelasi Pearson bersamaan dengan sifar, tetapi perkara sebaliknya tidak semestinya benar kerana koefisien korelasi hanya mengesan hubungan linear antara dua pembolehubah.

²¹ Definisi berdasarkan Merriam-Webster Dictionary (sumber daripada <http://www.merriam-webster.com/dictionary/elasticity?show=0&t=1372660619> pada 1 Julai 2013).

Jadual Perangkaan

(1) Prestasi IKRM mengikut Komponen, 2000-2012

Komponen	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kesejahteraan Ekonomi	100.0	101.5	102.7	106.1	108.7	110.5	114.3	119.0	120.0	121.1	124.2	128.5	133.3
Pengangkutan	100.0	102.7	103.6	105.9	108.8	112.5	114.5	118.5	119.6	123.3	126.3	131.4	136.9
Komunikasi	100.0	101.3	102.2	103.5	105.4	106.5	107.4	109.6	112.7	115.4	120.6	127.4	136.2
Pendidikan	100.0	102.5	103.7	108.7	114.1	118.0	117.8	122.1	123.8	125.8	128.6	129.5	132.9
Pendapatan dan Pengagihan	100.0	99.3	100.9	102.8	104.7	110.3	116.0	121.5	121.2	119.9	124.2	128.4	131.8
Persekitaran Kerja	100.0	101.9	103.1	109.7	110.5	105.2	115.8	123.4	122.8	120.8	121.5	125.7	128.6
Kesejahteraan Sosial	100.0	102.2	104.7	105.0	106.5	107.6	108.5	110.7	112.0	113.3	117.2	118.9	121.0
Perumahan	100.0	109.0	118.5	119.4	120.7	123.0	125.0	126.6	131.8	136.8	137.0	137.0	136.9
Liburan	100.0	102.2	102.3	105.6	111.7	115.9	117.2	120.5	124.9	122.2	126.1	127.9	131.4
Tadbir urus	100.0	102.2	111.6	107.4	107.2	110.2	114.0	115.7	117.4	119.8	122.6	121.9	128.1
Keselamatan awam	100.0	101.3	105.0	102.9	102.6	110.8	105.0	102.9	103.9	106.6	116.2	119.1	125.6
Penyertaan sosial	100.0	101.3	101.2	103.0	103.8	93.9	94.4	98.1	99.2	102.3	110.6	113.6	120.6
Kebudayaan	100.0	97.2	95.7	95.1	101.0	102.5	106.6	109.2	107.2	112.8	117.6	117.4	120.3
Kesihatan	100.0	100.6	98.9	100.2	100.3	101.0	104.9	106.3	108.0	108.0	110.3	113.2	114.1
Alam sekitar	100.0	104.6	105.3	108.1	106.7	106.6	104.8	111.3	110.4	106.1	106.9	109.1	107.3
Keluarga	100.0	101.1	103.6	103.5	104.2	104.7	104.9	105.9	105.5	104.8	107.3	110.9	104.6
Indeks Komposit	100.0	101.9	104.0	105.4	107.3	108.7	110.6	113.7	114.9	116.1	119.7	122.3	125.4

(2) Jadual Perangkaan Mengikut Komponen dan Indikator

Pengangkutan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) (+)	0.75	0.81	0.80	0.84	0.85	0.96	0.99	0.99	0.99	1.35	1.48	1.70	1.91
Pemilikan kereta dan motosikal persendirian (setiap '000 penduduk) (+)	404.5	423.1	441.8	463.0	488.8	517.6	542.4	567.8	596.9	621.3	648.1	679.0	714.0
Panjang jalan per kapita (km) (+)	0.0029	0.0030	0.0030	0.0031	0.0030	0.0033	0.0034	0.0044	0.0044	0.0048	0.0051	0.0054	0.0062
Bilangan penumpang keretapi (juta) (+)	95.9	109.3	114.7	125.3	148.1	160.2	168.8	176.5	175.6	168.8	173.6	189.1	197.3

Komunikasi	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Langganan talian telefon tetap dan mudah alih (setiap '000 penduduk) (+)	421.3	508.5	564.0	631.4	750.2	921.7	899.9	1,026.4	1,163.7	1,229.8	1,339.8	1,408.5	1,600.1
Langganan Internet (setiap '000 penduduk) (+)	7	9	11	14	17	21	34	41	62	93	165	196	219
Bilangan lokasi hotspot (+)	-	-	-	-	-	1,227	1,358	1,485	1,953	2,846	9,141	21,712	31,493
Bilangan nama domain (setiap '000 penduduk) (+)	4	5	7	9	12	16	20	27	35	41	40	52	80

Pendidikan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah (+)	48.4	52.9	53.4	59.0	64.8	67.4	59.5	75.2	76.0	71.5	73.0	71.3	80.5
Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah (+)	95.6	95.1	94.5	95.3	95.3	96.3	95.3	96.2	95.5	95.6	96.2	95.9	96.4
Kadar penyertaan peringkat sekolah menengah (+)	86.7	85.9	86.0	86.4	87.1	87.0	89.3	87.7	89.1	90.0	89.6	89.8	90.2
Kadar penyertaan peringkat tertiar (+)	11.6	21.3	23.9	24.5	25.0	24.1	26.0	27.1	28.5	30.0	32.6	30.9	31.7
Sub-komponen : Kesaksamaan pendidikan													
Kadar literasi (+)	91.6	91.9	92.1	92.6	92.8	93.0	93.6	93.6	93.8	94.2	94.4	95.2	95.2
% guru siswazah di sekolah rendah (+)	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	3.2	6.1	10.5	13.8	17.8	25.0	30.8	36.5	39.8
% guru siswazah di sekolah menengah (+)	61.2	65.2	70.1	74.0	80.6	82.4	85.4	87.1	87.7	88.0	91.6	91.4	93.3
Gred Purata Nasional UPSR (-)	2.6	2.6	2.5	2.5	2.4	2.4	2.4	2.3	2.4	2.3	2.3	2.3	2.3
Gred Purata Nasional SPM (-)	6.1	6.1	6.1	5.9	5.7	5.6	5.7	5.6	5.5	5.3	5.2	5.0	5.1
Bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD (+)	n.a.	362	767	868	5,627	6,428	6,647	7,779	8,717	9,420	11,648	11,081	12,504
% pelajar tamat sekolah rendah (+)	96.9	97.0	95.8	95.7	98.3	98.1	98.6	97.4	99.1	98.8	97.2	98.7	99.1
% pelajar tamat sekolah menengah (+)	84.8	84.1	85.5	86.6	88.1	89.7	89.1	89.8	90.0	90.1	90.6	91.4	90.0
Sub-komponen : Kualiti pendidikan													

Pendapatan dan Pengagihan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Pendapatan per kapita benar (PNK) (RM) (+)	17,071	16,933	17,583	18,431	19,317	19,951	20,874	21,768	21,960	21,649	22,238	23,025	23,626
Koefisien Gini berdasarkan pendapatan boleh guna (-)	0.434	0.442	0.446	0.446	0.446	0.438	0.430	0.422	0.423	0.425	0.421	0.418	0.414
Kadar kemiskinan (-)	7.6	6.7	6.0	5.8	5.7	4.9	4.2	3.6	3.7	3.8	2.9	2.2	1.7

Persekitaran Kerja	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Pertikaian perusahaan (-)	436	378	432	378	323	381	333	302	267	330	344	311	302
Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan ('000) (-)	3.1	6.0	1.6	0.1	3.3	4.8	0.5	0.2	0.3	1.1	0.2	0.1	0.1
Kadar kemalangan di tempat kerja (-)	95,006	85,926	81,810	81,003	77,742	70,690	68,008	56,339	63,167	61,161	60,405	59,042	56,992
Purata jam bekerja (-)	47.7	47.7	48.3	48.1	47.9	48.2	48.0	47.5	47.7	47.1	47.1	46.7	46.3

Perumahan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
% unit rumah kos rendah kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (+)	34.4	34.6	35.4	37.1	39.3	40.8	41.8	42.3	42.4	42.3	42.2	41.8	41.3
% isi rumah dengan bekalan air terawat (+)	89.9	91.4	92.9	92.7	92.5	92.4	92.2	92.1	92.5	92.9	93.2	93.6	93.9
% isi rumah dengan bekalan elektrik (+)	98.3	98.7	99.0	98.9	98.9	98.9	99.0	99.0	99.1	99.3	99.2	99.0	98.9
% isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah (+)	69.0	69.2	69.3	69.4	69.6	70.4	71.3	72.1	74.1	76.2	76.7	77.2	77.7
Bilangan penghuni sebilik (-)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.5	1.5

Alam Sekitar	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kualiti udara (% stesen dengan IPU <50) (+)	73.4	70.2	58.0	65.0	62.4	63.2	63.5	73.2	76.6	71.7	80.9	72.4	73.9
Kualiti air (% sungai bersih yang dipantau) (+)	28.3	50.0	52.5	49.2	48.3	70.0	58.5	63.4	57.7	54.9	51.4	59.3	58.3
% kawasan berhutan (+)	56.4	56.0	61.3	59.3	59.2	55.2	55.2	55.3	55.2	55.8	56.3	56.7	57.2
Kuantiti sisa berjadual (tan metrik setahun/ penduduk) (-)	0.015	0.017	0.015	0.018	0.018	0.023	0.042	0.042	0.047	0.061	0.066	0.056	0.064
Purata suhu maksimum (° C) (-)	32.8	32.8	33.5	32.3	32.4	32.9	32.0	31.4	31.3	31.7	32.0	31.7	32.2

Keluarga	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kadar perceraian (% kepada penduduk berumur 18 tahun dan ke atas) (-)	0.11	0.11	0.12	0.12	0.13	0.14	0.15	0.15	0.16	0.20	0.20	0.18	0.18
Kes keganasan rumahtangga (setiap '000 penduduk) (-)	0.19	0.18	0.17	0.17	0.16	0.15	0.15	0.14	0.14	0.13	0.11	0.11	0.12
Jenayah juvana (% kepada penduduk berumur 10-18 tahun) (-)	0.09	0.08	0.06	0.08	0.07	0.08	0.09	0.09	0.10	0.11	0.10	0.07	0.16
Sub-komponen: Institusi keluarga													
Pendapatan bulanan purata isi rumah (RM) (+)	2,640	2,819	3,011	3,128	3,249	3,389	3,534	3,686	3,852	4,025	4,327	4,651	5,000
Hutang isi rumah per kapita (RM) (-)	7,035	8,671	9,970	11,056	12,378	13,761	14,906	15,631	16,875	18,191	20,592	23,055	25,731
Nisbah tanggungan (-)	61.4	60.4	59.1	57.6	56.2	54.7	53.1	51.7	50.2	48.9	47.8	47.0	46.4
Sub-komponen: Kedudukan kewangan keluarga													

Keselamatan Awam	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kadar jenayah (setiap '000 penduduk) (-)	7.7	7.6	7.2	7.5	7.2	7.0	8.7	9.1	8.9	8.9	7.4	6.5	6.0
Kemalangan jalan raya (setiap '000 kenderaan berdaftar) (-)	23.6	23.5	23.2	23.3	23.7	22.3	21.6	21.6	21.5	21.0	20.7	21.1	20.4

Penyertaan Sosial	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Pengundi berdaftar (% kepada penduduk berumur 21 tahun dan ke atas) (+)	76.6	76.4	74.6	74.3	71.9	69.4	67.3	69.4	67.5	66.5	68.2	70.9	73.0
Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar (setiap '000 penduduk) (+)	1.4	1.4	1.5	1.5	1.6	1.2	1.3	1.3	1.4	1.5	1.5	1.5	1.7
Bilangan persatuan penduduk berdaftar (+)	1,607	1,738	1,818	1,945	2,249	2,032	2,331	2,642	2,988	3,409	3,775	4,025	4,542
Keahlian RELA dan RakanCop (setiap '000 penduduk) (+)	12	13	14	14	15	16	17	19	20	34	91	99	103

Tadbir Urus	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
% kes rasuah yang didakwa (+)	37.2	36.2	69.0	51.6	35.8	42.3	46.5	37.6	34.4	35.2	40.4	32.4	49.9
Bilangan transaksi e-pembayaran (juta) (+)	96.6	115.2	214.4	357.6	467.2	590.4	785.1	966.6	1,960	1,168	1,230	1,431	1,629
% kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (+)	54.5	65.8	65.5	63.7	80.6	83.0	86.4	92.9	94.8	97.6	98.7	97.7	95.6
% pengguna e-Filing (+)	-	-	-	-	-	-	4.5	13.8	21.5	27.9	32.4	35.3	39.0

Kebudayaan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Bilangan kehilangan perpustakaan awam (setiap '000 penduduk) (+)	112	122	118	123	118	125	124	134	135	147	169	166	193
Bilangan pengunjung Istana Budaya (setiap '000 penduduk) (+)	3.6	1.0	3.7	1.5	2.5	3.0	4.8	4.5	4.6	5.4	5.3	6.1	4.9
Bilangan pelawat muzium (setiap '000 penduduk) (+)	73.1	54.8	71.3	77.5	81.5	76.2	77.4	78.0	71.4	88.9	97.6	108.5	110.6
Bilangan pengunjung Kompleks kraf (setiap '000 penduduk) (+)	12.5	15.6	8.4	9.6	13.1	13.8	14.5	16.0	15.1	14.9	15.5	12.8	14.0

Liburan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar ('000) (+)	1,551	1,658	1,772	1,895	2,026	2,166	2,315	2,475	2,646	2,930	3,193	3,248	3,836
Bilangan penginap domestik di hotel (setiap '000 penduduk) (+)	579	648	671	732	1,088	1,149	1,202	1,340	1,473	1,172	963	958	1,019
Bilangan pengunjung taman rekreasi (setiap '000 penduduk) (+)	137	183	161	244	295	365	356	362	386	363	549	596	640
Bilangan pengunjung pawagam (setiap '000 penduduk) (+)	439	461	417	512	653	995	1,043	1,240	1,591	1,571	1,899	2,054	1,940

Kesihatan	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Jangkaan hayat ketika lahir (+)	72.2	72.8	72.9	73.1	73.3	73.6	73.7	73.8	73.9	73.9	74.1	74.4	74.6
Bilangan kes penyakit tidak berjangkit (setiap '000 penduduk)(-)	7.2	7.6	7.9	8.0	8.4	8.6	8.9	8.9	8.9	8.7	8.2	8.3	8.4
Kadar kematian bayi ketika lahir (setiap 1,000 kelahiran hidup)(-)	6.5	5.7	6.5	6.6	6.5	6.6	6.2	6.2	6.2	6.9	6.8	6.6	6.6
Kadar kematian ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup)(-)	30.6	38.6	32.8	28.5	27.2	27.8	27.5	29.0	28.9	27.0	27.3	25.5	25.8
Sub-komponen : Tahap kesihatan													
Bilangan kati di hospital (setiap '000 penduduk)(+)	2.0	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9
Nisbah doktor kepada penduduk(-)	1,490	1,474	1,406	1,377	1,402	1,300	1,214	1,149	1,105	927	859	791	758
Tempoh waktu menunggu di hospital bagi pesakit luar (minit)(-)	108	98	89	81	74	67	61	56	51	46	41	37	34
Sub-komponen : Perkhidmatan penjagaan kesihatan													

Nota:

Tanda (+) bermakna semakin tinggi nombor menunjukkan prestasi yang lebih baik
Tanda (-) bermakna semakin rendah nombor menunjukkan prestasi yang lebih baik

Glossari Akronim

3

3R Kurang, guna semula dan kitar semula

A

AIGDC *Academia-Industry Graduate Development Centre*
 AKPK Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
 ASEAN *Association of South East Asian Nations*
 ASTRO *All-Asian Satellite Television and Radio Operator*

B

BBGP Jalur Lebar untuk Masyarakat Umum
 BET Transit Bas Ekspres
 BPA Biro Pengaduan Awam

C

CAGR Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata
 CBC Pusat Komuniti Jalur Lebar 1Malaysia
 CBL Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti 1Malaysia
 CIO Ketua Pegawai Maklumat

D

DCR Kadar Panggilan Terputus
 DEB Dasar Ekonomi Baru
 DPN Dasar Pembangunan Nasional
 DWN Dasar Wawasan Negara

E

EAF *Employability Attributes Framework*
 eKL e-Governance and Service Delivery
 EPP Projek *Entry Point*
 EU Kesatuan Eropah
 EIU *Economist Intelligence Unit*

F

FELCRA Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
 FELDA Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

G

GCIO Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan
 GEB *National Graduate Employability Blueprint*
 GEC *Graduate Employability Competencies*
 GET *Graduate Employability Taskforce*
 GPN Gred Purata Nasional

H

HDI *Human Development Index*
 HDR *Human Development Report*
 HSBB Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi

I

IBM Indeks Belia Malaysia
 ICT Teknologi Maklumat dan Komunikasi
 IKHM Indeks Kualiti Hidup Malaysia
 IKK Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia
 IKRM Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
 IPT Institusi Pengajian Tinggi
 IPTV *Internet Protocol* Televisyen
 IPU Indeks Pencemaran Udara

K

KASIH Kukuh Akhlaq Sihat Ilmu Harmoni
 KDNK Keluaran Dalam Negeri Kasar
 KEJORA Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
 KESEDAR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
 KETENGAH Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
 KLIA Kuala Lumpur International Airport
 KPI Indikator Prestasi Utama
 KPM Kementerian Pendidikan Malaysia
 KWSP Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
 KTM Keretapi Tanah Melayu
 KTW1M Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia

KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah	PhD	Ijazah Doktor Falsafah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	PISA	<i>Programme for International Student Assessment</i>
L		PNK	Pendapatan Negara Kasar
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	PPA1M	Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia
LRT	Rel Aliran Ringan	PR1MA	Perumahan Rakyat 1Malaysia
LKRM	Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia	PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
M		Q	
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia	QOL	<i>Quality of Life</i>
MC&I	Kriteria dan Indikator Malaysia	QOS	Piawaian Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan
MDGs	<i>Millennium Development Goals</i>	R	
MESRA	Program Mesra	RDI	Indeks Pembangunan Jalan Raya
MIROS	<i>Malaysian Institute of Road Safety and Research</i>	RELA	Ikatan Relawan Rakyat
MyEG	My Kerajaan Elektronik	RMKe-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
N		RMKe-10	Rancangan Malaysia Kespuluh
NBP	Pelan Jalur Lebar Negara	RSPO	Persidangan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan
NCD	Penyakit Tidak Berjangkit	RUMAWIP	Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan
NPO	Pertubuhan Bukan Bermotif Keuntungan	RENTAS	<i>Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities</i>
NHMS	Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional	S	
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara	SCP	Penggunaan dan pengeluaran secara mampan
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara	SEDC	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri
O		SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi	SKPG I	Sistem Kajian Pengesanan Graduan I
OSH	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	SKPG II	Sistem Kajian Pengesanan Graduan II
P		SMARTSTART	Program Pra-Perkahwinan SMARTSTART
PAKR	Perumahan Awam Kos Rendah	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
PCN	Rangkaian Kampus Putrajaya	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
PDRM	Polis DiRaja Malaysia		
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial		
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan		



T	
TIMSS	<i>International Mathematics and Science Study</i>
TNS	<i>Taylor Nelson Sofres</i>
U	
UDA	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i>
UPE	Unit Perancang Ekonomi
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
W	
WP	Wilayah Persekutuan
WHO	<i>World Health Organisation</i>